



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 03 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 03 November 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Selamat pagi Ahli-ahli Yang Berhormat. Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BIN ISMAIL : Tuan Speaker, soalan nombor 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK: BENTENG PENGHALANG HAKISAN OMBAK

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jarak benteng penghalang hakisan ombak yang akan dibina bagi menghalang ombak besar untuk mengatasi banjir?
- b) Berapakah peruntukkan yang telah diluluskan untuk projek benteng ini?
- c) Berapa lamakah projek ini akan disiapkan?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker, terima kasih kepada Seri Serdang yang bertanya tentang benteng penghalang hakisan ombak di Pantai Jeram. Di mana jarak struktur benteng hakisan pantai adalah sepanjang 1.3 kilometer. Peruntukkan yang telah diluluskan untuk projek benteng ini dengan siling projek RM6.5 juta dan sekarang dalam proses tender. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama dua (2) tahun dan dijangka dapat disiapkan pada tahun 2018. Pada masa kini, status bagi projek ini adalah dalam fasa reka bentuk terperinci dan telah pun selesai dan seperti mana yang saya sebutkan tadi masih lagi dalam proses tender. Sekian, terima kasih

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK: OKU

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Memandangkan kemudahan OKU di Selangor belum tercapai, apakah ada jawatankuasa khas di peringkat negeri yang bertanggungjawab untuk mengaudit bebas halangan untuk OKU? Nyatakan Siapa?
- b) Apakah hasil pemantauan dari Audit ini?
- c) Bilakah Selangor akan mencapai Bebas Halangan OKU mengikut standard antarabangsa?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor amat menghargai usaha dan inisiatif Pihak Berkuasa Tempatan yang prihatin dalam menyediakan pelbagai kemudahan bagi golongan orang kurang upaya (OKU) untuk mengakses kemudahan yang terdapat di kawasan PBT. Pihak PBT telah mewujudkan Jawatankuasa Bandar Selamat dan Bebas Halangan yang bertanggungjawab memberikan penekanan terhadap keperluan golongan orang kurang upaya. Di mana golongan ini merupakan sebahagian masyarakat yang berhak menerima perkhidmatan dan kemudahan yang sama rata. Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor telah mewujudkan Jawatankuasa Teknikal ini yang bersidang sebulan sekali tertakluk kepada keperluan Pihak PBT masing-masing. Ia nya membincangkan hal-hal yang berkaitan pelan tindakan audit akses di jabatan-jabatan kerajaan, tempat-tempat awam, bank, *hypermarket* dan lain-lain. Melalui Jawatankuasa ini Kerajaan Negeri akan memastikan golongan OKU ini dapat menikmati dan mengakses kemudahan yang digunakan seperti memastikan setiap bangunan lama dinaiktaraf bagi memudahkan golongan OKU seperti tandas, tempat letak kereta, rem dan sebagainya serta menyediakan kaunter khas bagi memudahkan golongan OKU ini berurusan. Manakala bagi pembangunan baru setiap pemaju perumahan telah disyaratkan untuk menyediakan kemudahan OKU bagi setiap projek pembangunan perumahan melalui syarat pemberian kelulusan di peringkat Pelan Kebenaran Merancang dan juga Pelan Bangunan di setiap PBT, ia nya perlu dipatuhi oleh setiap pemaju sebagaimana yang digariskan dalam pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 melalui Seksyen 34 A. Bagi memastikan tahap kemudahan OKU ini mencapai piawaian yang telah ditetapkan,

pihak PBT akan melaksanakan pemantauan sepenuhnya ke atas kemudahan OKU yang disediakan dalam memastikan keperluan golongan OKU tidak dipinggirkan.

c) Kerajaan Negeri tidak menetapkan satu sasaran yang sama bagi mencapai Bebas Halangan OKU memandangkan setiap PBT mempunyai Pelan Perancangan Bebas Halangan yang berbeza mengikut keperluan dan isu setempat yang terdapat di setiap PBT.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih kepada EXCO yang menjawab. Saya ingin bertanya, kalau kita tiada satu pelan jangkaan bilakah ya... saya rasa stabiliti, bebas halangan ini dapat diwujudkan kepada semua PBT. Jadi akan menjadi satu kepayahan kepada penduduk ataupun kepada rakyat negeri Selangor. Soalan saya, kena ada, apakah ada satu jawatankuasa khas pengauditan di peringkat Negeri Selangor untuk memastikan bahawa semua PBT mengikut pelan tindakan yang dibuat dan satu jangka masa yang dinyatakan boleh mencapai bebas halangan ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil, Kerajaan Negeri mengambil ha..ha.. baik cadangan yang dikemukakan oleh Batu tiga untuk menubuhkan yang mana ia nya kita akan cuba wujudkan pada tahun hadapan yang mana ia nya akan melibatkan kerjasama semua PBT melalui jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan, yang mana ia nya adalah, ia nya untuk melaksanakan kerja-kerja pemantauan dan audit semasa bagi mencapai sasaran yang bersesuaian dengan perancangan PBT masing-masing kerana di peringkat PBT telah ada jawatankuasa-jawatankuasa ini. Maka peringkat negeri, kita akan memantau melaksanakan ataupun mewujudkan jawatankuasa ini untuk memantau. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan tambahan lagi.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, ada soalan lagi. Soalan nombor b) itu saya rasa belum dapat dijawab dengan baik jadi saya mohon pihak EXCO kalau boleh berikan saya perincian saya tentang setiap PBT apakah pencapaian yang telah dicapai bagi memastikan bebas halangan ini boleh dibuat oleh OKU. Jadi, saya mohon satu apa ini, data tentang hasil penemuan audit yang telah dibuat. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga, kita akan memberikan perincian tersebut selepas sidang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Tuan Speaker, soalan saya nombor 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK: PAPAN TANDA KAMPUNGKU KESAYANGANKU

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Berapakah bilangan papan tanda yang telah dibina seluruh Selangor dan berapakah bajet yang dibelanjakan?

Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Speaker. Morib bertanyakan berkaitan Papan Tanda Kampungku Kesayanganku. Tujuan, Kerajaan Negeri mewujudkan Papan Tanda Kampungku Kesayanganku adalah bagi melestarikan identiti kampung tradisi pembinaan papan tanda yang seragam bagi semua kampung tradisi di Negeri Selangor. Pembinaan papan tanda ini telah diluluskan dalam hasrat Kerajaan Negeri dan dibina di semua 368 kampung tradisi di Negeri Selangor yang melibatkan kos sejumlah RM1,840,000.00. Ini bermakna setiap papan tanda di peruntukkan sejumlah RM5000.00 di setiap kampung. Dan saya dapati hampir kesemua telah hampir dibina dan berlaku penjimatan yang kosnya tidak sampai pada RM5000.00 setiap Papan Tanda Kampungku Kesayanganku. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih saya begitu apa ini Terima kasihlah kepada EXCO kerana kita lihat di seluruh Selangor di kampung-kampung telah ada papan tanda. Tapi saya tidak pasti sama ada disebabkan kualiti atau tidak. Papan tanda Kampung Kebun Bunga tidak sampai sebulan ia pasang *banner* tersebut telah pun renyuk. Jadi, saya mohon supaya pihak EXCO perlu ada satu audit balik tentang papan tanda ini supaya papan tanda yang dipasang itu dalam keadaan baik. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Batu Tiga kita memang mematuhi perkara ini dan kita juga akan melihat perkara-perkara yang boleh menambahbaik, perkara-perkara asal apabila papan tanda itu bersifat *banner* yang mana boleh ditukar daripada pada masa ke semasa mengikut kreativiti kampung tetapi adalah berdasarkan kepada asas yang telah kita putuskan. *Insya-Allah* kita lihat semula perkara-perkara yang boleh menjadi penambahbaikan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih Speaker, soalan nombor 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK: UNIT TINDAKAN DENGGI (UTD)

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tanggungjawab dan peranan UTD?
- b) Bagaimana SOP kerja UTD?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Hulu Bernam. Hulu Bernam bertanya Unit tindakan Denggi. Tuan Speaker, Unit Tindakan Denggi ini adalah satu langkah proaktif bagi memerangi kes-kes denggi di kawasan *hot sport* dan ia nya diinisiatifkan dan diwujudkan oleh MBSA dan ia akan diperluaskan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengawal peningkatan kes demam denggi di negeri Selangor. Unit ini diwujudkan apabila satu *locality hot sport* mempunyai 100 kes atau pun mempunyai tempoh kes wabak lebih 100 hari. Tanggungjawab UTD ini ataupun pasukan Unit Tindakan Denggi ini adalah untuk memastikan *locality* yang dipilih akan terkeluar dari senarai *hot sport* dengan pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan dalam tempoh 3 bulan. Unit Tindakan Denggi berperanan untuk mencari punca utama yang menyumbang kepada peningkatan kes denggi dan menyelesaikan masalah tersebut. Selain itu, Unit Tindakan Denggi ini akan membuat pemeriksaan dari rumah ke rumah untuk memastikan tiada pembiakan aedes di dalam rumah dan memberi pendidikan asas mengenai tempat-tempat yang berpotensi untuk membiak aedes.

b) Tugas Unit Tindakan Denggi digalas oleh dua orang atau tiga orang kakitangan PBT dan ditempatkan di *locality hot sport* bagi melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan. Pihak UTD akan bekerjasama dengan pihak JMB dalam tempoh tiga bulan yang ditetapkan untuk melaksanakan aktiviti utama iaitu mengenal pasti dan menyelesaikan punca utama pusat tempat pembiakan aedes. b) Membuat

pemeriksaan rumah ke rumah dan mengadakan aktiviti pendidikan. c) Melatih pihak JMB untuk melakukan aktiviti kawalan dan pencegahan secara sendiri seperti semburan kabus dan *double sliding* dan seterusnya menganalisa *trend* kes denggi di kawasan tersebut. Pelaksanaan UTD telah memperlihatkan keberkesannya apabila sebuah kawasan hot sport di daerah Petaling yang mana selama 204 hari ia nya dapat berjaya mencapai sifar kes. Lokasi tersebut adalah di Pusat Komersial Seksyen 7, Shah Alam yang pernah mencapai mencatatkan sebanyak 249 kes berdaftar. UTD ini mula ditempatkan di *locality* tersebut bermula 13 Jun sehingga 30 September. Dan dalam tempoh tiga bulan UTD telah berjaya mengatasi dua kejadian wabak dan memastikan *locality hot sport* menjadi sifar denggi. Terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Adakah UTD hanya akan bertindak selepas mendapat laporan kes di sesuatu kawasan ataupun sepanjang masa. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Hulu Bernam, UTD ini hanya akan di *park* kan di kawasan-kawasan *locality hot sport* yang saya sebut tadi yang telah pun dilangsung sama ada berlaku 100 kes ataupun melebihi 100 wabak di kawasan tersebut. Ia akan bertapak di situ dan memastikan segala aktiviti kawalan dilaksanakan sehingga kawasan tersebut sehingga mencapai sifar kes. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Tuan Speaker, soalan ke-28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK: PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN SELANGOR

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pembangunan *kiosk* pelancongan di Taman Saga, Ampang di bawah DUN Teratai akan siap?
- b) Berapakah perbelanjaan digunakan untuk mempromosikan pelancongan Selangor dalam tahun 2013-2016?
- c) Apakah perancangan dan pelan tindakan industri pelancongan Selangor?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, cadangan pembangunan kios pelancongan di Taman Saga, Ampang merupakan antara projek yang akan dilaksanakan dalam projek pembangunan landskap dan gerai di Taman Saga, Ampang. Status pelaksanaan projek ini adalah dalam proses reka bentuk dan dokumentasi oleh juru perunding yang telah dilantik serta projek ini dijangka bermula pada 2017.

Soalan kedua daripada Yang Berhormat Teratai berkenaan perbelanjaan yang digunakan untuk mempromosikan pelancongan Selangor, sejak tahun 2013, jumlahnya adalah RM12,756,757.92. Dan pecahan peruntukan promosi dan acara yang telah dibelanjakan adalah seperti berikut :-

TAHUN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
2013	2,036,780.87
2014	2,474,118.05
2015	4,474,200.00
Setakat ini 2016	3,771,757.92

Yang Berhormat Teratai juga telah bangkitkan apakah perancangan dan juga pelan tindakan industri pelancong di negeri Selangor secara ringkasnya :

1. Kita ada penjenamaan kempen di mana Discover Selangor, Hearty Of Malaysia merupakan kempen peningkatan kesedaran dan juga permintaan di dalam pasaran utama bidang pelancongan seterusnya meletakkan aras yang jelas untuk memberikan produk pelancongan yang lebih berkualiti serta perkhidmatan yang terbaik.
2. Meningkatkan permintaan (*demand*) daripada pasaran Negara China, India dan pasaran baru. Dengan itu kita dapat menambahkan peningkatan jumlah pelancong dan jumlah resit pelancongan. Mempergiatkan siri promosi di bandar-bandar menengah (*second-tier cities*), dengan izinnnya seperti di Negara China, Guangzhou, Shenzhen, Wuhan, Kunming, Chengdu dan Dongguan. Manakala di Negara India adalah seperti Lucknow, Jaipur, Kochin dan Srinagar.
3. Adalah untuk membina kapasiti digital yang lebih kompetitif. Meningkatkan penggunaan kaedah pemasaran digital dalam program promosi dan juga pengiklanan.
4. Menggalakkan pelaburan dan juga perniagaan pelancongan. Kita dapat meningkatkan sumbangan di dalam bidang pelancongan perniagaan /MICE.

Dan juga bekerjasama dengan pihak Invest Selangor untuk menarik pelabur dalam bidang pelancongan.

5. Melalui acara pelancongan yang memainkan peranan yang penting dalam merencanakan aktiviti promosi pelancongan dalam dan luar negara.

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Dengan izin Puan Speaker, soalan saya nombor 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PERSEMPADANAN SEMULA YANG DICADANGKAN OLEH
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA PADA SEPTEMBER 2016**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kedudukan Kerajaan Negeri Selangor terhadap persempadanan semula yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya pada September 2016?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dan/atau pihak berkuasa tempatan membantah menurut Seksyen 5(a) Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan dan sekiranya ada, apakah alasan untuk bantahan tersebut?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : CADANGAN PERSEMPEDANAN SEMULA SPR

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan persempadanan semula oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang dipamerkan pada bulan September 2016? Jika tidak, nyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : CADANGAN PERSEMPEDANAN SEMULA OLEH SPR

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah ditolak.*
- b) *Sub-soalan telah ditolak.*
- c) Sila huraikan apakah langkah-langkah drastik yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap SPR?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab Yang Berhormat Pandamaran bersekali dengan soalan nombor 230, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kubu Baharu dan soalan nombor 283, dari Yang Berhormat Sekinchan. Memandangkan ketiga-tiga Ahli Dewan Negeri ini membangkitkan perkara yang sama.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin memaklumkan kepada ketiga-tiga Ahli Dewan Negeri ini bahawa terdapat satu Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gasing, yang akan dibentangkan dan dibahaskan dalam sesi kali ini. Dan saya yakin dalam pembentangan dan perbahasan usul yang berkenaan, perkara-perkara yang lebih terperinci akan dibincang dan diperhalusi dan akan diberikan respon oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pada pagi ini saya tetap memberikan respon kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali, Yang Berhormat daripada Kuala Kubu Baharu bertanyakan adakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan persempadanan semula oleh SPR yang dipamerkan pada bulan September. Jawapannya pasti tidak. Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri telah pun mengangkat perkara ini dan membincangkan dan memperhalusi cadangan yang dikemukakan oleh SPR dan Kerajaan Negeri berpendirian bahawa syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah yang dipamerkan pada 15 September 2016, khususnya berkaitan dengan Negeri Selangor oleh SPR adalah bercanggah dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah Para 2 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Negeri berpendirian bahawa penyisihan pengundi dari kawasan mereka tanpa alasan yang sah, adalah satu penafian hak ke atas rakyat kepada wakil dan perwakilan pilihan mereka. Justeru itu Kerajaan Negeri, menggunakan ruang perlembagaan dan proses perundangan untuk membantah. Kita tidak melempar baldi kosong tetapi kita menggunakan ruang perlembagaan dan proses perundangan untuk membantah cadangan SPR. Mesyuarat MMKN telah bersetuju agar beberapa langkah diambil untuk membantah syor SPR ini.

Pertama, Kerajaan Negeri dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan, yang merupakan pihak-pihak yang dibenarkan oleh Seksyen 5, Bahagian 2, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan untuk mengemukakan representasi bantahan berkaitan dengan syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah termasuk Negeri Selangor oleh SPR yang telah dipamerkan. Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua 12 PBT di Negeri Selangor telah berjaya mengemukakan bantah kepada SPR (TEPUK). Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya telah menulis surat kepada SPR pada 21 September 2016, yang lalu, untuk mengadakan pertemuan bagi meminta penjelasan tentang asas kriteria, alasan dan metodologi yang digunakan oleh SPR dalam mengemukakan syor persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya serta meminta SPR untuk membekalkan dokumen yang sepatutnya dipaparkan bersama syor SPR untuk membolehkan bantahan dibuat berdasarkan maklumat yang lengkap. Malangnya pada 23 September 2016 yang lalu, Kerajaan Negeri telah menerima jawapan daripada SPR yang mengatakan SPR menolak permohonan untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri. Maka Kerajaan Negeri telah membuat bantahan selain daripada 12 PBT mengemukakan bantahan, Kerajaan Negeri juga telah membuat bantahan terdapat syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Selangor pada 13 Oktober yang lalu. Di mana kita telah mengemukakan bantahan rasmi pada 13 Oktober 2016 atas alasan yang berikut :

1. Syor untuk persempadanan semula oleh SPR telah mencabuli dan tidak konsisten dengan Perlembagaan Persekutuan terutamanya Perkara 113 (2) Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 2(c) dan 2(d) Jadual Ketiga Belas. Di mana dalam Jadual Sub Seksyen 2(c) dan 2(d) Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan menyatakan prinsip yang berikut hendaklah seboleh-bolehnya diambil kira dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya menurut Peruntukan Perkara 116 dan 117. Di mana bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya di dalam sesuatu negeri patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai kepada pemilih di dalam daerah desa dan kesukaran lain yang di hadapi oleh bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar. Ukuran pejajaran bagi kawasan patutlah diberikan kepada pemeliharaan hubungan tempatan. Perkara (d), perhatian patutlah diberikan kepada kesulitan yang akan timbul dengan perubahan bahagian-bahagian pilihan raya dan kepada pemeliharaan hubungan tempatan. Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat, definisi hubungan tempatan, yang terdapat di dalam Seksyen 2(d) bermaksud hubungan yang wujud dan bersejarah antara penduduk-penduduk dalam suatu komuniti dari segi adat, sosial dan ekonomi yang juga merangkumi hubungan penduduk dengan sebuah bandar atau Pihak Berkuasa Tempatan serta nilai-nilai masyarakat tersebut. Apa yang dilakukan oleh SPR hari ini

khususnya di Negeri Selangor ialah memecahkan hubungan keharmonian tempatan yang sudah ada dan wujud di dalam Negeri Selangor.

2. Perkara yang kedua, yang diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri ialah terdapatnya pilihan bahagian pilihan raya yang merentasi lebih daripada satu bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Ini termaktub dalam bantahan yang kita kemukakan kepada pihak SPR. Dan perkara yang lebih substantif dalam bantahan tersebut ialah pembahagian yang tidak sekata, ataupun *melt upper cement*, yang dilakukan oleh pihak SPR.
3. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri juga telah mengambil satu lagi langkah yang drastik, iaitu mengemukakan saman sivil terhadap SPR di mana pada 20 (TEPUK) 20 Oktober 2016 yang lalu Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan untuk semakan kehakiman bagi menghalang SPR melakukan persempadanan semula ini, dan mahkamah telah menetapkan tarikh untuk pengurusan kes pada 9 November 2016 yang akan datang. Iaitu beberapa hari yang akan datang. Dan dalam kes ini, saya percaya dengan bukti-bukti yang telah pun disiapkan oleh pakar-pakar yang terlibat secara langsung dalam perkara ini, saya yakin bukti-bukti yang akan dikemukakan cukup kuat bagi menghalang SPR meneruskan pembahagian dan pecah sempadan bagi kepentingan UMNO dan Barisan Nasional. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Tuan Speaker. Memandangkan banyak pendengaran dan bercanggah dengan perlembagaan yang dilakukan oleh SPR dalam konteks persempadanan semula ini, bolehkah Yang Amat Berhormat, huraikan secara terperinci, sebenarnya apakah motif yang tersirat yang dilakukan oleh SPR untuk nak buat perkara sedemikian. Apakah motifnya. Bagi tahu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan, motifnya sudah jelas, ya dan kita akan senaraikan perkara ini ketika perbahasan usul nanti supaya Dewan ini dapat merakamkan tentang langkah-langkah yang diambil. Yang jelas telah melanggar Perlembagaan Persekutuan. Dan seperti yang saya sebutkan dalam Ucapan Belanjawan, sebagai sebuah negara yang demokratik, kita harus mematuhi Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada dan sebarang cadangan untuk membuat pindaan haruslah mematuhi perkara-perkara ini. Malangnya, nampaknya SPR seolah-olah menerima arahan daripada pihak UMNO dan Barisan Nasional untuk mewujudkan kawasan yang selamat bagi UMNO. Kalau sebelum ini, SPR telah diminta untuk mewujudkan kawasan-kawasan *mix constituency*, kerana itu memberikan kemenangan kepada Barisan Nasional, namun sekarang mereka tahu kawasan-kawasan campuran ini amat berbahaya kepada mereka. Mereka kembali untuk mewujudkan kawasan-kawasan yang bersifat

perkauman bagi sesuatu kaum. Dan ini sudah tentulah melanggar Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada kerana kita tidak mahu seperti yang tersebut di dalam Seksyen, Sub Seksyen 2 (d)

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mohon mencelah..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan yang menjamin pemeliharaan hubungan tempatan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mohon mencelah..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Negeri Selangor in sebuah negeri yang rencam. Orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Sikh, boleh hidup dalam satu keluarga besar yang bersatu padu. (TEPUK) Mengapa dipecah-pecahkan orang Melayu satu kawasan, orang Cina satu kawasan. Negeri ini tidak akan maju kalau masih ada lagi urusan yang dibuat mengikut kaum dan agama. Kita mahu sebuah negeri yang rencam ini dikekalkan keharmonian dan perpaduannya. Terima kasih.

Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM : Saya nak tanyalah, adakah betul ni, mantan Pengarah SPR, ni, Tan Sri Rashid masuk ke Parti Bersatu. Dan jadi, ada posisi yang tinggi.

TUAN SPEAKER : Dato' Menteri Besar, soalan tidak berkaitan dengan urusan Kerajaan Negeri tak perlu jawab.

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR : Soalan tambahan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Nanti dulu, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker yang memberi peringatan tu saya tidak akan menjawab Y.B. Seri Andalas cuma saya memberikan fakta sahaja. Iaitu Pengerusi SPR yang lepas telah pun menyertai Parti Bersatu dan dilantik sebagai Naib Presiden dan saya percaya beliau dapat membantu kita memberitahu bagaimana penipuan yang dilakukan sebelum ini, terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR : Saya ingin bertanya kepada Menteri Besar apakah bukti tuduhan YAB Menteri Besar kepada kononnya UMNO dan Barisan

Nasional mengarahkan SPR dan seperti biasa bila sesuatu keadaan bila menang sahaja Pakatan Rakyat mereka kata tidak ada sebarang perubahan tetapi bila menang BN mereka mulalah mengatakan ada berbagai tohmahan dan sebagainya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Hulu Bernam

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Peraturan Tetap, sebentar soalan yang ditanya kerana dia telah melanggar Seksyen 23, Sub 1 yang mana kerana YAB Menteri Besar telah menyatakan bahawa perkara ini telah dimasukkan ke Mahkamah jadi tidak perlu lah soalan yang sama ditanya di sini, kalau nak tahu bukti saya rasa boleh hadir setiap pendengaran yang diadakan di Mahkamah dan saya percaya ini akan dilaporkan media-media.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Pandamaran, dan Y.B. Hulu Bernam, cuma saya nak rujuk yang lain saya setuju dengan Y.B. Pandamaran pada 9 November ini kita akan hadir ke Mahkamah dan kita akan kemukakan kes kita tapi untuk menjawab soalan Hulu Bernam apakah bukti bahawa UMNO terlibat secara langsung dalam tindakan SPR, (1) Pengerusi SPR yang ada sekarang ini ialah bekas Setiausaha Sulit Kepada Tan Sri Anuar Musa, kita mahu satu badan yang bebas dan berkecuali dan bertindak secara profesional bagaimana seorang aktivis UMNO seorang pemimpin UMNO, seorang Pegawai Kanan kepada seorang Menteri UMNO dilantik Pengerusi SPR, tiga minggu yang lalu ini saya nak beritahu kali pertama dalam tiga minggu yang lalu diangkat satu nama untuk dilantik sebagai Timbalan Pengerusi SPR, siapa dia beliau adalah Ketua Setiausaha Sulit Kepada Perdana Menteri, saya bersyukur kerana apabila cadangan itu diangkat kepada Majlis Raja-raja, Majlis Raja-Raja menolak cadangan tersebut.

Ini membuktikan bagaimana SPR sedang cuba dipergunakan oleh UMNO dan Barisan Nasional tidak boleh mana-mana pemimpin parti politik mengetuai SPR, Pengerusi Setiausaha Sulit Anuar Musa, Timbalan Pengerusi Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri bagaimana kita boleh mencapai satu keadaan yang bebas dan berkecuali untuk mengadakan pilihan raya yang bersih dan adil. Sebab itu kita mesti mendukung usaha BERSIH bagi mencapai pilihan raya yang bersih dan adil.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih, Tuan Speaker soalan No.30

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK: BOLA SEPAK

30. Bertanyakan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkara sebenar yang berlaku dalam pasukan bola sepak Selangor
- b) Jelaskan bagaimana kerajaan mengatasi masalah ini supaya bola sepak Selangor terus cemerlang?
- c) Bagi tahun 2016 berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Lembah Jaya, Terima kasih Speaker, atas keprihatinan Lembah Jaya terhadap sukan terutamanya bola sepak, pertamanya pasukan bola sepak Negeri Selangor telah mengakhiri musim tahun 2016 dengan menduduki tangga yang kelima dalam pertandingan Liga Super dan baru sahaja tidak dapat mengekalkan kejuaraan Piala Malaysia walaupun kita layak di akhir. Kita sampai ke pusingan ketiga Piala FA dan kita kandas di peringkat kumpulan Piala AFC. Ahli Y.B. yang saya kasihi sekalian, jumlah perlawanan yang agak ketat dan jumlah perlawanan yang agak banyak di samping keterlibatan kita dalam kejohanan seperti AFC yang memerlukan penerbangan dan perjalanan yang agak jauh telah memberikan kesan kepada pasukan Negeri Selangor sebab itu pasukan ini berdepan dengan masalah kecergasan terutamanya. Namun begitu pada akhir-akhir musim terutamanya pada persaingan Piala Malaysia kita dapatlah layak di peringkat akhir.

Ahli Y.B. sekalian, untuk soalan (b) Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha untuk meningkatkan prestasi pasukan bola sepak Negeri Selangor dalam membuat rombakan kepada pasukan sebagai persiapan untuk musim hadapan. Jadi insya Allah pasukan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sukan Negeri akan sentiasa memantau sebab kita ingin pastikan pasukan bola dunia bola sepak Negeri Selangor ini sentiasa berdepan atau pun sentiasa berada dalam keadaan yang baik untuk rekod tahun hadapan 2 pasukan Negeri Selangor akan berada dalam Liga Super iaitu Pasukan PKNS, dan juga Pasukan Bola sepak Negeri Selangor. Justeru saya kita, Kerajaan Negeri harus memikirkan satu langkah yang komprehensif bagaimana kita dapat menggunakan kos kita dengan efektif bagaimana kita dapat menyusun supaya kita tidak mengulangi apa yang akan terjadi kepada pasukan bola sepak Negeri Terengganu, dia ada pasukan Terengganu dia ada pasukan T-Team habis dua-dua terkandas dalam liga dan akhirnya satu pasukan mereka terpaksa keluar daripada Liga.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sehingga bulan Julai 2016 faktanya Kerajaan Negeri telah membantu sebanyak RM13.87 juta untuk perbelanjaan pasukan Bola Sepak Negeri Selangor dan kita juga sebenarnya telah berbelanja hingga bulan September dan Oktober sekitar RM3 ke RM4 juta lagi jadi

bermakna kita telah membelanjakan RM17 juta setakat ini di samping ada beberapa perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya saya difahamkan bahawa ganjaran yang diberi kalau nak dibandingkan dengan negeri-negeri lain terhadap pemain-pemain bola sepak, Selangor agak rendah juga boleh saya tahu terendahnya berapa yang tertingginya berapa.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Saya tidak ada akta fakta yang jelas namun saya boleh anggarkan (1) kadar pemain gaji yang paling rendah adalah pada kadar RM8,000.00 mereka ini adalah pemain-pemain yang baru di naik taraf daripada tahap Piala Presiden iaitu sekitar berumur 20 dan 21 tahun. Sebelum itu di dalam Piala Presiden tawaran gaji yang kita tawarkan sekitar RM3500.00 sehingga RM4,500.00 dan mereka *upgraded* dengan izin atau di naik taraf menjadi pemain Liga Super kita letakkan syiling atau pun tahap minimum adalah sebanyak RM8,000.00 untuk gaji paling tinggi saya kira pada kadar lebih kurang RM80,000.00 hingga RM90,000.00 terutamanya kepada pemain-pemain import, pemain-pemain yang kita ambil kadar ini sebenarnya boleh dikatakan jauh lebih rendah berbanding dengan negeri-negeri lain yang menawarkan gaji yang agak tinggi dan ini adalah trend semasa selepas beberapa pasukan terutamanya ATM pada musim tahun 2011 mula berbelanja besar diikuti pasukan JDT selepas tahun-tahun tersebut, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Apakah Kerajaan bersedia untuk menswastakan FAS supaya tidak bergantung sangat sumber kewangan Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih, mahu atau tidak mahu dunia bola sepak perlu diswastakan menjelang tahun 2018 kita sangat serius terhadap perkara itu sebab itu dalam jawapan saya tadi saya dah nyatakan bahawa kita sedang memandang serius bagaimana penyusunan ini dapat dilaksanakan dengan syarat semua pihak harus bersedia untuk ke arah tersebut maklum saya ingin memberi maklum setelah beberapa tahun Kerajaan Negeri dan pihak FAS terutamanya bersedia untuk melaksanakan penswastakan tapi saya boleh saya katakan dalam tempoh dua tahun pengalaman saya selaku Pengurus Pasukan bolehlah saya katakan proses itu terlalu perlahan dan proses itu amat sukar

dilaksanakan kerana tidak ada kelulusan lagi daripada Pihak FAS untuk melaksanakan penswastaaan sedangkan penswastaaan adalah satu kewajipan yang perlu dilaksanakan menjelang tahun 2018. Jadi pihak Kerajaan Negeri sebab itu pada tahun ini kita tidak mengetengahkan belanjawan kita untuk pasukan bola sepak lagi sebab kita nak susun balik pada pandangan kita nak membantu mereka supaya mereka dapat diswastakan dan bola sepak ini tidak terlalu bergantung dengan dana Kerajaan yang mengakibatkan wujud kecemburuan daripada sukan-sukan lain, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Seri Andalas

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih, saya nak tanya pembayaran gaji bulanan ini termasuk cukai ke tanpa cukai.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Gaji ini, termasuk KWSP dan juga termasuk cukai yang perlu mereka bayar maknanya ia kita letakkan harga misal kata pemain ada 45,000.00 dan kita potongkan bulanan kepada mereka untuk mereka membayar Lembaga Hasil Dalam Negeri dan cukai mereka, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, Soalan No. 31

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TAUN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: RANCANGAN KERAJAAN UNTUK MENAMBAHBAIK KUALITI UNISEL

31. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan untuk menambahbaik kualiti di UNISEL?
- b) Adakah pendapatan UNISEL mencukupi bagi membiayai kos keseluruhan UNISEL?
- c) Apakah kewajipan Kerajaan untuk meneruskan operasi UNISEL?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih Y.B. Kota Anggerik, Kerajaan Negeri menerusi pengurusan baru UNISEL telah memulakan program Transformasi Universiti dan antara rancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik kualiti di UNISEL adalah seperti berikut (a) pemberian dana oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui peruntukkan tambahan untuk membaiki prasarana asas seperti pemasangan penyaman udara baru di kelas-kelas dan pejabat-pejabat pentadbiran dan fakulti kadar kelajuan Internet di kampus dipertingkatkan menerusi pemasangan 500 AP atau *WiFi access point* di setiap bangunan dan di kampus Bestari Jaya.

Seterusnya bagi memastikan fasilitis pembelajaran dan pengajaran yang lebih moden, canggih dan terkini 200 *visual desktop infrastructure* ataupun *VDI* dengan izin dipasang untuk kedua-dua kampus. Seterusnya pembelian sistem pengurusan universiti yang baru untuk memastikan pentadbiran serta pengurusan digital lebih efisien dan kaedah pengajaran yang canggih. (b) proses rasionalisasi fakulti dari 8 kepada 4 sahaja bagi memantapkan fakulti dan proses ini akan memperlihatkan pemantapan program-program sedia ada dan memperkenalkan program-program baru berdasarkan keperluan pasaran pekerjaan (c) menaik taraf asrama MAIS di kampus Shah Alam (d) memperkenalkan sistem Derma Siswa iaitu pendidikan dengan yuran percuma untuk tahun asas Pengurusan Teknologi Sains Maklumat dan pendidikan TESL dan (e) peruntukan dana pengantarabangsaan kepada pelajar UNISEL berjumlah 250,000.00

Bagi jawapan kedua atau (b) buat masa ini apabila Kerajaan Negeri membantu menyumbang kepada perbelanjaan pembangunan UNISEL pendapatan UNISEL mampu untuk menampung perbelanjaan operasi Universiti, dan bagi jawapan (c) UNISEL merupakan sebahagian daripada *Corporate Social Responsibility* dengan izin, Kerajaan Negeri dan kita seharusnya berbangga kerana ia nya satu-satunya Universiti yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri di Malaysia. Oleh itu memang wajar untuk kita meneruskan operasi UNISEL di Negeri Selangor.

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR : Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh memastikan bahawa UNISEL ini bebas daripada berpolitik. Politik semasa yang akan menjejaskan institusi pendidikan di Negeri Selangor.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Kita untuk makluman pihak dewan kita pelantikan di Universiti Selangor dibuat oleh pihak Senat ini berbeza dengan pelantikan misalnya Naib-naib Canselor HEP, Timbalan Naib Canselor HEP, di beberapa IPT yang dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi sendiri di situ bezanya

kita di mana kita tidak mengadakan campur tangan politik di dalam Universiti Selangor dan kita memberikannya birokrasi mengikut lunas-lunas yang ada.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Saya dapati di UNISEL agak terbuka untuk berkepimpinan daripada mana-mana parti untuk di UNISEL tetapi di IPTA kita dapati parti-parti pembangkang tidak membangkang langsung jadi apakah EXCO bersetuju yang berpolitik adalah IPTA bukan UNISEL.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya sememangnya bersetuju dengan pandangan itu sebab dalam sejarah UNISEL antara tokoh-tokoh yang pernah kita jemput daripada pihak pembangkang di Negeri Selangor termasuk lah yang Y.B. Sungai Panjang termasuklah Menteri KPKT yang ada pada hari ini mereka semua diberi ruang yang sepenuhnya untuk masuk ke UNISEL dan berforum dengan mahasiswa ini berbeza dengan kita di mana termasuk wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri sendiri tidak dapat masuk ke kampus-kampus di IPTA untuk mengadakan program bersama mahasiswa.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Terima kasih Tuan Speaker, Burung Tekukur, Burung Tempua, Soalan No. 32

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK: PINJAMAN RUMAH SELANGORKU

32. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah pemohon Rumah Selangorku yang gagal disebabkan tidak berjaya membuat pinjaman?
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memudahkan proses pinjaman kepada pemohon Rumah Selangorku?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : *Assalamualaikum Wabarakatuh Bismillahir Rahmanir Rahim.* Salam sejahtera. Pergi kedai nyonya. Ini jawapannya. Terima kasih kepada Kota Damansara. Untuk jumlah pinjaman ataupun mereka yang telah mendapat tawaran untuk membeli rumah Selangorku keseluruhannya

berjumlah 17,546 yang layak ditawarkan diberi rumah Selangorku dari tahun 2012 sehingga kini tetapi sebanyak 8,770 pemohon telah ditolak dan tidak berjaya mendapat pinjaman perumahan. Ini bermakna yang berjaya adalah 8,776 berbanding dengan 8,770 yang tidak berjaya. Antara perkara yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah mengadakan perbincangan dengan pihak bank bermula dengan Bank Kerjasama Rakyat Berhad bagi melihat apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak peminjam ataupun pemohon. Di antaranya adalah tentang masalah yang telah disenaraihitamkan akibat daripada pinjaman PTPTN contohnya bagi suatu projek di Rumah Selangorku di mana 60% daripada pemohon ataupun yang bakal membeli telah ditolak dan akan pinjaman mereka dan separuh daripada mereka ini adalah kerana mempunyai masalah dengan PTPTN. Apa yang telah dilakukan seperti mana yang telah berbincang dengan pihak bank terutama dengan Bank Kerjasama adalah supaya mereka melonggarkan sedikit syarat tersebut dan pihak bank telah bersetuju bank rakyat contohnya bersetuju agar sekiranya mereka dapat bayar pembayaran atau ansuran semasa mereka boleh dilepaskan. Selain dari itu kita juga minta kepada pihak pemaju apabila mereka berjumpa ataupun membuat hari terbuka untuk melancarkan projek-projek mereka, mereka perlu atau boleh memanggil PTPTN supaya para peminjam atau bakal pembeli berbincang terus bersama pihak PTPTN. Dan untuk keseluruhan ataupun secara keseluruhannya ia adalah di luar kuasa Kerajaan Negeri sebab kita juga telah minta kepada bank negara supaya ataupun gesaan-gesaan kepada kerajaan pusat supaya ada satu penyelesaian menyeluruh kepada masalah ini. Bagi Kerajaan Negeri kita Cuma dapat membantu atau menyelesaikan apa yang ada dalam bidang kuasa kita. Contohnya kita telah menjadi atau menjalankan satu ataupun melaksanakan satu program iaitu sewa milik iaitu program DanaSel. Di mana program DanaSel ini ia adalah satu program di mana penduduk atau pembeli boleh tinggal di situ dan mereka bayar Kerajaan Negeri dan mereka boleh tinggal sehingga habis keseluruhan pembayaran bagi rumah tersebut ataupun apabila mereka dalam masa 3 tahun atau 4 tahun mereka ingin membeli rumah tersebut mereka sudah boleh dapat pinjaman bank atau pembiayaan mereka boleh beli dan kita tolak daripada sewa-sewa yang telah dibayar. Ini apa yang kerajaan telah usahakan. Ia telah dilaksanakan di Kampung Rimba Jaya atau di Flat atau Pangsapuri Rimba jaya sebelum ini Kampung Rimba Jaya telah dirobohkan pada zaman kerajaan Barisan Nasional dan mereka mendapat masalah untuk mendapatkan pinjaman bank bertahun-tahun akhirnya pada tahun 2014 dan mereka hari ini telah dapat memiliki rumah mereka melalui skim DanaSel. Kita juga telah melaksanakan atau menawarkan kepada mereka yang duduk di Pangsapuri Sungai Sering, Hulu Kelang penduduk Sungai Sering ini dulu adalah peneroka bandar di Kampung Batu 8, Hulu Kelang yang juga telah dirobohkan rumah mereka di zaman kerajaan Barisan Nasional. Banyak sangat roboh masa tu. Jadi untuk skim DanaSel ini kita telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta dan tak betul kalau dikatakan bahawa Kerajaan Negeri hanya memikirkan program sewa milik ini baru-baru ni sahaja apabila kerajaan persekutuan hendak menjual PPR menggunakan skim sewa milik sebab kita dah berbincang dan juga meneliti akan prosedur-prosedur ini dari tahun

2014. Lama dah. 2 tahun. Jadi bermakna DanaSel ini adalah satu cara. Perkara kedua adalah seperti mana yang telah diumumkan peruntukan yang banyak oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu sebanyak RM100 juta daripada tabung kuota Bumiputera untuk kita membeli rumah untuk disewa smart sewa, smart sewa ni penduduk boleh duduk di sana dan apabila mereka keluar mereka akan dapat balik 30% daripada sewa yang mereka bayar untuk bantu mereka beli rumah. Tidak ada kerajaan di alam fana ini yang membuat program sedemikian. Hanya Kerajaan Negeri Selangor sahaja yang buat. Jadi itulah dua perkara dan yang ketiga ialah program yang dinamakan Selangor *Smart Home Buyer* kita juga telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta tapi dari segi prosedur kita ni kita berhadapan dengan masalah akta bank dan sebagainya sebab Kerajaan Negeri bukan bank. Jadi kita kena cari satu bank yang lain macam mana kita boleh bagi duit tu dan kita pungut balik. Kalau kita bagi pun kita hulurkan deposit kecuali kita nak bagi semua tapi kalau kita hulur deposit dan kita nak pungut balik tak boleh sebab itu ada yang menyalahi akta. Jadi ini tiga perkara iaitu pertama DanaSel, Smart Sewa dan juga Program *Selangor Smart Home Buyer*. Ini dalam ruang lingkup kuasa Kerajaan Negeri. Yang lain itu saya mintalah supaya Menteri Perumahan fokuslah tentang pembiayaan ini jangan dok fokus untuk berperang dengan Kerajaan Negeri sebab sebagai pemimpin kita perlu adil membincangkan masalah-masalah untuk menyelesaikan masalah rakyat bukan untuk berperang atau mendapat politik. *To score political points*. Bukan itu. Dengan izin. Dasar kita Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan dengan pihak Prima macam mana nak menyelesaikan dan memastikan bahawa pihak prima dapat membina rumah dengan lancar di negeri Selangor. Kalau kita merasakan prima itu suatu saingan kepada Rumah Selangorku kita tidak akan membuat rundingan dan ada di tempat-tempat di mana kita berikan prima kepadatan densiti membina rumah itu sama dengan Rumah Selangorku jadi bermakna Kerajaan Negeri terbuka kita perlu mengamalkan satu politik dewasa pada pandangan saya. Terima kasih.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Saya setuju dengan EXCO tu. Jadi jangan tuduh menuduh. Bak kata pepatah Melayu yang roboh dibangunkan yang tumbang ditegakkan. Soalan tambahan saya nyatakan sama ada Kerajaan Negeri menyediakan keistimewaan ataupun kuota yang spesifik kepada pemohon dalam kategori ibu tunggal ataupun OKU.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Apa yang kita lakukan adalah kita ada *point system* atau markah. Dalam *point* itu kalau tak silap saya memang banyak perkara-perkara yang diambil kira supaya mereka boleh mendapat rumah atau kita akan campurkan keseluruhan markah-markah tersebut dan akhirnya yang paling tinggi akan dapatlah. Jadi bermakna spesifik untuk ibu tunggal berapa peratus belum

ada lagi. Tapi seperti mana yang kita dengar perbahasan dalam sidang ini ada permintaan dan *Insyah-Allah* kita akan pertimbangkan. Kita ada kuota untuk kakitangan kerajaan dan sekarang ini kita akan juga ada kuota untuk bekas-bekas perajurit ataupun bekas pahlawan. Jadi bermakna kita pakai *point* dan tidak dalam *point* itu seperti gaji dia berapa, anak berapa, berapa lama menyewa semua kita letak. Sokongan wakil rakyat seperti zaman dulu tak ada dalam *point* sistem. Itu makna kita memang adil dan kita telus. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Terima kasih Puan Speaker. Buah mangga tumbuh di dahan. Saya nak tanya soalan tambahan. Baru perasan sama pula *purple* hari ini. Tuan speaker, daripada seramai 17,546 orang pemohon yang layak seramai 8,770 tak layak. Tadi Yang Berhormat sebutkan mereka disenaraihitamkan kerana kredit kad kemudian pinjaman PTPTN itu takkanlah seramai itu pinjaman-pinjaman. Yang lain bagaimana adakah disebabkan oleh perkara-perkara lain yang menyebabkan seramai 8000 lebih ini tidak dapat memohon pinjaman.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Walhasil balik asal. Jangan cari fasal. Memang itu secara realitinya masyarakat kita di Malaysia di antara yang tertinggi ialah kad kredit. Memang tinggi akan *default* kes yang tidak membayar dan terpaksa disenaraihitamkan. Untuk menjawab memang itulah kalau kita pergi betul-betul kalau ada satu projek yang memohon hampir separuh daripada mereka yang lebih separuh kalau 60% lebih separuh tidak dapat pinjaman. Jadi perlu ada satu formula atau cara macam mana kita nak selesaikannya. Sekarang ini dengan GST dengan penarikan subsidi minyak masak semua ni saya rasa lebih ramai lagi yang akan tertekan dan akan menggunakan kredit kad yang akhirnya mereka akan disenaraihitamkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Juga berkenaan dengan 8,770 yang tidak dapat pinjaman bank. ada tak Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan unit untuk memberi mereka kaunseling memberi tunjuk ajar dan panduan untuk selesaikan dia punya kredit kad dan PTPTN supaya tidak di *blacklist* oleh pihak bank. Bantulah mereka dari segi khidmat nasihat.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Badan di peringkat persekutuan iaitu AKPK iaitu agensi kaunseling dan pengurusan kredit. Bermakna bahawa selalunya kalau program-program *open day* ini AKPK kita akan panggil sekalilah.

Jadi dua benda iaitu PTPTN dengan AKPK yang akan berunding ataupun berjumlah dengan pihak mereka yang tidak dapat pinjaman macam mana mereka nak susun balik akan kewangan mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin bertanya sebab secara realitinya memang kita tahu ramai orang hendak beli rumah tetapi ada tak kerajaan ada satu kajian yang sebenarnya ada kategori golongan yang mereka Cuma mampu sewa sahaja sebenarnya dia tak mampu untuk milik rumah. Jadi itu mungkin satu *approach* yang kita kena tengok sama ada rumah itu kita sudah sediakan tapi sebenarnya golongan ramai yang dia tak capai tahap tertentu untuk beli rumah tetapi sekadar cuma mampu sewa sahaja.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kita ada buat kajian memang ada kajian yang kita lakukan tentang impian rakyat Selangor ini nak beli rumah jenis apa, pangsapuri atau banglo dan sebagainya. Tetapi itulah bermakna kebanyakan mereka ingin memiliki rumah tetapi sekadar impian sahajalah. Dari segi kewangan mereka masih tidak mampu. Kita memang nak menyediakan, telah membeli setakat ini 134 unit rumah yang untuk kita sewakan dan seperti mana yang diumumkan kita peruntukan lagi RM100 juta untuk kita beli rumah sewa. Jadi mentaliti rakyat Malaysia ni masih majoriti mahu membeli bukan menyewa.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : **PELABURAN ANTARABANGSA**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah pelaburan syarikat negara asing melabur di Selangor pada Tahun 2015 mengikut setiap PBT?
- b) Berapa kali rombongan lawatan ke luar negara mempelawa pelabur dilakukan oleh kerajaan dan jumlah dibelanjakan oleh setiap rombongan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, projek perkilangan yang diluluskan di negeri Selangor melibatkan penyertaan pelabur asing mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2015 adalah seperti berikut. Majlis

Bandar raya Shah Alam RM1.569 bilion. Majlis Perbandaran Klang RM698 juta. Majlis Perbandaran Selayang RM191 juta. Majlis Perbandaran Sepang RM587 juta. Majlis Daerah Kuala Langat RM224 juta. Majlis Perbandaran Kajang RM173 juta. Majlis Bandar raya Petaling Jaya RM185 juta. Majlis Daerah Hulu Selangor RM20 juta. Majlis Perbandaran Subang Jaya RM56 juta, lain-lain kawasan RM15 juta, Majlis Daerah Kuala Selangor RM60 juta sementara Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Daerah Sabak Bernam tidak ada. Jumlahnya adalah RM3.78 bilion dengan projek sebanyak 222 projek dan peluang pekerjaan yang diwujudkan ialah 14,139. Bagi tahun 2015 sebanyak 10 rombongan lawatan telah pun diadakan untuk menarik pelaburan di luar negara.

Sekalinya diketuai oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, 7 kali dipimpin oleh saya sendiri dan 2 kali adalah penyertaan oleh Pegawai kita ke bengkel kerja dan pameran keluar negara. Di Misi Pelaburan & Perdagangan ke Singapura, belanjanya adalah sebanyak RM 114,678.54. Penyertaan dalam *Annual Investment Meeting 2015* di Dubai – RM 21,390.00. Misi Pelaburan & Perdagangan Ke India sebanyak RM 84,098.34, penyertaan dalam *Regional Workshop Fostering The Green FDI Opportunity in Asia & The Pacific Seoul, Korea* sebanyak RM 14,887.00, Misi Pelaburan dan Perdagangan ke Jepun dan Korea – RM 278,892.69, penyertaan Misi Perdagangan dan Pelaburan Bio ke Italy dan United States – RM 128,418.81, penyertaan dalam Pameran *MEDICAL 13th Edition*, Chennai, India – RM 8,816.00, Misi Pelaburan Manila dan Bangkok – RM 36,846.00, Misi Pelaburan dan Perdagangan China dan Taiwan – RM 130,300.00, Misi Pelaburan dan Perdagangan Singapura dan Indonesia – RM 82,914.00. Jumlahnya RM 901,242.00.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Tadi kita dimaklumkan bahawa se nya Hulu Selangor jumlah nilai pelaburan lebih kurang RM 20 milion. So saya punya soalan, adakah sebab-sebab tertentu kenapa nilai ini nampak rendah berbanding dengan daerah-daerah lain yang disebut.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Speaker, sebagaimana yang diketahui umum dalam daerah Hulu Selangor ini, dia tidak ada banyak pembangunan untuk perindustrian maka dia bukan satu tempat yang menarik untuk melabur disebabkan infrastruktur-infrastruktur yang belum mencapai mutu yang dikehendaki pelabur asing. Walau bagaimanapun disebabkan Projek *UMW Rolls Royce* dijangkakan dalam tempoh yang terdekat ini pembangunan infrastruktur di kawasan Hulu Selangor ini akan meningkat dan kita menjangkakan bahawa pihak UMW akan membangunkan tapak perindustrian yang mempunyai teknologi yang tinggi maka selepas itu kita menjangkakan dia akan membawa pembangunan kepada perindustrian dan menjadi tempat yang menarik untuk pelabur asing.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : CADANGAN MENGADAKAN LEBIH BANYAK PUSAT-PUSAT
PERNIAGAAN SETEMPAT DI SELANGOR**

34. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan bercadang mengadakan lebih banyak pusat-pusat perniagaan setempat terutamanya di kawasan kampung bagi membuka lebih banyak peluang rakyat berniaga?
- b) Jika ya, di mana dan jika tidak apakah rancangan alternatif Kerajaan?
- c) Nyatakan dataran-dataran niaga sedia ada mengikut daerah pada masa ini?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Dusun Tua bertanyakan berkaitan dengan cadangan mengadakan lebih banyak pusat-pusat perniagaan setempat di Negeri Selangor terutamanya di kawasan kampung. Kerajaan Negeri sangat komited untuk meningkatkan ekonomi penduduk kampung di negeri Selangor terutamanya untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan terutamanya di kawasan desa khususnya. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM600,000 untuk melaksanakan Program 1 Daerah 1 Inkubator yang melibatkan 4 buah inkubator di 4 daerah yang berasingan. Inkubator ini telah diwujudkan untuk memperdayakan ekonomi warga desa dan kampung tradisi yang menjadi pusat untuk golongan belia belajar untuk memulakan perniagaan terutamanya setelah mereka selesai mengikuti kursus kemahiran seperti di INSPEN. Program ini juga akan menaikkan taraf sosio rakyat negeri Selangor ke arah kesejahteraan negeri. Selain boleh menggunakan premis dan peralatan untuk menjalankan perniagaan, peserta juga akan diberikan kursus dan pemantauan daripada masa ke semasa oleh pengendali program iaitu Kolej INSPEN. Inkubator yang telah diadakan dan telah melibatkan kursus adalah seperti yang saya akan sebutkan ini. Daerah Klang jenis inkubator – penyaman udara dan pendawaian elektrik, Daerah Kuala Langat – pusat kecantikan dandan rambut dan jahitan, Daerah Sabak Bernam dan Hulu Selangor – bengkel motosikal.

Pada tahun ini Kerajaan Negeri bercadang mengadakan 2 lagi inkubator iaitu di Hulu Langat dan Petaling bagi memberi peluang kepada penduduk di daerah terlibat belajar memulakan perniagaan sendiri. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 1,350,000.00 bagi mewujudkan 9 buah dataran niaga di Negeri Selangor. Setakat ini sebanyak 6 buah dataran niaga telah siap dibina dan sedia untuk beroperasi malah di setengah daerah telah memulakan operasi dan hanya manakala 3 daerah lagi yang masih dalam proses pembinaan iaitu bagi daerah Petaling di Kampung Melayu Subang, daerah Sepang, Kampung Semarang, Mukim Dengkil dan daerah Hulu Selangor di Kalumpang. Tujuan dataran niaga ini adalah untuk menempatkan para-para peniaga pasar pagi, pasar malam, pasar tani ataupun yang sekarang berada di kawasan-kawasan yang mungkin menyebabkan gangguan lalu lintas di bahu-bahu jalan dan sebagainya dengan kita menempatkan di kawasan yang lebih sesuai dan lebih selesa kepada peniaga-peniaga dan pengunjung. Terima kasih.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mengenai pusat-pusat perniagaan tambahan yang disebutkan tadi, saya tengok soalan (a) itu di kawasan kampung-kampung dan kita contoh di Hulu Selangor popular dengan *food truck* ni yang bebas untuk berniaga di kawasan-kawasan tertentu tetapi mempunyai masalah tentang permit dan kebenaran daripada PBT dan Pihak Berkuasa, so bagai mana pendekatan Y.B. terhadap perkara ini? Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Batang Kali. Saya kira program *food truck* yang juga telah dibincangkan oleh Kerajaan Negeri adalah di bawah *STANDCO* Usahawan yang *Insyah-Allah* pada tahun akan datang akan dimulakan dan saya kira dengan perancangan Kerajaan Negeri yang mencadangkan dalam Belanjawan pada kali ini untuk mewujudkan Pasar Rakyat di 4 buah PBT termasuk di daerah Hulu Selangor ataupun Majlis Daerah Hulu Selangor, saya kira ia akan juga memberikan impak yang baik, ruang kepada masyarakat yang menggunakan *food truck* ini untuk mereka berniaga atau mencari sumber pendapatan mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Rawang.

PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENGGANTIAN PAIP LAMA DAN PECAH

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan jumlah peruntukan untuk penggantian paip baru bagi tahun 2016 – 2021 mengikut pecahan daerah.
- b) Senaraikan jumlah peruntukan untuk penggantian paip baru di kawasan Rawang mengikut lokasi dan jumlah panjang paip bagi tahun 2015 dan 2016.
- b) Apakah kriteria untuk penggantian paip baru?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang yang bertanya berkenaan penggantian paip lama dan pecah. Untuk pengetahuan Ahli Dewan bagi tahun 2016 sebanyak RM 125 juta telah pun diluluskan dan penggantian paip sedang dilaksanakan. Manakala bagi tempoh 2017 sehingga 2019 sebanyak RM 248 juta akan dicadangkan untuk pelaksanaan dalam Pelan Perniagaan 2017 sehingga 2019. Saya akan serahkan lampiran kepada Rawang berkenaan dengan senarai kesemua 84 *hotspot* yang telah pun dikenal pasti untuk diperbaiki dalam tempoh sehingga 2019. Manakala bagi daerah Rawang ia tidak termasuk dalam Program Penggantian Paip bagi tahun 2016. Walau bagaimanapun, bagi Kampung Lintan, Rawang telah pun dimasukkan dalam cadangan kawasan penggantian paip bagi tahun 2017 hingga 2019. Kawasan-kawasan cadangan ataupun *hotspot* ini disusun mengikut *ranking* berdasarkan kriteria-kriteria di bawah. Antaranya kekerapan paip bocor dan pecah. Jumlah akaun atau premis yang terlibat dan impak penggantian bagi sesuatu kawasan dan juga kos pemasangan paip baru dan panjang sesuatu paip.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Oleh sebab proses pembaikan paip ini akan berlangsung selepas ini adakah rancangan Kerajaan untuk menyediakan *Apps* yang akan memaklumkan kawasan-kawasan yang akan terjejas disebabkan penukaran paip tersebut?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih. Sebenarnya proses penggantian paip sedang berlangsung daripada 2016 hingga 2019 seperti yang saya sebutkan tadi dan *Apps* itu sebenarnya telah pun ada. Kita boleh *download* di *MySYABAS* di mana di situ akan dinyatakan gangguan-gangguan yang berjadual yang telah pun di *schedule* kan untuk adanya projek-projek ataupun aktiviti-aktiviti penggantian paip.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya kalau kita lihat tentang paip-paip pecah ini kita tahu la bahawa tak ada notis awal, tetapi bila kita lihat berlakunya paip-paip pecah dalam satu hari kadang-kadang ada 3 dan 4 tempat, apakah usaha SYABAS ataupun pihak Air Selangor untuk memastikan kawasan-kawasan yang paip pecah ini melebihi kadang-kadang 10 jam dihantar tangki-tangki untuk membantu penduduk sebab kadang-kadang paip pecah itu sebagai pemakluman sahaja tetapi tidak ada bantuan tangki-tangki air untuk memastikan kawasan tersebut dibekalkan air dengan baik.

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib : Ok terima kasih Batu Tiga. Sudah pasti untuk kawasan-kawasan yang terganggu bekalan air yang lama akan dibekalkan dengan lori-lori tangki. Terima kasih.

Y.B. PUAN Gan Pei Nei : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN Gan Pei Nei : Saya ingin bertanya sekarang keadaannya kalau ada paip pecah sama ada SYABAS sendiri akan *detect* ataupun atas laporan orang awam. Jadi soalannya sama ada SYABAS ada penggunaan Sistem *Mapping* yang tersendiri untuk *detect* secara automatik kalau ada perpecahan atau macam satu *check as mapping* sebab kalau tak ada saya ada pengalaman dalam kawasan bila ada projek dijalankan paip pecah dan bila kontraktor SYABAS pergi, dia orang sendiri tidak tahu di situ ada paip SYABAS. Jadi itu keadaannya, saya nak tanya apa teknologi yang kita guna sekarang supaya kita boleh *detect* sendiri dan ada *mapping* sendiri.

Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib : Terima kasih kepada Rawang yang bertanya. Sudah pasti selain daripada aduan SYABAS atau melalui Air Selangor ada sistem-sistem yang tersendiri untuk mengenal pasti berlaku dari sudut keganjilan penyaluran air yang sudah pasti di sana secara masuk katanya kita dapati bahawa di sana sudah ada gangguan dari sudut penyaluran air dan semakan akan dibuat di tapak untuk memastikan bahawa secara *exact* lokasi dengan izin paip pecah itu dapat dikenal pasti.

Y.B. TUAN Ng Tien Chee : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO, adakah pihak Kerajaan ataupun Air Selangor pernah membuat perbandingan atau pengiraan kerugian yang perlu ditampung berikutan paip-paip yang selalu pecah ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih kepada Balakong. Saya akan semak secara spesifik maknanya kajian mungkin yang dimaksudkan oleh Balakong adalah kerugian jumlah air yang...

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Tak. Kos untuk membaiki, menukar paip yang bocor tidak termasuk kos air.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Sudah pasti bahawa kos seperti mana yang disebutkan tadi kita telah membuat kajian dan telah ada jumlah panjang kilometer seperti mana yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 422.5km dan di sana ada kajian kos telah dibuat yang keseluruhan RM 324 juta dan sebagainya. Jadi sudah pasti dari sudut implikasi kos dan juga kos kajian telah dibuat pada setiap penggantian pada *hotspot*.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK : Terima kasih Tuan Speaker. Dari Shah Alam ke Sabak Bernam. Soalan nombor 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR (MSN)

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah perbelanjaan untuk membiayai Kontinjen MSN dari tahun 2011 – 2016?
- b) Berapakah jumlah pingat emas, perak dan gangsa yang diperolehi dari tahun 2011 – 2016?
- c) Nyatakan insentif-insentif yang diperolehi dari Kerajaan Negeri kepada atlet-atlet yang telah mengharumkan nama negeri ini?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Tuan Speaker dan Sungai Air Tawar yang mengemukakan soalan. Pada tahun 2011 Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM3.548 juta untuk Kejohanan SUKMA. Tahun 2012 sebanyak

RM4.050 juta untuk Kejohanan SUKMA, tahun 2013, RM2.855 juta, 2014 RM4.52 juta, tahun 2015 RM1.5 juta dan 2016 – RM7.66 juta. Saya suka untuk menjelaskan sedikit kenapa angka-angkanya begitu. Pada tahun 2011, 2013, Kejohanan SUKMA dianjurkan dalam skala yang kecil dan dianjurkan di Lembah Kelang dan Kuala Lumpur sahaja, sebab itu perbelanjaannya agak kecil. Pada tahun 2012 dan 2014, dianjurkan di luar Lembah Kelang dengan dianjurkan di Pahang pada 2012, 2014 dianjurkan di Perlis dan 2016 kita berbelanja sebanyak RM7.66 juta kerana ia melibatkan kos logistik yang besar sebab ia dianjurkan di Negeri Sarawak. Manakala pada tahun 2015 buat pertama kalinya Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.5 juta untuk SUKMA juga dan kita menyediakan pasukan SUKMA dari tahun sebelumnya. Ia bukan lah daripada tahun awal ataupun tahun tersebut kerana ia melibatkan kepada pembangunan sukan yang menyeluruh.

b)

Tahun	Emas	Perak	Gangsa	Kedudukan
2011	26	18	28	Kedua
2012	47	54	60	Kedua
2013	23	17	30	Juara
2014	36	50	71	Keempat
2016	59	73	64	Juara

Setelah kali terakhir kita jadi juara di luar Lembah Klang pada tahun 2006.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Insentif-insentif yang telah kita tetapkan kita telah muktamadkan pada MMKN pada tahun 2010 yang saya boleh sebutkan begini. Untuk kejohanan Sukan Malaysia, kita kategorikan dalam acara individu, pasukan kurang 5 orang, pasukan lebih 5 orang, pengurusan pasukan dan persatuan, rekod baru kebangsaan dan rekod baru SUKMA. Ada angka-angkanya, untuk pingat emas secara individu akan dapat RM3,500.00 insentif, untuk pasukan kurang 5 orang akan mendapat RM2,500.00 setiap seorang, untuk pasukan lebih 5 orang akan mendapat RM1,500.00 setiap seorang. Untuk pengurusan pasukan kita beri RM1,000.00 dan untuk persatuan yang menjayakan itu juga RM1,000.00.

Perak ada angkanya, RM2,000.00 untuk individu. RM800.00 untuk pasukan kurang 5 orang. RM800.00 setiap seorang ya. Pasukan lebih 5 orang RM700.00, pengurusan pasukan dapat RM700.00 dan seterusnya gangsa juga ada angkanya.

Untuk memecahkan rekod kebangsaan ada RM4,000.00 bagi setiap pingat bagi yang memecahkan rekod kebangsaan dan rekod SUKMA ada RM2,000.00.

Kerajaan Negeri tidak hanya melihat kepada kejohanan SUKMA, sebaliknya kita juga melihat kepada sukan-sukan lain. Untuk sukan SEA bagi acara individu, siapa yang menang pingat emas di Sukan SEA akan RM5,000.00. Siapa yang menang sukan Komanwel mengharumkan nama Selangor dan Malaysia juga insentif RM10,000.00

dan barang siapa yang mewakili negara daripada anak Selangor, menang di Olimpik kita akan bagikan RM25,000.00 dan ada angka-angkanya yang lain yang saya boleh berikan secara terperinci kepada Sungai Air Tawar nanti. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Soalan tambahan?

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak minta EXCO bukan sahaja yang menang di dalam sukan-sukan antarabangsa dan SUKMA akan dapat imbuhan dari negeri Selangor. Macam mana dengan *coach-coach* mereka pun yang tinggal di dalam negeri Selangor? Sebab *coach* lah dia dapat pingat emas dan sebagainya. Adakah pejabat EXCO telah kaji dan buat sesuatu untuk *coach-coach* ini dan juga paralimpik yang dulu yang pun dapatkan medal dari paralimpik dulu. Yang duduk di dalam negeri Selangor.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Kita adalah negeri yang memberikan insentif kepada persatuan dan pengurusan pasukan dan nantinya insentif-insentif ini digunakan oleh persatuan dan pengurusan pasukan untuk dikongsikan bersama dengan jurulatih-jurulatih dan *coach* dan digunakan oleh persatuan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Negeri lain tak ada. Tapi itu untuk SUKMA lah tapi untuk kejohanan seperti Olimpik dan sebagainya kita berikan secara terus kepada atlet-atlet kita yang cemerlang. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin bertanya ada tak dalam portfolio sukan ada sistem sokongan atau cara macam mana untuk membangunkan sukan untuk wanita khususnya?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Ini luar tajuk rasanya. Sukan ini bagi saya ia satu bidang yang transirantel, ia melangkau semua baik wanita, kaum, agama dan sebagainya. Jadi untuk wanita memang kita ada atlet-atlet wanita dan ada program pembangunan sukan yang menyeluruhlah. Kalau sukan ada kategori wanita, jadi seperti *squash* ada wanita ada lelaki. Jadi kita bangunkan secara menyeluruh program sukan tersebut. Kita tak hanya program sukan wanita. Setakat ni dalam sejarah Malaysia, sukan wanita hanya dianjurkan sekali atau dua kali ketika Azalina menjadi Menteri Belia dan Sukan, lepas itu sukan Nisa' di Kelantan pun ada sekali atau dua kali sahaja lagi, lepas itu tak ada lagi sampai sekarang. Itu rekodnya, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, soalan nombor 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : FENOMENA AIR PASANG BESAR

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila senaraikan kebarangkalian berlaku fenomena tersebut dalam setahun?
- b) Sila senaraikan kampung-kampung yang terkena tempias fenomena air pasang besar baru-baru ini?
- c) Sila nyatakan apakah pelan perancangan holistik yang dilakukan bagi mencegah kejadian ban pecah daripada terus berulang?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Tuan Speaker, terima kasih kepada Sekinchan yang bertanya tentang fenomena air pasang besar. Izinkan saya untuk menjawab bersekali dengan soalan 60 daripada Sungai Burong, 136 daripada Permatang dan 305 daripada Jeram.

- a) Kebarangkalian berlakunya fenomena air pasang besar ini adalah 3 kali setahun. Fenomena ini berlaku kalau kita lihat pada tahun 2016, ia berlaku pada bulan September, Oktober dan November. Aras air tertinggi yang diramalkan dari Pusat Hidrografi Negara di Pelabuhan Klang pada bulan September adalah 5.6 meter, bagi bulan Oktober pula mencapai 5.7 meter dan bulan November adalah 5.6 meter.
- b) Antara kampung yang terlibat ketika air pasang besar baru-baru ini adalah seperti berikut :-

Bil.	Daerah	Lokasi Kampung Terlibat
1.	Sabak Bernam	<ul style="list-style-type: none">• Kampung Sungai Air Tawar• Tebuk Mendeleng• Sungai Lang• Kampung Sungai Tengar
2.	Kuala Selangor	<ul style="list-style-type: none">• Kampung Tok Adam, Tanjung Karang• Bagan Pasir Penambang• Bagan Pasir, Tanjung Karang• Pantai Remis

3.	Klang	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Tok Muda • Kampung Sungai Pinang, Pulau Indah • Pandamaran • Taman Selat Damai, Pelabuhan Klang • Kampung Sungai Serdang • Pelabuhan Utara
4.	Kuala Langat	<ul style="list-style-type: none"> • Pantai Kelanang

Dari sudut perancangan yang holistik khususnya dari Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) adalah dengan menaiktaraf ban pantai sepanjang 70 kilometer daripada keseluruhan pantai di negeri Selangor iaitu sepanjang 291 kilometer. Ini melibatkan 5 daerah antaranya adalah sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat dan Sepang. Kos keseluruhan bagi projek ini adalah sebanyak RM300 juta.

Sedikit tambahan yang lain ada ditanyakan oleh Jeram berkaitan dengan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana. Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sumbangan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana dengan kadar seperti berikut :-

- i. Mangsa banjir RM500.00 maksimum.
- ii. Banjir kilat yang tidak melibatkan pemindahan mangsa dan pembayaran tidak boleh melebihi kadar tahunan dan hanya rumah yang memasuki air sahaja layak menerima bantuan iaitu sebanyak RM250.00.
- iii. Bencana-bencana yang lain seperti mangsa kebakaran, mangsa tanah runtuh dan ribut, waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia dan sebagainya ada peruntukan masing-masing.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN : *Alhamdulillah.* Nasib baik nampak. Burung tekukur disengat lipan, soalan nombor 38, Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : RUMAH KERAJAAN PRIHATIN

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah dibuat kajian perbandingan semula nilai kos rumah ini dengan Lembaga Zakat Selangor?
- b) Berapakah bilangan kelulusan mengikut tahun yang masih belum dibina mengikut daerah?
- c) Apakah punca permasalahan binaan tidak dilaksanakan?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, saya mohon izin untuk jawab bersekali dengan soalan 76 daripada Sabak. Tuan Speaker, selaras dengan misi dan visi Kerajaan Negeri Selangor, program Kerajaan Prihatin telah diwujudkan bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan, mempunyai rumah yang daif dan tidak selamat untuk diduduki untuk memiliki sebuah rumah yang lebih selesa. Kerajaan Negeri di bawah program Kerajaan Prihatin membantu rakyat dengan membina semula rumah yang terlalu daif dan membaik pulih rumah yang telah rosak tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kerajaan Negeri amat prihatin dengan permasalahan yang dihadapi oleh Pejabat Daerah di Negeri Selangor berhubung kontraktor tempatan yang enggan menyertai projek pembinaan rumah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin di peringkat daerah berikutan *margin* keuntungan yang diperolehi adalah dalam kuantiti yang sedikit. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bersedia untuk menjalankan perbandingan dan kajian semula terhadap kos-kos sedia ada yang didapati tidak lagi relevan bagi daerah-daerah tertentu pada masa kini akibat daripada penguatkuasaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi menjamin kebajikan golongan miskin di Negeri Selangor terbela.

Berikut adalah jadual yang menunjukkan bilangan kelulusan mengikut tahun yang masih belum dibina di peringkat daerah :-

Bil.	Daerah	Bina Baru Rumah	
		2014	2015
1.	Sabak Bernam	12	-
2.	Klang	-	8
3.	Petaling	-	4
4.	Gombak	-	5
5.	Kuala Selangor	-	Selesai
6.	Kuala Langat	-	3
7.	Hulu Langat	-	2
8.	Hulu Selangor	-	Selesai
9.	Sepang	-	Selesai
Jumlah		12	22

Dalam pada itu juga, jumlah penerima yang telah mendapat manfaat dari Program Kerajaan Prihatin sejak tahun 2015 hingga 2016 adalah :-

Daerah/Tahun	2015		2016		Jumlah Mengikut Daerah
	Bina Baru	Baik Pulih	Bina Baru	Baik Pulih	
Klang	9	5	-	-	14
Petaling	4	3	-	-	7
Kuala Langat	9	11	-	3	23
Hulu Langat	3	4	1	4	12
Sabak Bernam	-	-	-	5	5
Kuala Selangor	-	8	-	3	11
Gombak	5	5	-	2	12
Hulu Selangor	3	7	1	9	20
Sepang	-	-	-	8	8
Jumlah Keseluruhan	33	43	2	34	112

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan?

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Soalan tambahan?

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO, daripada data atau pun maklumat yang diterima tadi, banyak Rumah-rumah Prihatin yang telah dibina, yang telah diluluskan untuk dibina oleh Kerajaan Negeri. Jadi soalan saya, berapa lamakah tempoh selepas daripada kelulusan itu diberi, rumah itu mula dibina?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih, Tanjung Sepat. Sebenarnya pada tahun 2014 sewaktu mesyuarat, kita telah unjurkan perkara ini, telah tetapkan supaya rumah itu patut dibina dalam masa 6 bulan. Bagaimanapun, kontraktor-kontraktor pada masa itu enggan dengan harga perbandingan yang begitu rendah iaitu kos pembinaan sebuah rumah adalah RM35,000.00 dan perkara ini telah dipanjangkan kepada UPEN untuk kaji selidik perbandingan dengan *authority-authority* yang lain seperti Lembaga Zakat dan mereka juga membina. Perkara ini kemudiannya telah dibawa berbincang dan saya difahamkan kertas telah disediakan untuk diambil untuk MMKN untuk diluluskan kos yang baru disediakan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Soalan tambahan?

TUAN SPEAKER : Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya nak tahu, perkara ini sudah dilanjutkan 2 tahun, 3 tahun. Berapa lamakah EXCO nak tunggu untuk ambil perkara ini untuk dapatkan harga baru? Takkan kita katakan kontraktor tak ada, kontraktor tak ada ini. Kalau EXCO buat ketelitian dan boleh buat satu ketetapan dan kita boleh naikkan harga sama dengan Zakat. Zakat pun bina Rumah Prihatin dan dia ada harga-harga yang berpatutan dengan harga semasa di dalam Negeri Selangor.

So, saya minta EXCO ini berapa lama lagi akan ambil keputusan dari Negeri untuk dapatkan satu kaedah yang baru yang boleh diguna pakai oleh UPEN untuk Rumah-rumah Prihatin ini yang belum dibina. Kita tunggu jawapanlah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih, Seri Andalas. Saya percaya sebagai mantan EXCO, anda lebih berpengetahuan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ini bukan sebab mantan EXCO ke apa ke Speaker. Tapi biarlah kerja EXCO untuk mendapatkan jawapan di dalam Dewan. Saya minta Dewan bukan apa-apa lain. Kalau saya EXCO saya sudah buat-buat sekarang dah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Saya percaya ada banyak yang kuat bercerita tapi banyak juga masa itu sedia perkara-perkara telah apa tu ditangguhkan pada masa-masa yang lalu. Apa yang saya bawa diberitahu perkara ini telah banyak kali telah dibawa ke MMKN telah disuarakan dan juga UPEN telah diarahkan supaya UPEN untuk membuat kajian selidik juga Bahagian Kewangan negeri ya..telah memberi beberapa cadangan sebelum ini. Saya percaya cadangan-cadangan tersebut telah tidak terpakai ya..tidak elemen lagi apabila kertas akhir dibuat oleh UPEN. Dan UPEN telah dimaklumkan kepada saya kertas MMKN akan diambil telah pun disediakan dan akan diambil dalam masa terdekat ya..

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Masa telah menunjukan jam 11.30 pagi. Masa saya tangguh sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

III. RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA BAHAGIAAN DEWAN : Aturan mesyuarat seterusnya sambungan Rang-Rang Undang Perbekalan 2017 semua peringkat.

TUAN SPEAKER : Baiklah sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan jika ingin menggulung atau memberikan apa-apa penjelasan berkenaan perkara yang telah dibangkit semasa sesi perbahasan. Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Batang Kali, Seri Andalas, Sabak, Pelabuhan Klang, Sungai Panjang, Kinrara, Kajang dan Kg. Tunku telah pun menyentuh perkara-perkara di bawah portfolio di bawah jagaan saya masa perbahasaan pada tempoh 2 hari yang lalu. Tuan Speaker saya amat kesal dan terpenggil untuk menjawab satu tuduhan yang tidak bertanggungjawab dan liar daripada Y.B. Batang Kali semasa beliau perbahasaan Rang-Rang Undang-Undang Perbekalan. Tuan Speaker saya memetik daripada *handsard* yang menunjukkan bahawa Y.B. Batang Kali telah membuat kenyataan berikut: Ada terdapat sebahagian daripada komponen di dalam pentadbiran Y.A.B. Dato' Menteri Besar matlamat pertubuhan itu untuk menubuhkan *handsard* demokrasi yang berlandaskan demokrasi Tol di Malaysia menerusi perjuangan sistem Parlimen Perlembagaan. Maknanya di sini ada isi atau niat barangkali tidak mengiktiraf Raja Perlembagaan kepada Parlimen Perlembagaan. Ini mungkin institut Raja tidak diiktiraf berbanding dengan Barisan Nasional yang terbukti bukan sahaja mendukung dan menjunjung institut Diraja. Ini adalah satu kenyataan yang menuduh bahawa DAP tidak mengiktiraf institut Diraja. Saya mengatakan tuduhan dibuat oleh Y.B. Batang Kali terhadap DAP kerana matlamat perjuangan DAP dalam Perlembagaan DAP yang pertama menyebut menubuhkan Konsep Demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia. Menerusi perjuangan Parlimen Perlembagaan. Ini cuma terdapat di Perlembagaan DAP dalam komponen Kerajaan Negeri Selangor. Sudah tentu jelas tuduhan itu adalah menuju ke arah DAP. Saya merasa amat kesal barangkali jahil tentang maksud Parlimen Perlembagaan. Parlimen berperlembagaan ia berdasar kepada Perlembagaan. Perlembagaan telah meletakkan Raja Melayu ia Yang Dipertuan Agong di atas 3 cabang kerajaan iaitu Parlimen, Eksekutif dan juga apa itu kehakiman. Jadi sudah tentu tidak bercanggah saya tidak tahu faham kenapa barangkali Batang Kali harus membuat kenyataan sebegitu. Saya rasa ini adalah satu kenyataan yang mungkin telah pun bercanggah dengan hak kebebasan Dewan ini. Kerana kalau tuduhan itu dibenarkan bererti semua ahli dan pemimpin DAP telah pun melanggar, bersalah di bawah Akta Hasutan kerana mempertikaikan kedudukan Raja Melayu. Jadi saya memohon supaya ini ditarik balik kalau tidak saya hendak tanya, kalau kita memperjuangkan Parlimen Perlembagaan boleh disamakan dengan tidak mengiktiraf Raja Melayu. Tidak menghormati. Saya hendak tanya zaman Barisan Nasional memerintah di Selangor Sungai Burung, Jeram dapat Dato' daripada Selangor. Dia menyembah dapat Dato' daripada Selangor tapi sekarang di dalam Pembangkang dia tidak sembah kepada Sultan Selangor untuk dapat Dato' dia pergi tempat lain. Bak pepatah Melayu 'di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung', kalau dia berjasa di Selangor dapat pangkat di Selangor. Tapi tidak ada yang pergi Pahang tanah Selangor dipijak langit Pahang dijunjung. Itu tidak apa itu sekurang-kurangnya Raja Melayu. Ada yang pergi ke Melaka tapak Selangor dipijak

langit Melaka pula dijunjung. Bukan satu dua tiga empat. Di mana kesetiaan kepada Raja Melayu kepada Sultan Selangor. Dia pergi Pahang mungkin pergi ke pantai, pergi Melaka mungkin duduk hotel itu kira jasa ke.. Jadi saya mohon tarik balik kalau tidak saya akan minta supaya usul merujuk Y.B. Batang Kali kerja tanpa ..ini tuduhan jahat. Saya kira kita dalam parti politik yang berlainan. Fahaman politik berlainan, cara perjuangan matlamat perjuangan berlainan tapi tidak harus menuduh parti lain melanggar undang-undang seperti akta hasutan. Tuan Speaker seterusnya saya akan menjawab perkara-perkara yang dibangkit dengan pengangkutan awam dan juga pelaburan. Tuan Speaker sejak dilancarkan 1 Julai 2015 hingga 30 September 2016 perkhidmatan Bas Smart Selangor telah beroperasi 11 ke 12 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dengan jumlah sebanyak 34 buah bas. Mana kala 1 PBT Majlis Perbandaran Petaling Jaya juga telah menyediakan perkhidmatan bas percuma iaitu PJ City Bas sebanyak 22 buah beroperasi di sekitar Petaling Jaya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bagi peruntukan 2016 setakat 15 Oktober 2016 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM8,828,000.00 di bawah peruntukan Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor dan baki dijangka selesai pada penghujung 2016. Manakala bagi peruntukan Tahun 2015 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM6,013,000.00 untuk tujuannya sama. Jumlah keseluruhan kos tersebut merangkumi kos sewaan Rapat penyelenggaraan dan cukai barangan dan perkhidmatan. Kos sewaan sebanyak RM800.00 sebuah bas sehari adalah termasuk kos penyelenggaraan oleh pihak operator perkhidmatan yang dilantik iaitu Rapat Bas Sdn Bhd. Bagi Bas Smart Selangor MBSA, MPSJ, MPK, MPAJ. MPKj, MPS dan MPSP. Syarikat Sutera Travel dan Tourism Sdn. Bhd. Bagi Smart Selangor MPSK dan MPSB. Dan syarikat KSKS konsuler bagi Bas Smart Selangor MBHS. Ini bermaksud penyelenggaraan bas adalah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab operasi perkhidmatan yang dilantik. Jumlah penumpang bas Smart Selangor dari tempoh 1 Julai 2015 hingga 30 September 2016 adalah sebanyak 3,153,009,00 orang yang merupakan peningkatan sebanyak 1,210,479,00 iaitu 62% jika berbanding dengan jumlah Jun 2016 iaitu sebanyak 1,951,530,00 penumpang. Angka ini jelas menunjukkan peningkatan sedar di dalam masyarakat untuk menggunakan pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan Bas sekali gus menepati sasaran yang dicapai oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan awam serta meningkatkan kualiti perkhidmatan bas awam. Untuk maklumat Yang Berhormat perkhidmatan Bas Smart Selangor sentiasa akan dikaji dan dinilai bagi memastikan perkhidmatan bas ditambah baik dari masa ke semasa berhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor dan sangat memberangsangkan telah memberikan isyarat yang positif kepada Kerajaan Negeri untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Bagi Tahun 2017 Kerajaan Negeri akan memberi fokus penambahbaikan Bas Smart Selangor. Seperti pertambahan jumlah bas dan tambahan laluan-laluan baru yang menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan. Justeru itu juga 2 laluan baru di kawasan Shah Alam dan Subang Jaya telah diperkenalkan. Pihak-pihak Berkuasa Tempatan lain wajar mengambil langkah yang sama iaitu memperkenalkan laluan baru pada tahun hadapan. Khususnya dengan adanya tambahan peruntukan yang dicadangkan

sebanyak RM200 juta pada Tahun 2017. Bagi laluan yang dinyatakan Y.B. Dusun Tua semakan Kerajaan Negeri kepada Suruhanjaya pengangkutan Awam Darat mengesahkan bahawa tiada perkhidmatan bas pada masa ini dan perkara ini telah disebabkan faktor jalan yang berbukit dan kawasan yang curam tidak sesuai untuk laluan harian bas. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat permintaan Pihak Berkuasa Tempatan bersama SPAD perlu terlebih dahulu menjalankan kajian keperluan dan permintaan serta mengkaji kesesuaian strategik jalan itu demi keselesaan pengguna. Tidak dinafikan memang terdapat permintaan untuk menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai Aset pengangkutan awam ke pusat bandar termasuk di jalan Hulu Langat, Ampang melalui Bukit Ampang. Namun ia bergantung pada faktor-faktor tertentu kesesuaian, keselamatan, peruntukan wang dan sebagainya. Tuan Speaker penyediaan penjarangan pengangkutan awam adalah di bawah bidang kuasa kerajaan pusat seharusnya bertanggungjawab dalam memastikan negeri-negeri mempunyai jaringan perkhidmatan awam yang baik, selesa dan *life* pada ketika ini pengangkutan awam di negeri Selangor dilaksanakan dengan rancangan induk perkhidmatan awam darat atau Rapid Wilayah bagi kawasan kereta Kuala Lumpur atau Lembah Klang yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) memandangkan Rapid tidak meliputi keseluruhan kawasan di negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil insentif dengan melaksanakan kajian pelan induk pengangkutan awam negeri Selangor. Rapid bagi lakaran dan automatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat negeri Selangor. Lanjutan daripada itu kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) yang ke 29/2016 yang diadakan pada 1 September 2016 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) yang ke 30/2016 pada 7 September 2016 telah menimbang dan bersetuju untuk menerima laporan akhir kajian pelan induk pengangkutan awam negeri Selangor sebagai *Blue Print* pengangkutan awam negeri Selangor dalam merancang dalam meningkatkan pengangkutan awam di negeri Selangor dan Tuan Speaker saya ada membuat satu salinan kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor laporan akhir yang telah pun diterima oleh MMKN dan ini sekali gus menyangkal tuduhan daripada Batang Kali bahawa kita cepat cagak lambat buat. Ini belum cagak, sudah siap, kita terima. Tuan Speaker, Perkhidmatan bas Smart Selangor disediakan secara percuma adalah kerana ia bukan bertujuan untuk bersaing, walaupun.. ataupun, mahupun mendapatkan keuntungan. Walaupun disediakan secara percuma, masih terdapat aduan dan kebimbangan terhadap perkhidmatan bas ini akan menjejaskan perkhidmatan bas dan teksi sedia ada. Oleh itu, cadangan bagi menyediakan perkhidmatan bas berbayar memerlukan satu kajian yang lebih teliti bagi mengelakkan isu berbangkit pada masa hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, laluan yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada kajian dan keperluan oleh setiap PBT tertakluk kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan sebelum cadangan berkenaan dibentangkan di dalam Jawatankuasa Tetap Pengangkutan negeri Selangor untuk

dipertimbangkan. Ketetapan laluan juga turut mengambil kira pandangan dan ulasan daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau SPAD. Memandangkan segala isu pelesenan, permit dan kebenaran laluan masih di bawah bidang kuasa SPAD.

Antara kriteria yang disyaratkan dalam pemilihan laluan perkhidmatan bas Smart Selangor adalah memberi keutamaan di kawasan tumpuan pembangunan berkepadatan penduduk yang tinggi, kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bas serta di kawasan tumpuan yang mempunyai kemudahan awam, pusat bandar, pusat atau klinik kesihatan, pejabat kerajaan dan kompleks perniagaan. Sambutan terhadap perkhidmatan bas Smart Selangor yang sangat memberangsangkan, telah memberi isyarat yang positif kepada kerajaan negeri untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Tidak dapat dinafikan memang terdapat banyak permintaan supaya kerajaan negeri dapat menyediakan perkhidmatan bas Smart Selangor di kawasan-kawasan tertentu namun ia turut bergantung pada faktor-faktor lain yang perlu diambil kira seperti kesesuaian, keselamatan, peruntukan kewangan dan sebagainya.

Tuan Speaker, dalam aspek pelaburan, saya juga merasa amat kesal terhadap sikap Sg. Panjang yang berniat jahat dengan menggunakan perangkaan yang lama untuk mengelirukan dewan. Beliau telah menggunakan data penggal pertama 2016 yang berakhir pada 31 Mac 2016 untuk memberikan gambaran bahawa Selangor berada di tangga kelima dari segi jumlah pelaburan yang berjaya diperolehi oleh Selangor, sedangkan pihak MIDA telah mengeluarkan perangkaan bagi penggal kedua 2016 yang berakhir pada 30 Jun 2016 dengan jumlah pelaburan berjumlah RM3 bilion dan berada di tangga kedua selepas Johor. Malah, itu penggal kedua. Yang dia sebut penggal pertama. Dia ambil, dia petik yang penggal pertama sehingga Mac. MIDA dah keluarkan yang penggal kedua sehingga Jun. Malah MIDA telah mengeluarkan perangkaan bulan sampai, sehingga bulan Ogos 2016 yang juga menunjukkan bahawa Selangor menduduki tangga kedua selepas Johor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.8 bilion. Perangkaan ini telah dipaparkan di laman web MIDA dan Invest Selangor. Dan tidak ada sebab Sg. Panjang boleh begitu cuai dalam memperolehi perangkaan daripada laman rasmi MIDA dan Invest Selangor. Perbuatan Sg. Panjang tersebut memalukan kedudukan beliau sebagai wakil rakyat. Bukan sahaja di peringkat negeri tetapi, malah di peringkat Parlimen. *He was hitting below the belt and mislead the house*, dengan izin. Mengelirukan dewan, memalukan. Sungai nya panjang, rambutnya panjang tapi akalnya tidak panjang.

Saya juga ingin memberi peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana buat masa ini MIDA hanya mengumumkan perangkaan mengenai pelaburan dalam sektor pembuatan, dan tidak ada perangkaan pelaburan dalam sektor lain, selain daripada sektor pembuatan seperti sektor perkhidmatan, pembinaan dan lain-lain lagi. Harus diingat juga bahawa walaupun dari segi jumlah pelaburan, Selangor tidak menduduki tempat pertama, tetapi Selangor sentiasa memperoleh jumlah projek yang tertinggi

dan ini telah pun berterusan bertahun-tahun. Dan ini juga tidak disebut oleh Sg. Panjang. Trend pelaburan bagi tahun 2016 memang ke arah menurun. Sebagaimana yang diramalkan oleh kerajaan negeri. Pada 2015 kerajaan negeri meramalkan jumlah pelaburan sebanyak RM8 bilion dan berjaya memperoleh RM7.9 bilion. Bagi 2016 Kerajaan Negeri Selangor meramalkan jumlah pelaburan yang akan dipelawa adalah sejumlah RM6 bilion dan setakat Ogos 2016 jumlah yang diperolehi adalah RM3.6 bilion. Apabila kita menilai keupayaan ekonomi sesebuah negara atau negeri, kita tidak hanya melihat kepada input atau pelaburan ditarik tetapi juga harus meneliti jumlah KDNK yang dihasilkan dan ini tidak dipandang oleh Yang Berhormat Pelaburan Klang. Dalam hal ini Selangor juga sentiasa merupakan penyumbang utama kepada KDNK negara di mana angka mutakhir pada 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa Selangor menyumbang sebanyak 22.6% kepada KDNK Kebangsaan 2015. Tempat kedua adalah Kuala Lumpur dengan hanya 15% dan diikuti dengan Sarawak 10%. Walaupun Johor dalam beberapa tahun yang lalu telah memperoleh pelaburan yang tertinggi khususnya pelaburan asing yang tertinggi tetapi sumbangan Johor kepada KDNK negara masih jauh lebih rendah lagi.

Tuan Speaker, hasil bayaran premium bagi projek pembangunan perkilangan adalah antara sumber hasil kepada Kerajaan Negeri. Namun begitu, penurunan nilai pelaburan tidak memberikan kesan yang besar kepada sumber hasil kerajaan negeri berbanding dengan pembangunan sektor hartanah yang lain. Ini kerana sebahagian projek perkilangan yang diluluskan tersebut adalah merupakan projek pengembangan ataupun pembesaran pelaburan yang sedia ada. Penurunan jumlah nilai pelaburan telah dijangka seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, ekoran keadaan ekonomi global yang masih belum pulih sepenuhnya. Namun begitu, ia tidak menghalang Selangor dari terus menerima pelaburan baru, dari pelaburan tempatan dan luar negara ataupun pelabur-pelabur baru ataupun pelabur-pelabur yang sedia ada. Negeri Selangor juga telah pun menerima jumlah pelaburan baru dalam industri automotif dengan jumlah pelaburan yang besar, namun begitu, projek tersebut belum direkodkan dalam statistik pelaburan untuk tempoh Januari hingga Jun 2016 termasuk pengumuman oleh UMW, Toyota yang telah pun mengumumkan pelaburan terbarunya sebanyak RM2 bilion di Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri juga maklum berkenaan isu bekalan air untuk keperluan industri. Perkara ini sering dibangkitkan oleh pihak industri. Pihak kerajaan negeri telah melaksanakan projek HORAS dan juga projek-projek mitigasi agar isu bekalan air di Selangor dapat diatasi. Selain itu, berdasarkan mesyuarat-mesyuarat penyelarasan projek yang diadakan bulanan, didapati kebanyakan pihak industri yang menghadapi bekalan air ini tidak mempunyai tangki simpanan air yang mencukupi untuk keperluan operasi mereka dan menyebabkan operasi syarikat terganggu sekiranya terdapat gangguan bekalan air. Sebagai makluman, pihak Top Glove secara dasarnya mempunyai 29 kilang pembuatan sarung tangan dan telah pun beroperasi di China dan Thailand. Senarai pelaburan Syarikat Top Glove adalah

seperti berikut, di Malaysia 16 kilang, Olak ..di Klang, ya, di Meru Klang 16 kilang, Olak Lempit Banting 1, Tasik di Ipoh 2, Sendayan di Negeri Sembilan 1, di Phuket 4, di Jang Supervince 1 sahaja. Dan saya juga ingin menjawab beberapa pertuduhan daripada akhbar dan juga Top Glove yang menyalahkan Kerajaan Negeri Selangor tidak memberikan bekalan air mencukupi menyebabkan mereka berpindah ke Thailand. Ini adalah satu kenyataan yang tidak tepat kerana kilang-kilang oleh Top Glove di Klang tidak menghadapi apa-apa masalah perbekalan air. Sementara itu, beberapa sebab Top Glove melabur di Thailand adalah kerana ada insentif bebas cukai sebanyak 8 tahun yang ditawarkan oleh pihak Thailand dan juga pihak Top Glove tidak menyebutkan masalah-masalah sosial yang disebabkan pembinaan kilang mereka di kawasan Klang dan khususnya di kawasan Klang. Dan juga isu-isu masalah sebahagian daripada bangunan yang berkenaan adalah bangunan haram yang tidak dapat diputihkan kerana pihak Top Glove gagal atau enggan mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Boleh saya minta EXCO sikit. Memang kajian kita menunjukkan bahawa Syarikat Top Glove ini adakah ia Top Glove ataupun mana-mana syarikat yang menggunakan air memang tinggi ya, sekali. Adakah kerajaan menasihatkan mereka untuk, cara untuk menurunkan, menggunakan air itu dengan cara *recycle*, air yang mereka telah mereka gunakan, ataupun adakah mereka boleh ambil air dari bawah tanah untuk digunakan untuk industri?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, Tuan Speaker, sebenarnya pihak industri telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada air yang dibekalkan oleh kerajaan iaitu air rawatan. Ada yang telah pun membina kemudahan untuk menggunakan air yang dikitar semula. Ada juga yang telah pun membuat kajian untuk menggunakan air bawah tanah tetapi di kawasan Klang, air bawah tanah adalah tidak sesuai kerana kandungan logam yang terlalu tinggi. Sementara itu juga ada usaha dan juga kelulusan telah pun diberikan kepada syarikat tertentu seperti Harta Legar dan juga Kosan untuk menggunakan air sungai. Dan semua opsyen-opsyen ini telah pun difikirkan dan dikaji oleh pihak industri tetapi menuduh bahawa pemindahan kilang tertentu ke Thailand adalah disebabkan kekurangan air, saya kira itu adalah satu tuduhan yang tidak adil kepada kerajaan negeri Selangor kerana kilang berkenaan tidak menghadapi bekalan air.

Tuan Speaker, pihak Kerajaan Negeri memandang positif terhadap syor Yang Berhormat Kg. Tunku dengan cadangan untuk mewujudkan pasukan khas bagi meneropong sebarang peluang-peluang perniagaan pasca *brexit* tapi pada peringkat ini adalah terlalu awal lagi kerana pihak Britain pun belum kaji lagi bagaimana mekanisme untuk keluar daripada *brexit* jadi, tidak perlu kita terburu-buru untuk melihat perkara ini. Secara dasarnya *brexit* tidak mempengaruhi asas-asas ekonomi sesebuah negara atau negeri dan tidak mempengaruhi perdagangan dua hala antara United Kingdom dan Malaysia. *Brexit* Hanya melibatkan perubahan

kepada kadar tukaran matawang asing antara Ringgit dan *Pound*. Berdasarkan senario pelaburan ketiga ini *brexite* tidak memberi kesan yang besar terhadap iklim pelaburan di Selangor khususnya pelaburan yang melibatkan para pelabur dari United Kingdom. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2016 sebanyak 5 projek perkilangan telah diluluskan di negeri Selangor dengan nilai pelaburan RM12 juta berbanding 3 projek perkilangan yang diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM60 juta yang diluluskan bagi tempoh Januari hingga Disember 2015. Dalam pada masa yang sama, pihak Invest Selangor telah mengambil kesempatan untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti di United Kingdom sebagai contohnya, saya sendiri telah pun mengetuai rombongan dan juga Invest Selangor telah menyertai misi pelaburan yang dianjurkan oleh MIDA di London pada bulan September baru-baru ini dan keputusannya amatlah memberangsangkan di mana terdapat syarikat-syarikat daripada negara itu berminat untuk menerokai negeri Selangor sebagai salah satu tapak pelaburan perniagaan mereka di Asia Tenggara. Pihak Invest Selangor akan meneruskan lagi usaha ini pada tahun 2017 dan akan menumpukan perhatian kepada sektor-sektor teknologi perindustrian 4.0 dan juga aero-angkasa dan untuk aero-angkasa ini, usaha juga telah dijalankan di mana lawatan .. rombongan Selangor telah pun menyertai *Farnborough Air Show* di luar London pada bulan Julai yang lalu.

Tuan Speaker, Industri For 4.0 bermaksud *For Industrial Revolution* iaitu penerapan sistem automasi dan pertukaran data atau Data Exchange. Konsep Industri 4.0 ini lebih kepada syarikat yang berasaskan modal ataupun *capital intensive* dan berteknologi tinggi. Ini selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan dalam projek-projek perkilangan yang berasaskan teknologi tinggi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing selain mewujudkan pekerja mahir di negeri Selangor. Antara 5 industri tumpuan utama adalah elektrik dan elektronik, peralatan, pengangkutan ataupun *transport equipment*, sains hayat ataupun *life sciences*, makanan ataupun *food industries*, jentera dan peralatan atau *machinery and equipment*. Buat masa terdekat ini pihak pengurusan Invest Selangor telah pun berbincang dan mempunyai perancangan untuk membawa masuk pelabur-pelabur asing yang mempunyai kepakaran di dalam IOT dan Big Data Analytic bagi memperkasakan sektor pembuatan di Selangor pada masa hadapan. Antara langkah-langkah yang akan dilakukan adalah seperti:

- (1) Membawa masuk lebih banyak projek-projek di dalam *advance manufacturing* ataupun *smart manufacturing* ataupun *smart factory* di mana kriterianya adalah aplikasi di dalam teknologi di dalam bidang IOT Big Data *robotic*, *artificial intelligent* dan juga *cloud computing*.
- (2) Membawa lebih banyak projek-projek *research and development* dan juga projek bertemakan inovasi dan *proof of concept* ataupun pilot di samping meletakkan Selangor sebagai Pusat Perkembangan Teknologi Malaysia. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat asing ini dapat menggunakan

Selangor sebagai tapak perniagaan pertama di samping aktiviti pekomersialan teknologi mereka di Asia Tenggara yang mempunyai populasi sebanyak 660 million, juta.

- (3) Membawa juga banyak projek-projek di dalam bidang perkhidmatan seperti *global business services informasi technology* logistik dan juga pendidikan.

Pihak Invest Selangor juga telah pun memulakan misi-misi antarabangsa pada tahun 2016 untuk memperkukuhkan hubungan dengan pelabur-pelabur yang berpotensi dari United Kingdom, United State of America, Germany dan Thailand di dalam bidang teknologi tinggi dan juga syarikat-syarikat stardark dan *isolator* yang mempunyai kepakaran di dalam IOT dan Big Data Analytics. Pihak Invest Selangor juga akan terus meningkatkan inisiatif dan program untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing di dalam bidang ini pada tahun 2017.

Tuan Speaker, bagi tempoh Januari hingga Jun 2016 Selangor mencatatkan nilai pelaburan sebanyak RM3.036 bilion daripada 130 projek perkilangan yang diluluskan oleh MIDA. Jumlah ini sebanyak RM1.258 bilion adalah daripada pelaburan asing dan sebanyak RM1.778 bilion daripada pelaburan tempatan. Daripada 130 projek perkilangan yang diluluskan, sebanyak 70 merupakan projek baru dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.673 bilion. Dan sebanyak 60 projek merupakan projek pembesaran ataupun pengembangan pelaburan dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.363 bilion. Walaupun Selangor merekodkan jumlah nilai modal pelaburan kedua tertinggi selepas Johor tetapi Selangor mencatatkan jumlah projek tertinggi dengan 130 projek dan telah mewujudkan potensi peluang pekerjaan sebanyak 6,709. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Speaker. Saya, saya

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sudah habis, sudah habis Yang Berhormat, sudah habis. dipersilakan Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan Dewan yang mulia. Bersempena dengan belanjawan yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan tema Negeri Selangor Membangun Bangsa Memakmur Negeri, sukacita saya menggulung perbahasan ini dengan menekankan beberapa aspek perbelanjaan yang jelas dengan komitmen kerajaan negeri Selangor di dalam sektor pendidikan yang menjadi teras kepada pembangunan masyarakat yang berdaya maju sesuai dengan aspirasi kerajaan negeri. Kerajaan Negeri menerusi Belanjawan 2017 telah menyediakan peruntukan yang pelbagai sama ada untuk pendidikan di peringkat sekolah, pendidikan tinggi mahupun graduan menerusi strategi ketiga belanjawan Negeri Selangor pengupayaan pendidikan dan latihan. Antara yang diumumkan oleh Yang Amat

Berhormat Dato' Menteri Besar di peringkat sekolah adalah peruntukan tambahan untuk pengupayaan Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Program bantuan sekolah ini yang sudah bermula sekian lama memberi fokus kepada bantuan kewangan agar sekolah-sekolah boleh membangunkan atau memperbaiki infrastruktur. Jika sebelum ini peruntukan yang diberikan sebanyak RM16 juta, bermula tahun 2017 Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak RM21 juta. Di samping itu dan bagi memenuhi janji yang telah dibuat di dalam manifesto Pilihan raya 2013, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga telah mengumumkan sebanyak RM21 juta untuk sekolah-sekolah mubaligh atau *mission school* dan juga Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan.

Ahli Dewan Negeri Gombak Setia ada mencadangkan agar program bantu sekolah diperluaskan kepada program bukan sekadar infrastruktur sahaja. Perkara ini akan dikaji dan dipertimbangkan bersama dengan MMKN. Namun begitu, buat masa ini bantuan itu hanya meliputi bantuan untuk baik pulih infrastruktur sahaja kerana matlamat yang ditetapkan adalah untuk memastikan pelajar-pelajar dapat bersekolah dalam keadaan persekitaran yang kondusif dan selesa.

Ahli Dewan Negeri Sekinchan membangkitkan tentang kelewatan pembayaran bantuan sekolah persendirian cina pada tahun ini. Untuk makluman, bantuan pada tahun ini akan disampaikan pada minggu hadapan. Bagi tahun hadapan kita akan memastikan pembayaran akan dibuat pada bayaran fasa pertama agar membolehkan sekolah tersebut mendapatnya pada peringkat yang lebih awal.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Di dalam hal lain,

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Setia, Seri Andalas minta penjelasan

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih EXCO. Memang dengan peningkatan perbelanjaan kepada sekolah-sekolah jenis Tamil dan juga cina dan sebagainya kita akan bagi bantuan. Tetapi saya nak tanya dalam jawapan kepada Dewan adakah rancangan oleh EXCO atas sekolah-sekolah ini sahaja bagi duit kepada PIBG dan wakil sekolah ataupun kita akan rancang program yang akan lebih teratur dan kegunaan dana dari Negeri Selangor ini akan masuk di dalam kawasan-kawasan tertentu untuk bantu pendidikan dalam kawasan. Saya nak tahu juga, saya dapat jawapan dari UPEN tentang perbelanjaan sekolah Tamil yang lepas. Saya nampak ni, ada sebuah sekolah yang 12 murid sahaja dan bayaran kepada sekolah ini saya takkan *question* sebab apa *you* bayar tetapi saya nak tahu apakah kaedah telah digunakan untuk tunjuk contohnya Sekolah Jenis Kebangsaan Meri. Dia ada 12 murid tetapi telah bayar RM50,000.00 dalam tahun ini dan juga tambahan lagi pada tahun ini juga lagi RM20,000.00. So, sekolah Meri ini ada 12 murid tetapi dapat RM70,000.00. Saya bukan soalan, soalkan tetapi saya

nak tahu macam mana Kerajaan Negeri digunakan duit ini kepada sekolah itu, macam mana. Apa alasan ataupun apa logiknya untuk bagi satu dana yang besar kepada sekolah yang ada 12 murid ini. Itu sahaja. Terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih Yang Berhormat Seri Andalas. Saya, kerana ini merupakan perkara yang spesifik yang sepatutnya dibangkitkan dalam perbahasan yang sebelum ini tetapi saya akan rujuk perkara itu dan saya akan melihat sendiri bagaimana perkara itu boleh berlaku. Namun, sebagai secara dasarnya pemberian bantuan sekolah ini dibuat apabila kita mengadakan perbincangan dengan pihak sekolah dan juga dengan pihak, kita mendapat input daripada sekolah-sekolah yang menghantar borang dan juga mendapat maklumat daripada ADN-ADN yang dijemput untuk menghadiri mesyuarat bersama EXCO untuk menetapkan bantuan kepada setiap sekolah. Di dalam hal yang lain

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Taman Medan minta, sila.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Saya juga ingin bertanya bagaimana kerajaan memastikan wang yang disumbangkan telah diguna dengan betul, kalau permohonan untuk baik pulih bangunan, contohnya adakah ada pasukan yang mengaudit ataupun melihat di tapak sama ada dia dilaksanakan atau tidak.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Buat masa ini, kita ada meminta gambar-gambar daripada pihak sekolah sebagai bukti untuk bantuan tahun yang akan datang. Jadi kita dapat melihat sekiranya sekolah tersebut gagal mengemukakan bukti yang jelas bahawa mereka menggunakan wang dengan baik ia akan memberi kesan kepada pemberian bantuan untuk tahun yang akan datang, sebab kita tak mampu nak pergi ke bawah secara menyeluruh untuk mengaudit tetapi kita membuat, meminta laporan daripada pihak sekolah untuk membantu kita membuat keputusan.

Dalam hal yang lain, Ahli Dewan Negeri Sungai Air Tawar ada membangkitkan berkenaan infrastruktur perpustakaan awam yang uzur. Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi daerah Sabak Bernam terdapat 26 perpustakaan yang terdiri daripada perpustakaan daerah satu, perpustakaan pekan 2, perpustakaan desa 22 dan perpustakaan bergerak 1 unit. Peruntukan pembangunan kerajaan negeri bagi kerja-kerja pemuliharaan dan pembaikan infrastruktur bagi 6 perpustakaan di daerah Sabak Bernam pada tahun 2015 dan 2016 pula adalah sebanyak RM2,376,483.00. Dalam pada itu, di dalam Rancangan Malaysia Ke-11, 2016 hingga 2020 kerajaan negeri telah menganggarkan peruntukkan berjumlah RM5.25 juta bagi kerja-kerja menaik taraf keseluruhan perpustakaan-perpustakaan desa di negeri Selangor.

RM8.25 juta bagi menaik taraf perpustakaan daerah seluruh Selangor dan RM1.6 juta bagi menaik taraf perpustakaan pekan. Kerajaan Negeri bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor PPAS akan terus mengenal pasti perpustakaan-perpustakaan yang uzur dan berusaha sebaiknya untuk mengembalikan atau memulihkan setiap daripadanya kepada yang sebaik mungkin.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Selain persekitaran pembelajaran yang kondusif, kerajaan negeri juga menitikberatkan capaian pendidikan ke semua, keseluruhan negeri dan oleh seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, peruntukan sebanyak RM5 juta akan diberikan untuk pembangunan sebuah Laman Web bagi tuisyen atas talian. Matlamat Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan keseluruhan rakyat Selangor terutamanya golongan pelajar mendapat setiap bantuan yang diperlukan untuk menaik taraf kualiti pendidikan sejajar dengan gagasan Smart Selangor yang peduli. Ada Yang Berhormat pula yang membangkitkan keperluan akses atas talian di perhebatkan agar manfaat dapat diperolehi dengan lebih meluas. Kerajaan Negeri juga menyedari akan perkara ini dan Agenda Smart Selangor akan diperkasakan pada tahun 2017 terutamanya strategi membangunkan infrastruktur digital yang diumumkan oleh Yang Amat Dato' Menteri Besar pada tempoh hari.

Pada masa ini kerajaan negeri telah menyediakan khidmat WIFI percuma dengan 2,500 *hotspot* yang telah dipasang di seluruh negeri. Pihak Menteri Besar Incorporated MBI juga sedang menjalankan kaji selidik keberkesanan khidmat ini dan sebarang maklum balas serta dapatan akan digunakan untuk menaik, menambah baik perkhidmatan yang disediakan. Tuisyen atas talian ini juga merupakan satu program pelengkap kepada inisiatif sedia ada iaitu Program Tuisyen Rakyat iaitu PTRS yang sudah berlangsung sejak tahun 2009 lagi bagi meningkatkan, memenuhi merealisasikan agenda bagi memastikan kebajikan kualiti hidup rakyat dan memantapkan ekonomi rakyat.

Ahli Dewan Negeri Teratai ada mencadangkan agar PTRS ataupun Tuisyen Rakyat ini diperluaskan ke peringkat pelajar sekolah rendah. Jawatankuasa Pendidikan Negeri Selangor sedang meneliti semula PTRS untuk penambahbaikan pada tahun ini, pada tahun hadapan dan sedang merangka satu kertas dasar untuk memperkembangkan lagi konsep PTRS dan lebih memberi fleksibiliti agar ia berketepatan dengan keperluan sesuatu kawasan dan tidak terhad kepada pelajar tingkatan 5. Namun begitu pembaharuan ini akan diumumkan sebaik sahaja mendapat kelulusan daripada MMKN.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di peringkat pengajian tinggi pula telah sedia amatlah genting dengan tindakan Kerajaan Pusat yang terus menerus memotong peruntukan kewangan di peringkat universiti untuk 2 tahun berturut-turut. Potongan ini bukan sahaja akan memberi kesan kepada pengurusan universiti tetapi akhirnya ada kebarangkalian yang besar bahawa ia juga akan memberi kesan kepada pelajar

dengan kenaikan yuran pendidikan. Pelajar juga semakin tertekan dengan kenaikan kos sara hidup yang melampau. Sehubungan dengan itu, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengumumkan Program Peduli Siswa bagi menampung sedikit sebanyak kekurangan akibat tindakan yang menindas oleh Kerajaan Pusat ini. Program Peduli Siswa merupakan satu program pinjaman boleh ubah yang tertumpu kepada beberapa universiti awam di Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM10 juta setahun. Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Teratai untuk memasukkan Universiti Malaya ke dalam senarai universiti awam yang berkelayakan menerima manfaat Program Peduli Siswa. Cadangan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut.

Walau bagaimanapun, pengkhususan program Peduli Siswa ini kepada empat IPTA yang diumumkan tidak bermakna pelajar universiti, pelajar Selangor di universiti lain akan diabaikan. Kerajaan Negeri Selangor akan tetap meneruskan program pinjaman pelajaran yang memperuntukkan sebanyak RM16.3 juta setahun kepada Pelajar Selangor yang berkelayakan di mana-mana IPTA atau pun IPTS di Selangor. Dengan adanya Program Peduli Siswa, pelajar yang menuntut di IPT di luar Selangor secara tidak langsung juga memperoleh manfaat yang lebih banyak dengan kuota mereka dapat dibuka di bawah Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor.

TIMBALAN TUAN SPEAKER : Seri Setia, Kampung Tunku minta, sila.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih saya faham, saya ingin bertanya dan minta pencerahan daripada EXCO. Adakah selama ini kerajaan menganggap Kuala Lumpur apa ini, Kuala Lumpur pada sejarahnya merupakan sebahagian daripada Selangor. Memandangkan Universiti Malaya sekarang ini berada di kawasan Kuala Lumpur dan sebenarnya ianya adalah sangat dekat dengan kawasan Selangor di sempadan. Malahan pusat Perubatan Universiti Malaya pun ramai pelawat-pelawat atau pun pesakit berasal daripada Petaling Jaya. Jadi adakah tidak sekiranya untuk Universiti Malaya ini dipertimbangkan dengan diberi satu pertimbangan yang lebih tinggi berbanding dengan universiti-universiti yang lain di luar Selangor seperti UTN dan sebagainya. Kerana UM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kuala Lumpur dan Selangor berpisah tiada.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Ia dari segi ideanya adalah satu idea yang baik, cuma kita kena melihat juga kita tidak dapat memungut hasil daripada Kuala Lumpur untuk membiayai program-program kita, jadi kita akan mengkajinya sebagaimana saya sudah katakan tadi dan kita tetap akan adakan program-program bantuan yang lain, di bawah Pinjaman Pelajaran Negeri yang tidak menghadkan kepada IPT-IPT tertentu sahaja. Bagi pelajar-pelajar UNISEL dan KUIS juga tahun 2016 telah menyaksikan pelaksanaan program Biasiswa Selangorku yang memperuntukkan RM10 juta setahun dengan peruntukan awal sebanyak RM5 juta. Seramai 110 pelajar daripada golongan keluarga berpendapatan rendah telah pun menerima manfaat biasiswa ini dan *Insyaa-Allah* kami akan membuka sekali lagi

permohonan sebelum akhir tahun ini dengan mensasarkan dengan lebih ramai pelajar. Di samping itu, satu lagi program di bawah manifesto kerajaan negeri iaitu *Brain Bank Selangor* sebuah program biasiswa sambungan pelajar peringkat PhD ke luar universiti negara, sudah juga mendapat kelulusan akhir dan akan bermula membuka permohonan pada minggu hadapan.

Pada masa IPTA di seluruh negeri ini dipotong peruntukannya oleh Kerajaan Pusat, kerajaan Negeri Selangor terus memperkasakan universiti-universiti di bawah seliaannya. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengumumkan peruntukan sejumlah RM8 juta untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pembelajaran di KUIS dan RM44 juta kepada UNISEL. Ini dengan harapan kedua-dua universiti ini boleh terus meningkatkan kualiti dan mencapai matlamat untuk menjadi universiti bertaraf antarabangsa. Ahli Dewan Negeri Kinrara ada juga mencadangkan agar insentif hadiah pengajian IPT atau pun HPIPT ditingkatkan daripada RM1,000.00 kepada RM1,500.00. Kerajaan negeri mengambil maklum cadangan ini tetapi pada masa ini tiada perancangan khas untuk mempertingkatkan insentif ini. Kerajaan Negeri pada masa ini sedang menumpukan usaha untuk meningkatkan syarat had kelayakan pendapatan insentif ini agar lebih ramai berkelayakan memperolehi matlamat manfaat daripada program tersebut. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, kerajaan Negeri Selangor juga

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sekinchan minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan insentif IPT RM1,000.00 itu, masih ada banyak rungutan tentang kelewatan tempoh yang digunakan terlalu lama untuk mendapatkan sumbangan tersebut. Mereka memang suka dengan sumbangan tersebut, mereka mengucapkan terima kasih cuma tarikh dan tempoh banyak aduan masih tidak boleh dipercepatkan, minta apa tindakan akan diambil.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Sebab itu kita telah mengubah dasar suatu ketika dahulu kita melaksanakan dasar pemberian cek untuk HPIPT sekarang ia telah diubah kepada dasar EFT atau pun Electronic Transfer untuk mempercepatkan proses pembayaran dan juga mengurangkan kos pentadbiran untuk dasar tersebut. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, kerajaan negeri juga mengenal pasti kepentingan Pendidikan Vokasional dan Latihan Teknikal atau pun TVET. Oleh itu, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sejumlah RM5 juta telah di peruntukan untuk memperkasakan Kolej Antarabangsa INPENS bagi tujuan ini. Wang yang diperuntukkan ini akan digunakan bukan saja untuk penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan tetapi ia juga bagi membolehkan pembangunan kursus-kursus baru yang relevan dengan keperluan masa kini seperti penyemburan cat automatik dan juga *welding*. Peruntukan RM5 juta ini juga merupakan satu langkah jangka pendek bagi memenuhi keperluan sedia ada. Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan satu Jawatankuasa TVET pada

tahun ini yang membincangkan hala tuju pendidikan TVET di Negeri Selangor. Selain itu, sebuah jawatankuasa teknikal TVET yang akan diketuai oleh UNISEL juga telah dipertanggungjawabkan untuk menyelidik serta mencadangkan *Blue Print* TVET di Negeri Selangor bagi memperdaya TVET dengan menyeluruh termasuk mendapat kerjasama rapat dengan pihak industri.

Untuk makluman Dewan yang mulia, agenda pemeraksanaan TVET ini bukanlah sesuatu yang baru bagi kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun 2015, kerajaan negeri telah memperkenalkan program *Youth and Enthancement Strategi* atau pun *YES Selangor* dengan tujuan untuk memperdaya generasi muda dan anak-anak khususnya di Selangor. Program *YES Selangor* ini merupakan program berimpak tinggi dengan kerjasama yang sangat menggalakkan dari segi industri dengan memberi tumpuan kepada bidang teknologi. RM20.5 juta peruntukan tahunan telah ditetapkan bagi program ini dan telah berjaya melatih seramai 60 orang siswazah di dalam bidang *Big Data Analytic* dengan kerjasama statistik.com USA. Dan seramai 37 orang siswazah di dalam bidang *Club Computing* dan 16 orang di dalam bidang *automation* dengan kerjasama *Nasional Entrustment* pada tahun 2015. Kerajaan negeri juga sentiasa peka terhadap golongan belia yang tidak bernasib baik dan tidak berkemampuan untuk meneruskan pengajian akademik ke tahap yang lebih tinggi.

Bagi kategori belia lepasan SPM, *YES Selangor* ini seramai 41 orang telah dilatih di dalam bidang kejuruteraan dan telah pun menerima pensijilan daripada Boxseal Institute Australia. Pelatih-pelatih tersebut kini telah berjaya dan mengisi jawatan-jawatan teknikal di syarikat-syarikat multi nasional di sekitar Selangor. Melalui program *YES Selangor* ini juga, kerajaan negeri telah melahirkan tenaga mahir di dalam industri solar dengan kerjasama SEDAN Malaysia. Seramai 19 orang *certified solar installers* telah dilahirkan melalui kerjasama ini dan kesemua mereka telah pun bekerja dalam sektor swasta yang terlibat. Kerajaan Negeri masih meneruskan usaha murni ini pada tahun 2016 dengan mempelbagaikan lagi program yang dilaksanakan bersama sektor industri. Bagi mempersiapkan tenaga kerja profesional dan tenaga kerja mahir, sejajar dengan *Smart Selangor* pula, kerajaan negeri telah melancarkan program *Internet of Things of Foundation* bagi pelajar bidang IT di UNISEL. Seramai 21 orang pelajar UNISEL telah mendaftar untuk mengikuti program berteraskan kemahiran di dalam bidang IOT bersama-sama sektor industri. Kerajaan negeri juga sedang merangka program *INSPENS Tech* atau pun *Technical Apprentice Programme* dengan izin, dengan tujuan memperkukuhkan hubungan kerjasama di antara Kerajaan Negeri, kolej INSPEN dan sektor industri di Negeri Selangor. Dengan pelaksanaan program seperti ini, Kerajaan Negeri akan lebih mesra industri serta dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang pembangunan sumber manusia demi kepentingan rakyat.

Bagi tahun 2016 ini juga, satu kategori baru telah direalisasikan dalam inisiatif *YES Selangor*, kategori *Smart Technical Work Fource* bertujuan untuk memangkin

pembangunan sektor industri di Selangor menawarkan latihan khusus di dalam bidang *Big Data Analytic*, teknologi telekomunikasi, automasi dan sistem pembuatan. Latihan yang dilaksanakan adalah berteraskan keperluan terkini sektor industri di Selangor dengan rangka kerja berkonsepkan *place and train*, dengan izin yang mana peluang pekerja yang telah sedia menunggu untuk diisi. Sidang Dewan yang mulia, YES Selangor merupakan satu program *demand deviant* berlandaskan keperluan industri semasa dan mengambil kira keperluan tenaga mahir di masa akan datang. Bagi memenuhi keperluan tenaga kerja ini juga, kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan satu program karnival kerjaya Selangor *Job Fair 2016* dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor dan *Job Malaysia*. Program yang dilaksanakan pada 28 Mei 2016 ini telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung 10,000 orang untuk mengisi 5,818 tawaran kekosongan jawatan. Program karnival kerjaya ini juga telah berjaya diadakan di daerah-daerah seperti Kuala Langat dan Kuala Selangor dengan sambutan yang menggalakkan dengan pengunjung yang melebihi 1,000 orang setiap daerah.

Selain itu, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga ada mengumumkan tambahan peruntukan untuk program *Graduate & Ability and Enhancement for Selangor*, Smart Selangor atau pun PROGRESS kepada RM5 juta yang pastinya berupaya membantu graduan di Selangor meningkatkan kebolehan kepasaran mereka. Usaha membangun modal insan dan pendidikan Negeri Selangor juga haruslah dijalankan seiringan dengan usaha memangkinkan komuniti bersahsiah. Program insan ataupun dahulunya SPIES yang telah dijalankan dengan fokus kepada peningkatan sendiri yang menjurus kepada kumpulan sasaran berdasarkan konsep *cycle of life*, dengan izin juga berperanan penting untuk membentuk insan berkualiti di dalam masyarakat. Malah kerajaan negeri juga sudah mempertingkatkan lagi

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, Kota Anggerik minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Minta penjelasan Yang Berhormat EXCO. Apa nilai tambah SPIES dengan Insan yang ada sekarang ini.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik. Antara nilai tambah yang kita telah perkenalkan untuk program insan ialah kita merancang agar ia lebih relevan dengan keperluan masyarakat yang rencam yang ada di Malaysia dan juga dengan keperluan masa kini, ya itu antara perubahan yang kita telah perkenalkan dalam program insan. Malah Kerajaan Negeri juga sedang mempertingkatkan lagi program-program Murabbi atau pendidik di sekolah-sekolah terutamanya di sekolah KAFA dan beberapa sekolah swasta untuk latihan pedagogi yang menyeluruh agar dapat disampaikan kepada pelajar-pelajar. Usaha menjalankan program pendidikan komiti serta program menangani gejala sosial menerusi Generasi Idaman Selangor atau pun GEMS juga diutamakan ke arah mencapai Smart Committee. Program bersepadu dilaksanakan seperti Forum Pengurusan Hutang, Bicara Remaja, Program Penerangan Pencegahan Dadah dan

Jenayah serta banyak lagi program kemasyarakatan yang digerakkan bersama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Polis Diraja Malaysia, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit serta agensi-agensi dan NGO yang berkaitan.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, sejajar dengan gagasan SMART Selangor pula, Yang Berhormat ADN Bukit Gasing ada mencadangkan perkhidmatan yang disediakan di kaunter-kaunter agensi kerajaan juga disediakan secara alternatif, secara *online* dan *mobile apps* selain mencadangkan pada tahun 2017 sasaran untuk setiap jabatan PBT, agensi mengenal pasti perkhidmatan dan permohonan yang boleh dibuat secara *online*. Bahagian Teknologi Maklumat atau pun BTM, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor serta jabatan agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil inisiatif berkaitan cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing ini bagi memperluaskan penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri secara *online* dan penggunaan *mobile apps* di dalam perkhidmatan jabatan dan agensi kerajaan selaras dengan pendekatan *Digital Governments* dengan izin, ke arah SMART Selangor yang peduli di dalam perancangan dan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 2016 hingga 2020.

Untuk makluman, pihak BTM sedang bekerjasama dengan UNISEL bagi merangka pembangunan pelan Pembangunan Strategik Teknologi Maklumat Negeri Selangor. PSTM 2016, 2020 dan dijangka siap pada Disember 2016 untuk mengenal pasti perkhidmatan kerajaan secara *online* dan *mobile apps* yang sedia ada serta mengenal pasti perkhidmatan kerajaan secara *online* dan *mobile apps* kepada rakyat dan akan disediakan secara berfasa dan bersepadu di dalam tempoh 5 tahun dalam Rancangan Malaysia Ke-11. PSTM ini akan menjadi rujukan kepada perancangan dan pembangunan perkhidmatan kerajaan secara *online* dan *mobile apps* bersepadu dan pintar ke arah *Digital Governments* bagi menyokong SMART Selangor khususnya ke arah pembudayaan *smart people* bagi peningkatan perkhidmatan penyampaian kerajaan yang bersepadu dan berkualiti kepada rakyat. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Tuan Speaker, Tuan Speaker sebelum duduk ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing minta penjelasan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Minta penjelasan. Yang dikatakan semua aplikasi, semua permohonan di kaunter yang boleh akan dibolehkan dibuat melalui laman web hanya akan disediakan dalam 5 tahun yang akan datang.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tidak, apa yang saya maksudkan di sini pada Disember ini kita akan melancarkan pelan strategik teknologi maklumat di mana antara elemen di dalam pelan strategik teknologi maklumat ini ialah melihat kepada penyediaan perkhidmatan secara atas talian atau pun *online* sebagai

alternatif kepada perkhidmatan kaunter. Jadi ini akan diperkenalkan pada Disember tahun ini, cuma pelan strategik teknologi maklumat ini tempohnya antara 2016 hingga 2020. Saya, itu saja ucapan saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Seri Setia, saya persilakan Yang Berhormat Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seluruh ahli dewan yang mulia. Ahli Yang Berhormat yang saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan program-program pembangunan generasi muda dan sukan dan saya ingin ucapkan terima kasih atas teguran dan juga beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertamanya, generasi muda merupakan tunjang masyarakat di masa depan, sebab itu kerajaan negeri telah memperuntukkan untuk generasi muda dan sukan sebanyak RM11,000,000.00 untuk generasi muda sahaja hampir RM11,000,000.00 Malaysia untuk memastikan ada program-program tertentu terutamanya program-program kemasyarakatan selain daripada program-program pendidikan, sebagaimana yang telah dibentangkan oleh sahabat saya sebentar tadi. Ada teguran yang telah dibangkitkan yang disentuh oleh Semenyih apabila membangkitkan tentang kelewatan pembayaran insentif perkahwinan belia. Untuk maklumat semua program ini telah berlangsung sejak daripada tahun 2013 lagi dan program ini mendapat sambutan yang sangat baik berdasarkan daripada penggunaan kewangan terhadap program ini. Ketika ia dilaksanakan pada tahun 2013, ia telah diperuntukkan sebanyak sekitar RM2,000,000.00 – RM3,000,000.00 sahaja dan pada tahun ini tahun 2016 menjelang masuk ke bulan Oktober kita telah memperuntukkan menggunakan lebih kurang RM4.9 juta untuk program insentif perkahwinan belia. Alhamdulillah, untuk tahun depan program ini diperuntukkan sekitar RM6,000,000.00 berdasarkan daripada *trend* yang ditunjukkan. Isu utama yang ditimbulkan dan saya telah mendapati isu ini merupakan isu penting iaitu isu pelaksanaan dan bagaimana ia dilaksanakan. Pada awalnya, pada awal ia dilaksanakan kita dapati bahawa program ini memerlukan 6 bulan proses dan kita telah pendekkan kepada proses 3 ataupun 4 bulan maksimum terhadap proses-proses pelaksanaan dengan melaksanakan program pendaftaran secara *online*. Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk tahun hadapan *Insyallah* program ini yang sebelum ini diuruskan secara terus oleh Unit Perancang Ekonomi ataupun UPEN akan diletakkan di bawah YAWAS dan juga yang melaksanakan program-program seperti Skim Mesra Usia Emas, TUNAS dan sebagainya. Jadi kita berharap dengan penyusunan program ini di bawah YAWAS yang akan mengawal daripada segi data dan akan mengawal dari segi pelaksanaan program di peringkat akar umbi. Kita akan dapat melancarkan dan dapat mengurangkan masa penerimaan daripada mula borang itu dihantar di pejabat-pejabat yang berkenaan. Selain itu juga, kita dapati ada kesan lain ataupun faktor lain adalah disebabkan oleh faktor institusi kewangan. Kebanyakan yang menghadapi masalah *delay* ataupun mengalami masalah kelewatan ini adalah

disebabkan oleh daripada akaun-akaun Tabung Haji yang terpaksa dibuat dan juga ada beberapa proses yang perlu kita lalui. Jadi, saya serahkan kepada pihak YAWAS untuk cadangkan bagaimana untuk menyeragamkan sekarang ini ada 2 bank, Tabung Haji dan BSN. Namun begitu saya lihat juga BSN ada skim perbankan Islam jadi kenapa tidak kita letakkan di bawah satu bumbung. Namun itu belum lagi kita putuskan, saya harap menjelang akhir tahun ini kita dah dapat putuskan untuk melancarkan program insentif perkahwinan ini yang saya kira mendapat maklum balas yang sangat positif daripada masyarakat. Ahli-Ahli dewan yang saya kasihi sekalian, untuk program pembangunan belia sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh sahabat saya Sungai Panjang semalam, apakah impak dan kesan ia adalah bergantung pada fokus ataupun ia bergantung kepada penelitian dan juga *trend* semasa yang patut diberikan kepada generasi muda di negeri Selangor. Kita ada 10 bidang untuk kita melayani 10 bidang itu setiap masa dan setiap tahun saya kira kita perlu rangka mengikut strategi-strategi tertentu dan antara isu besar yang kita perlu tangani sekarang ialah penglibatan generasi muda dalam komuniti. Apabila Seri Andalas membangkitkan tentang *I am Muniandy* sebagai contoh Sathudokma dan pandangan biasa terhadap belia masyarakat India. Saya kira kita harus menangani isu tersebut secara bersama dan sebab itu kerajaan negeri ingin memastikan bahawa keterlibatan komuniti, keterlibatan anak-anak muda dalam komuniti ini ataupun *activism* ini dipertingkatkan dan *Insyah-Allah* ini antara penumpuan kita sekitar 30 hingga 40 % tahun hadapan. Program-program generasi muda akan cuba untuk menggerakkan keterlibatan anak-anak muda dalam masyarakat melalui program *activism* ataupun keterlibatan bersama dengan komuniti. Ahli dewan yang saya kasihi sekalian, saya beralih kepada bidang sukan. Pertamanya, ADN Sabak membangkitkan tentang adakah daripada peruntukan tahun ini yang kita peruntukan sekitar RM1.53 juta untuk naik taraf kemudahan sukan di Sabak Bernam melibatkan stadium mini Sabak Bernam. Jawapannya ialah ya. Sebab kita peruntukkan RM1.22 juta untuk menaik taraf stadium Sungai Besar dan kita peruntukan sebanyak RM318,000.00 untuk membaik pulih kemudian Stadium Mini seperti pembersihan, kerja-kerja pembaikan siling yang rosak, menggantikan bumbung bangunan utama, menggantikan bumbung stor, kerja-kerja mengecat tempat duduk penonton dan membaiki longkang untuk memastikan kawasan itu dan kemudahan tersebut dapat dilaksanakan dengan baik. Terima kasih dan yang terakhir sekali ada cadangan daripada Taman Medan khususnya berkenaan dengan kemudahan khusus untuk wanita dan juga tadi sahabat saya daripada Rawang juga membangkitkan ada tak keperluan-keperluan untuk pembinaan kemudahan sukan untuk wanita secara khusus. Saya bangkitkan lagi sekali setakat ini kita tidak ada polisi seperti itu, namun saya cukup menyedari berkenaan dengan sensitiviti aurat dan sensitiviti tertentu dalam suatu masa dan kita boleh mencadangkan berapa formula, kalau kita tak membuat satu bangunan khusus untuk wanita sekalipun. Kita boleh mencadangkan masa-masa tertentu yang dikhaskan untuk wanita sahaja supaya kita dapat mengawal aspek-aspek dan sensitiviti tersebut kerana kita yakin aktiviti sukan yang ditimbulkan ini bukan hanya melibatkan aktiviti sukan, prestasi tinggi, nak menang

sampai ke Olimpik tapi juga melibatkan kecergasan dan juga kesihatan yang merupakan faktor utama dalam negara kita. *Insyah-Allah*.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon mencelah. Taman Medan membangkitkan perkara tersebut daripada perspektif pelancongan sukan bagi negeri Selangor sebab kemudahan ini mungkin akan menarik ramai pelancong wanita terutama sekali daripada Timur Tengah untuk datang berkunjung ke Selangor.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih, *Insyah-Allah* kita akan lihat tapi kalau kita dapat bahagikan masa saya ingat di pihak-pihak Majlis Tempatan pun boleh bahagikan masa. Kalau di beberapa tempat ada hari masa wanita, waktu-waktu wanita kita juga boleh tetapkan misalnya Rabu petang, ini contoh ya boleh tetapkan untuk jadi hari khas untuk wanita sahaja untuk aktiviti kolam renang dan sebagainya. Ini perkara yang boleh dirancang dan direncana lebih baik daripada kita bahagi-bahagikan kalau untuk elakkan lah masalah-masalah sensitiviti tersebut.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Mohon mencelah

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Teratai sila.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Ya, terima kasih saya ingin nak tanya Y.B. EXCO sebab terdapat jenis-jenis sukan yang lebih popular di kalangan wanita seperti *zumba* ataupun *dodge ball* yang memang bukan jenis sukan itu agak berlainan dengan sukan yang selalunya diketengahkan di dalam dewan yang mulia ini, yang mana kalau bagi sukan *dodge ball* yang mana bagi pasukan *dodge ball* wanita telah mendapat juara untuk pertandingan ini, jadi kelengkapan yang diperlukan adalah berbeza dan bukan hanya sekadar *swimming pool* ataupun gelanggang futsal ataupun gelanggang badminton. Jadi Teratai berharap Y.B. EXCO dapat mengambil berat atas keperluan hawa ataupun golongan wanita, terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : *Insyah-Allah* saya, selepas ini saya rasa di pihak Majlis Sukan Negeri dan saya juga sendiri perlu berbincang dengan pihak Ahli-Ahli Dewan Negeri dan juga aktivis sukan wanita supaya kita dapat rangka kan dasar yang lebih baik. Kalau kita tidak buat masa ini saya rasa kalau kita tidak dapat menyediakan tempat yang khusus pun atau pun kemudahan yang khusus, paling tidak kita boleh memberikan masa ya supaya kita dapat memastikan keterlibatan masyarakat khususnya wanita-wanita dalam aktiviti sukan terutama mereka yang ingin terlibat dalam aktiviti bersama dan juga untuk memastikan dapat kehidupan yang sihat dalam masyarakat kita yang sudah semakin membesar secara fizikal. Ahli Yang Berhormat yang kasihi sekalian, dibangkitkan juga sekarang saya beralih kepada program pembangunan usahawan. Untuk makluman semua, pada ketika ini kerajaan negeri belum ada lagi mempunyai satu agensi yang komprehensif berkenaan dengan pembangunan usahawan walaupun kita mempunyai pelbagai

program pembangunan usahawan. Kalau di peringkat Persekutuan kita ada PUNB tapi di Kerajaan Negeri kita masih belum ada dan sebab itu program pembangunan usahawan kita agak bersepeh dengan izin ataupun tidak tersusun rapi. Namun begitu, menjelang tahun lalu saya sudah cuba mengumpulkan mereka di bawah satu sekretariat dan melalui sekretariat tersebut kita gabungkan beberapa agensi baik zakat, anak syarikat Kerajaan Negeri termasuk HIJRAH dan juga program-program di bawah STANDCO supaya tidak berlaku *overlapping* dengan izin atau pun berlaku timbal balas di antara satu sama lain dan akhirnya menyebabkan kita kerugian daripada segi dana dan gagal untuk membuat fokus. Alhamdulillah tahun ini juga kita akan melihat dan pada pandangan saya dan pandangan kerajaan negeri kita ingin melihat bagaimana HIJRAH boleh mengetuai persoalan ini di mana HIJRAH bukan hanya sebagai badan untuk pemberian pinjaman mikro tetapi juga sebagai satu badan yang nantinya mampu bergerak dengan lebih efektif sebab pada masa ini HIJRAH mempunyai alumni lebih kurang 25,000 orang peminjam-peminjam di seluruh negeri Selangor dan jumlah pinjamannya adalah sebanyak 28,000 orang. Ini boleh saya terangkan ya jumlah penerima 25,000 orang tetapi jumlah pinjaman 28,000 orang. Maknanya ada 3000 lebih lagi peminjam-peminjam yang mampu meminjam berulang kali setelah mereka berjaya melunaskan pinjaman-pinjaman mereka dan ini membuktikan bahawa HIJRAH merupakan satu program yang diterima baik, kadar yang sangat baik dan kita ingin kembangkan HIJRAH bukan hanya sebagai satu badan yang memberikan pinjaman sebaliknya kita ingin melihat fokus-fokus tertentu terutamanya anak-anak muda dan golongan muda sebagai contoh. Dia ada fokusnya ya kita ada program sebagaimana SITECH sebagai contoh *Accessories letter* ya. Bagaimana nak *access* nak jadi *start up* program kepada golongan muda dan ini kita akan lihat bagaimana fungsi HIJRAH melihat kepada kelompok-kelompok tertentu. Ada cadangan daripada Morib sebagai contoh supaya kita tidak terlalu ketat daripada segi tangga gaji ya. Untuk makluman semua, menjelang tahun 2015 kita sudah tidak lagi meletakkan had gaji untuk penerima ataupun had pendapatan isi rumah untuk penerima-penerima program bantuan MIMBAR. Untuk rekod pada hari ini saya ingin jelaskan HIJRAH, maafkan saya. Untuk rekod pada hari ini saya jelaskan ya kita telah memberikan pinjaman kepada 6,093 orang penerima-penerima HIJRAH dan ia di kalangan mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah. Untuk pendapatan di antara RM3,001.00 hingga RM5,000.00 sebanyak 25.7% ataupun 6,575 penerima-penerima pinjaman HIJRAH, daripada pendapatan RM5,000.00 hingga RM10,000.00 sebanyak 7,084 orang ataupun merangkumi 27.7% daripada penerima-penerima hijrah, manakala untuk lebih RM10,000.00 pula sebanyak 3,949 ataupun pada kadarnya 15.4% daripada 25,000 orang yang meminjam daripada HIJRAH ini adalah di kalangan mereka yang berpendapatan lebih daripada RM10,000.00. Jadi *Insya-Allah* dengan apa yang kita telah laksanakan ini, saya percaya kita dapat membantu dan dapat menguruskan negeri kita dengan baik dan menggalakkan program-program pembangunan usahawan dengan secara terusny HIJRAH diletakkan di bawah program pembangunan usahawan. Akhirnya saya percaya kita dapat menubuhkan satu institusi nanti HIJRAH sebagai badan pengendali ataupun badan yang

mengetuai program pembangunan usahawan secara menyeluruh di samping dipantau dengan secara teliti dan terperinci daripada program-program pembangunan keusahawanan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Batu Caves. Saya persilakan Y.B. Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini. Saya terlebih dahulu merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan yang ditunjukkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan berkaitan Skim Peduli Sihat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kajang, Sekinchan, Seri Andalas, Batu Tiga, Damansara Utama, Morib, Kuala Kubu Bharu, Taman Medan, Bukit Gasing, Kota Anggerik dan Teratai. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, skim ini adalah Manifestasi atas keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap bebanan kos rawatan kesihatan rakyat dan merupakan skim yang melibatkan skim bajet yang kedua terbesar selepas Bantuan Air Selangor. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Skim Perlindungan Perubatan dan Kesihatan ini ataupun Skim Peduli Sihat melibatkan peruntukan sebanyak RM125,000,000 bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah ataupun B40 iaitu kelompok yang paling tertekan berikutan kenaikan kos sara hidup. Skim ini akan menyediakan perkhidmatan percuma penjagaan kesihatan untuk 250,000 keluarga atau satu juta rakyat Selangor yang mempunyai pendapatan isi rumah RM3,000 dan ke bawah. Rakyat Selangor atau warganegara yang telah menetap lebih 10 tahun di Selangor juga layak untuk menyertai skim ini. Setiap peserta akan menerima Kad Kesihatan Peduli Sihat, Pemegang Akaun Utama Peduli Sihat berserta tanggungannya seperti isteri dan anak-anak di bawah umur 21 tahun, boleh menerima rawatan doktor..

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Anggerik minta, sila.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Apakah Kerajaan Negeri nak memastikan bahawa setiap penerima kad kesihatan ini adalah pengundi di Negeri Selangor.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Kota Anggerik. Ini adalah sesuatu cadangan yang sangat baik yang mana kita selain daripada kita menjaga rakyat Selangor tetapi yang pentingnya kita menjaga pengundi di Negeri Selangor ini. Jadi ini mungkin akan kita ambil kira dalam perkara tersebut. Izinkan saya meneruskan, pemegang akaun utama Peduli Sihat berserta tanggungannya seperti isteri dan anak-anak umur 21 tahun boleh menerima rawatan doktor di klinik-klinik berdaftar menurut hak kegunaan dan kelayakan yang telah ditetapkan. Klinik yang berdaftar dengan Peduli Sihat akan mengenakan bayaran yuran *consultancy* doktor

yang tidak membebankan rakyat selaras dengan yuran yang ditetapkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia. Kategori yang dilaksanakan iaitu Kategori A:-

- a) Keluarga
- b) Untuk Suami / Isteri/ Anak yang berusia 21 tahun yang berkecukupan.
- c) Kelahiran / Penduduk Tetap Selangor
- d) Warganegara Malaysia
- e) Telah Menetap di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun
- f) Pendapatan isi rumah RM3,000 sebulan dan ke bawah
- g) Umur anak 21 tahun ke bawah
- h) Had pembiayaan RM500 setahun sekeluarga
- i) Had penggunaan RM50 setiap kali rawatan
- j) Jenis rawatan tiada had
- k) Kad Perubatan Peduli Sihat adalah percuma untuk satu keluarga.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya ialah memandangkan program ini adalah program baru dan sambutannya sangat-sangat bagus dan hampir-hampir meletup dan pejabat saya pun menerima panggilan selepas sehari selepas ucapan di buat. Soalan saya program ini mesti dilancarkan tahun depan, bila kita tak tahu tapi seboleh-bolehnya mungkin 1 Januari 2017. Jadi saya ingin bertanya, sekarang katakan kalau kita *target* 1 Januari kita nak lancar katakan. Apakah kerja-kerja yang belum dilaksanakan tetapi perlu dilaksanakan sebelum pelancaran. Dan apakah *time line* ataupun selalu saya tanya *target* ataupun jangkaan masa yang diperlukan untuk menyiapkan semua kerja-kerja ataupun persiapan yang diperlukan sebelum kita boleh lancar.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Kampung Tunku.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa silakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Timbalan Speaker boleh saya membantu sedikit pertanyaan yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku. Memandangkan pengumuman ini telah pun dibuat dalam Pembentangan Belanjawan 2017 setelah mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat EXCO dan Unit Perancang Ekonomi Negeri dan sebaik sahaja pembentangan dibuat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sekinchan cadangan ini telah meletup dan mendapat sambutan yang cukup positif. Lanjutan daripada pertanyaan Kampung Tunku saya telah memaklumkan kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri di mana semua perancangan yang telah kita bentangkan dalam belanjawan ini baik dan mendapat sambutan yang positif tetapi cabarannya ialah soal pelaksanaan program-program ini supaya ia dapat dilancar dan dilaksanakan dengan segera bukan sahaja cantik di atas kertas tetapi pelaksanaannya mesti dibuat segera. Oleh itu saya telah

mencadangkan kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Unit Perancang Ekonomi Negeri semalam kita akan mengadakan pelancaran sebelum hujung tahun ini dan semua persiapan ke arah itu melibatkan tentang syarat-syarat kelayakan, SOP, *brochures* dan semua keperluan bagi menjayakan program ini dan dimaklumkan kepada pegawai-pegawai daerah dan juga ketua-ketua kampung dan kita akan memilih beberapa daerah sebagai pilot projek untuk pelancaran dan saya sendiri akan turun ke daerah tersebut untuk mendaftarkan rakyat Selangor yang layak mendapat Skim Peduli Sihat. Ini sebagai komitmen Kerajaan Negeri bahawa program ini sebagai satu program yang cukup baik yang akan memberikan manfaat langsung kepada rakyat dan tidak boleh dilengahkan dan bukan sahaja kita mahu memulakan pada 1 Januari 2017 tetapi semua persiapan *ground work* itu mesti dimulakan pada tahun ini juga. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, memandangkan program Skim Peduli Rakyat ini, saya nak tambah ada kaitan, ada kaitan, lanjutan itu ada kaitan, ada kaitan. Yang Berhormat EXCO dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, memandangkan Skim Peduli Sihat ini begitu menarik dan meletup di peringkat akar umbi, di kampung-kampung saya menerima telefon bertali arus bukan sahaja rakyat di bawah nak minta borang, sekarang pun doktor pun telefon saya, "Yang Berhormat, jangan lupa klinik saya pun nak jadi panel, macam mana nak jadi panel, apa SOPnya". Saya kata, kalau doktor saya kena jumpa Dr. Rani dulu saya tak berapa pandai dalam isu ini tapi tak apa saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Menteri Besar dan EXCO macam mana panel-panel mereka nak menyertainya sebab mereka tahu satu peluang yang terbaik di Selangor dan ini satu yang terbaik untuk rakyat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Saya minta maaf Yang Berhormat EXCO, saya membantu. Ini ada kaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Pembangkang yang mengatakan bahawa ini bukan satu perkara baru, Kerajaan Persekutuan telah pun menubuhkan Klinik 1 Malaysia. Sebenarnya Klinik 1 Malaysia ini berbeza dengan program-program Skim Peduli Sihat yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Kita telah mengenal pasti melalui Sellgate 1,000 klinik di Negeri Selangor yang akan didaftarkan sebagai panel. Klinik-klinik termasuk klinik-klinik swasta. Sebab kalau kita pergi Klinik Awam masalahnya nak tunggu sampai lebih pada empat lima jam untuk mendapatkan rawatan bagi tujuan kesihatan. Pergi ke Klinik 1 Malaysia mereka tidak bekalkan perkhidmatan doktor. Ini laporan yang saya terima dari Jabatan Kesihatan Negeri. Dia ada 2 *Medical Assistant*, 2 Jururawat Kesihatan, 2 Pembantu Perawatan Kesihatan, tiada doktor dan hanya 17 klinik 1 Malaysia di seluruh Negeri Selangor. Di Hulu Selangor ada 3, Kuala Selangor 2, Petaling Jaya 7, Gombak 2, Hulu Langat 1, Klang 2. Bagaimana pesakit di Hulu Selangor hendak mendapatkan rawatan kalau dia hanya ada 1 Klinik 1 Malaysia dan tidak ada doktor. Tetapi kita menyiapkan satu rawatan *Primary Health Care* maknanya rawatan asas yang menyeluruh yang dirawat oleh doktor termasuk klinik swasta, ada 1,000 klinik di

seluruh Negeri Selangor. Ini yang membezakan skim kita dengan Kerajaan Persekutuan. Sebab itu apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Sekinchan, pendaftaran klinik-klinik ini akan dilakukan oleh Selgate yang akan menjadi *our administrator* untuk meletakkan senarai-senarai klinik ini dan saya telah beritahu Unit Perancang Ekonomi semalam apabila saya dan pimpinan turun ke daerah untuk mendaftarkan rakyat yang layak mendapatkan perkhidmatan ini saya mahu klinik ini juga membuka *booth* masing-masing seolah-olahlah ada pameran supaya orang tahu di mana klinik-klinik ini terletak untuk mereka mendapatkan rawatan *Primary Health Care* ini untuk rakyat Negeri Selangor.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Mohon mencelah, mohon penjelasan EXCO. Yang Berhormat EXCO semalam saya bangkitkan kes-kes yang perlukan *operation* sebab ada kes seorang ibu yang jatuh dan retak tulang punggungnya yang perlukan *plate equipment* yang ini kosnya mencecah RM4,000.00 – RM5,000.00 apakah ada bantuan lain ataupun sama yang ini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Kota Anggerik. Izinkan saya meneruskan apa yang disuarakan Kota Anggerik bagaimana kita boleh membantu kes yang sebegini rupa, pihak Kerajaan Negeri kita ada lagi satu program kesihatan iaitu Bantuan Kesihatan Selangor. Yang mana kita ada borang yang kita kemukakan untuk mendapatkan segala maklumat penyakit tersebut dan pihak Kerajaan Negeri juga boleh membantu rawatan, membiayai rawatan daripada RM1,000.00 sehingga ke RM5,000.00 dan itu adalah satu program yang lain. Sementara Program Skim Peduli Sihat ini kita hanya boleh gunakan sejumlah RM50 sahaja untuk sekali rawatan untuk bertemu dengan klinik- klinik swasta. Jadi izinkan saya teruskan apa yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Terima kasih banyak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana memberikan pencerahan seterusnya mungkin saya ingin meneruskan tentang kategori. Kategori keluarga dan ada satu lagi kategori Individu yang mana tadi untuk satu keluarga sehingga anak yang berusia 21 tahun tapi kita kembangkan pula kepada individu yang berusia 21 tahun ke atas dan mereka juga kriterianya kelahiran Selangor, warganegara Malaysia ataupun telah menetap di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun dan pendapatannya sekurang-kurangnya RM 1,500.00 sebulan atau ke bawah dan had pembiayaan adalah sebanyak RM200 setahun. Hadgunaan RM50.00 setiap satu kali rawatan. Tentang pendaftaran untuk para rakyat yang ingin untuk bersama sebagai peserta Skim Peduli Sihat ini pendaftaran adalah melalui pejabat-pejabat Ahli Dewan Negeri Selangor dan Penyelaras Negeri Selangor, Pejabat Daerah, Pejabat Berkuasa Tempatan ataupun PBT, klinik-klinik yang berdaftar ataupun klinik-klinik panel Skim Peduli Sihat ini dan juga pejabat Selgate atau melalui laman web www.pedulisihat.com yang mana ia boleh diakses melalui 21 November 2016. Masih dalam pembinaan belum lagi . Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Batu Tiga minta.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya ingin bertanya baguslah sebab pendaftaran itu dibuka di banyak tempat sebabnya memudahkan rakyat tapi siapakah yang sebenarnya akan meluluskan bahawa mereka layak sebabnya kalau ia terlalu terbuka begitu kelayakan itu sebenarnya perlukan satu prosedur yang agak teliti supaya manfaatnya bukan kepada yang lain tapi yang khas yang telah sebutkan tadi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sementa sambung petang. Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan jam 1.00 petang saya tangguhkan sidang sehingga jam 2.00 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : *Assalamualaikum* dan selamat petang. Dewan bersambung semula. Silakan Y.B. Sementa.

Y.B. PUAN DR .DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Persoalan yang dikemukakan oleh Y.B. Batu Tiga tentang siapakah yang akan memastikan orang-orang para peserta skim Peduli Sihat ini layak, semua para peserta perlu mengisi borang yang telah pun disediakan yang mana segala keperluan untuk memastikan mereka ini layak ada di dalam borang yang disediakan dan surat pengesahan daripada sama ada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri, Ketua Kampung, Tok Penghulu, JKKK dan Ketua Komuniti perlu disertakan. Jadi dengan itu ianya ada maknanya ada pengesahan daripada pemimpin daripada masyarakat. Dan segala keperluan di dalam borang tersebut akan disemak dan apabila ianya mengikut segala syarat-syarat maka pihak SELCAT akan menerima permohonan tersebut.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Minta celah....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ada dua...Sri Andalas dengan Teratai. Bagi Sri Andalas dulu.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ok, terima kasih. Tahniah EXCO. No. 1 borang itu boleh kah kita dapat apa yang dikatakan oleh Dato' Menteri Besar tadi kita kena mulakan kerja pada hari ini. No. 2 adakah kena isi borang atau pun kita kena buat ni *online* ni yang kena tentukan caranya yang, yang, telah ditentukan oleh Selgate ataupun kerajaan. Adakah kita nak isi borang ataupun adakah ini melalui *online*.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Andalas. Borang ini boleh didapati melalui *online* dan juga boleh didapati secara *copy* daripada pihak-pihak yang saya telah sebutkan tadi yang mana ia akan dibekalkan kepada pejabat-pejabat sama ada pejabat Daerah, Pejabat PBT, Klinik berdaftar dan juga apatah lagi pejabat Ahli Dewan Negeri dan Penyelaras DUN Negeri Selangor. Dan selain itu.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Teratai minta....

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Selain daripada itu mereka juga boleh melayari laman web pedulisihat.com. Silakan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Y.B. EXCO memandangkan Kerajaan Selangor dengan usaha yang baik untuk mengadakan yang *online copy* jadi adakah kerajaan Selangor bersedia untuk hanya....kita katakan menawarkan skim yang baik ini melalui *online* daripada penduduk-penduduk kita dikehendaki untuk memohon melalui *online* lepas tu kena cetak hantar ke pusat khidmat kami lepas tu dapat tandatangan kami dan kembalikan *copy* itu kepada YAWAS. Saya kena bangkitkan perkara ini sebab di kawasan DUN Teratai ada terdapat permohonan TAWAS yang mana penduduk mereka dah lama tunggu lepas tu difahamkan bahawa mereka, dokumen mereka perlu mendapat tandatangan Ketua Kampung padahalnya bagi pemohon itu dia tinggal di kawasan bukan di kampung tetapi satu kawasan perumahan. Lebih-lebih lagi ada salah satu permohonan yang mana pemohon telah berpindah daripada kawasan DUN Teratai ke kawasan DUN Gombak Setia. Itu yang Teratai memohon supaya Kerajaan Negeri dapat memudahkan proses permohonan ini supaya memang penduduk-penduduk kita mendapat manfaat dalam masa yang tersingkat. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sebelum saya membenarkan Y.B. Sementa menjawab saya ingatkan rakan-rakan Y.B. sekalian spesifik-spesifik kes ni jangan diutarakan ya. Aa...contoh, oh contoh. Terima kasih, silakan Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Untuk menjawab kemusykilan Y.B. Teratai saya kira oleh kerana skim ini adalah skim yang baru dan banyak perkara-perkara yang teknikal masih dalam sedang diperhalusi maka apabila ia telah benar-benar mantap maka kita akan membuat satu perjumpaan ataupun memanggil semua Y.B. dan juga daripada Pejabat DUN untuk bersama-sama kita mendapat maklumat yang terbaik untuk kita melaksanakan Skim Peduli Sihat ini. Seterusnya saya teruskan kepada persoalan daripada Ijok semalam yang menyatakan adakah peserta SPS ini layak untuk pesakit terlantar. Skim Peduli Sihat ini terbuka kepada semua rakyat Selangor. Jadi maknanya pesakit terlantar juga termasuk dalam kategori ini dan mereka juga boleh memohon sebenarnya, boleh memohon program bantuan kesihatan Sihat Selangor yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Sementara Damansara.....

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Boleh mencelah....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ijok sila.....

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker. Walaupun mereka yang terlantar ni masuk dalam Skim Peduli Sihat, saya nak tanya kepada kerajaan adakah kerajaan nak mewajibkan doktor-doktor panel kita pergi melawat ke rumah kalau mereka dalam bawah panel.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Ijok, satu cadangan yang sangat baik cumanya kita belum lagi membuat keputusan terhadap perkara tersebut.

Dan kita akan mengambil kira cadangan daripada Ijok. Izinkan saya meneruskan. Damansara Utama pula mencadangkan agar skim Peduli Sihat ini diperluaskan kepada hospital awam selain daripada klinik swasta ataupun general practitioner. Skim Peduli Sihat ini dicadangkan menggunakan klinik dan hospital swasta untuk meningkatkan akses rakyat bagi mendapat rawatan kesihatan dan perubatan. Ia juga boleh mengurangkan kesesakan di klinik dan hospital kerajaan. Namun Skim Peduli Sihat ini boleh diperpanjangkan ke hospital awam sekiranya mereka bersetuju dengan terma dan syarat sebagai klinik panel skim ini. Sementara Batu Tiga menanyakan tentang mekanisme pelaksanaan skim ini.....

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Minta penjelasan, *sorry*. Adakah kerajaan akan secara proaktif untuk meng"invite" kerajaan, hospital kerajaan untuk jadi sebagai panel di Skim Peduli Sihat.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Damansara Utama. Kita akan mengambil kira perkara tersebut. Sementara izinkan saya teruskan untuk Batu Tiga yang bertanya tentang mekanisme pelaksanaan Skim ini dan siapakah agensi pelaksana seperti yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Skim ini akan diuruskan Selgate Corporation Sdn. Bhd. selaku *third party health care administrator*. Syarikat ini adalah sebuah syarikat milikan penuh PKNS dan program ini akan dikawal selia dan dipantau oleh Jawatankuasa Tetap Kesihatan dan Seksyen PBT Unit Perancang Ekonomi Negeri . Kerajaan Negeri juga akan melantik wakil di dalam Badan Penasihat Skim Peduli Sihat ini untuk memastikan kelancaran program. Program ini adalah satu program *Social Safety Net* untuk membantu meringankan beban kumpulan pendapatan rendah yang mana mereka ini sangat memerlukan perkara ini.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan, mencelah sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih. Penjelasan yang ada, saya ingin sedikit kepastian apakah *third party* ataupun pihak Syarikat Selgate ini akan menguruskan kewangan kerajaan secara insuran ataupun polisi insurans sebab kita lihat dan saya yang timbulkan itu adalah berkaitan dengan ROI jadi kita bimbang RM125 juta ini diberikan terus kepada agensi pelaksana tetapi cara mekanisme pelaksanaannya nanti ianya melibatkan kos tambahan ataupun kos diambil daripada yang sedia ada sehinggakan ianya berlaku bukan ketirisan, kekurangan untuk kita bagi kepada rakyat. Sebab tu saya tanya soalan saya apakah *third party* ini akan melaksanakan secara insurans ataupun *direct payment* kepada semua penerima. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Sebenarnya ianya tidak ada melalui insurans dan ia adalah kalau kita *calculate* RM125 juta

kepada 250,000 rumah ataupun keluarga yang mana setiap keluarga akan mendapat RM500.00 dengan satu kad tersebut untuk setahun maka ia adalah *direct* kepada rakyat...ya...dolar to...maksudnya seringgit yang kita laburkan adalah seringgit sampai kepada rakyat. Tidak ada keuntungan di *third party*. Dan mereka boleh mendapat, dan kos operasi SELCAT ini mereka akan perolehi daripada klinik-klinik berdaftar melalui skim ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sementa, Hulu Bernam minta

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada EXCO, untuk rakyat berpendapatan rendah ini bila kad hanya RM500.00 untuk setahun apakah tindakan kerajaan sekiranya melebihi daripada kos itu contoh mereka kena, dikenakan buat caesarean dan sebagainya lah. Jadi apakah maksudnya ada pembedahan dan sebagainya ya ada pembedahan dan sebagainya maka apakah tindakan Kerajaan Negeri, apakah boleh menanggung ataupun ditanggung pula oleh individu itu sendiri. Atau akhirnya ke hospital kerajaan juga kesudahannya. Itu saja saya nak tahu.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Sorry Tuan Speaker. Saya minta Hulu Bernam *understand* apa itu *Primary Healthcare System* dulu. Baca dulu apa erti *Primary Healthcare System* sebelum tanya soalan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sementa

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Andalan memberikan pencerahan tersebut. Untuk Hulu Bernam program ini adalah *Primary Healthcare* yang mana sakit, demam, batuk, selesema, ya dalam satu-satu keluarga anak sakit ke, mereka boleh pergi ke klinik berdekatan, klinik swasta, ya, tidak....dan ia bukan untuk perkara yang seperti *caesarean*, atau pembedahan yang memerlukan rawatan yang aa....ia bukan *primary care*. Jadi saya harap ia mendapat maklum dan juga satu-satu rawatan adalah bernilai RM50.00. Sekiranya pergi di klinik di Hulu Bernam mungkin sekali rawatan mungkin RM40.00 jadi *patient* tak perlu membayar lebihan tapi kalau mendapatkan rawatan mungkin di Shah Alam, ya kena bayar RM60.00 ringgit jadi RM50.00 ringgit daripada Kerajaan Negeri RM10.00 family tersebut perlu membayarnya. Jadi ini adalah *primary care*, ya dengan izin, untuk kemaslahatan memberikan kemudahan dan bantuan kepada rakyat Selangor. Seterusnya Tuan Timbalan Speaker saya ingin terus kepada perkara kedua iaitu denggi dan zika....

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Sebelum tu nak tanya lagi. Sikit je lagi. Terima kasih EXCO saya tadi terlupa nak bertanya lebih awal. Apakah rasional dibuat supaya pengasingan yang atas 25 tahun dan juga di bawah 20 tahun. Sebab kalau kita lihatsaya bimbang ada pertindihan di situ. Contoh kalau saya punya 3 orang anak saya ada sorang yang atas 21 tahun dan yang 2 tu di bawah 20 tahun

saya akan dapat 2 *benefit*. Maknanya saya akan dapat RM500.00 *ceiling* 1 tahun dan saya akan dapat anak saya yang tambahan 21 tahun itu akan dapat tambahan 200. Maknanya kos kita bagi dah jadi RM500.00..ee.e....RM700.00. Jadi saya cadangkan supaya sekaligus saja. Tidak perlu kita lihat satu keluarga tu atas 21 ataupun di bawah 21 tahun. Itu cadangan saya.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Mungkin ada rasional yang lain untuk melaksanakan untuk program individu ini kerana kita juga akan melihat tangga gaji RM1500.00 ke bawah. Jadi kalau mereka ini tidak layak ataupun mereka bergaji RM1500.00 ke atas mereka adalah tidak layak. Ok terima kasih.

Jadi saya teruskan kepada denggi dan zika. Berkaitan dengan kes denggi dan zika YAB Dato' Menteri Besar menyatakan komitmen Kerajaan Negeri untuk memerangi wabak ini dengan lebih serius melalui peningkatan peruntukan kawalan dan pencegahan denggi dan zika secara holistik. Saya mengucapkan terima kasih kepada Andalas dan juga Morib yang menyentuh tentang perkara ini. Ahli-ahli Y.B., bagi tahun 2017 RM5 juta dicadangkan berbanding hanya RM1.5 juta pada tahun 2016. Peruntukkan ini akan digunakan untuk menambahkan aktiviti-aktiviti kawalan dengan menambah penggunaan *pest control operator* di PBT-PBT. Dan penguatkuasaan undang-undang akan dipertingkatkan terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab yang menyumbang kepada wabak ini. Tanggungjawab untuk memerangi denggi dan zika adalah tanggungjawab kita semua bersama selaku pemimpin Kerajaan Negeri samada di peringkat pihak kerajaan mahupun pembangkang. Ini termasuklah pimpinan masyarakat iaitu Ahli Dewan Negeri, Ahli Parlimen, Ahli Majlis, Penghulu, Ketua Kampung, JKK dan penduduk setempat bagi memastikan tiada lagi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Saya bersetuju dan berterima kasih kepada Morib yang begitu prihatin dengan isu denggi dan Morib juga menekankan tentang penglibatan *public* yang tidak menyeluruh. Maknanya masyarakat yang hanya melihat sahaja dan tidak bersama-sama sekiranya kita melaksanakan program-program gotong-royong. Namun sikap masyarakat yang hanya memandang dari jauh itu nampaknya semakin berubah dan kita mengharapkan perubahan yang lebih baik, lebih positif pada tahun 2017 dengan penglibatan yang lebih ramai daripada masyarakat untuk bersama-sama membanteras denggi dan zika di Negeri Selangor. Seperti yang dinyatakan dalam jawapan soalan sebelum ini, sehingga epik ke-43 Selangor telah mencatatkan penurunan kes Denggi pada 2016 sebanyak 13% pengurangan dan juga menurunkan kes kematian sebanyak 37% dan ini adalah satu kejayaan yang telah pun kita capai dan kejayaan ini tidak dicapai dengan mudah ianya melibatkan usaha keras dan tekun tanpa mengira penat lelah dan masa oleh semua pihak yang terlibat. Di kesempatan ini ingin saya merakamkan penghargaan dan terima kasih pihak Kerajaan Negeri kepada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor kepada Pejabat Kesihatan Daerah 9PKD, dan kepada semua 12 PBT kita yang sangat kuat dan tekun bekerja, Pejabat Tanah dan Daerah, Ahli-Ahli Mesyuarat Tindakan Denggi

Peringkat Negeri, Ahli-Ahli Mesyuarat Tindakan Denggi di Peringkat Daerah dan juga agensi-agensi yang terlibat sama. Juga kepada *STANDCO* Kesihatan Unit Perancang Ekonomi Negeri. Rasa penghargaan ini bukan hanya kepada pegawai-pegawai tetapi juga kepada pekerja bawahan yang bertungkus-lumus di lapangan setiap hari. Ada kalanya sehingga malam bekerja dan di hujung-hujung minggu sewaktu orang lain bercuti. Jadi saya ucapkan tahniah atas komitmen para petugas denggi kita semua. Seterusnya saya pergi kepada Panel Dialisis Sihat Selangor. Saya ucap terima kasih kepada Andalas, Teratai dan Kinrara yang menyentuh tentang panel dialisis. Program Bantuan Kesihatan Selangor yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah satu bentuk bantuan dan ia bukan pembiayaan. Jadi untuk ini program ini kita berikan kepada setiap para penerima adalah yang berpendapatan RM3000.00 ke bawah dan mereka ini para pesakit dialisis ini tidak mendapat mana-mana tajaan daripada pihak lain seperti Lembaga Zakat Selangor, PERKESO, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam serta lain-lain badan pertubuhan bukan kerajaan. Jumlah pusat rawatan dialisis yang berdaftar di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor adalah sebanyak 107 buah dan hanya 20 sahaja yang telah pun kita lantik sebagai Panel Dialisis Sihat Selangor. Namun kita akan menambahkan lagi panel-panel ini dan dengan bantuan pembayaran terus ini akan disalurkan kepada panel dialisis mengikut jumlah yang diluluskan iaitu daripada RM2000.00 hingga RM5000.00 seorang pesakit. Manakala Andalas ada menyatakan tentang Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula cadangan untuk permohonan atas talian bagi permohonan Bantuan Kesihatan Sihat Selangor yang akan diguna pakai pada 1 Januari 2017. Pelaksanaan permohonan atas talian....

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA : Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA : Sebelum EXCO pergi kepada tajuk yang lain saya ingin menyentuh yang pertanyaan saya tentang program pencegahan dan juga intervensi bagi sakit buah pinggang supaya kita mengurangkan jumlah pesakit yang terpaksa mengikuti rawatan dialisis.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Taman Medan. Tentang intervensi ini saya akan sebut dalam satu lagi tajuk sebentar lagi. Jadi saya ingin meneruskan tentang cadangan daripada Andalas agar pelaksanaan permohonan atas talian ini yang akan digunakan bermula 1 Januari jadi permohonan di atas talian yang akan dilaksanakan adalah selaras dengan hasrat Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk menjadikan Selangor sebagai satu negeri yang peduli rakyat. Permohonan atas talian memudahkan rakyat untuk berurusan dengan Kerajaan Negeri tanpa perlu berkunjung ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri mengambil maklum kesukaran golongan B40 ini untuk mendapatkan capaian internet di rumah walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan wakil-wakil daripada pejabat Yang Berhormat ADN untuk membantu masyarakat membuat

permohonan secara atas talian di pejabat DUN masing-masing. Di mana lebih dekat dengan rakyat. Dan satu sesi latihan bersama pihak UPEN telah diadakan untuk semua para petugas pejabat DUN bagi menambah baik proses kerja melalui atas talian ini. Dengan bantuan dan kerjasama di peringkat DUN, Kerajaan Negeri yakin permohonan secara atas talian ini dapat membantu memudahkan rakyat Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Seri Andalas minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ya. Terima kasih Speaker, terima kasih EXCO. Saya baru dengar dari EXCO bahawa akan bagi bantuan kepada pejabat ADN untuk buat permohonan atas talian. Sekarang pun kerja-kerja di Pejabat ADN ni dengan dua orang pekerja pun tak cukup. Sekarang Smart Selangor ini semua pun di atas talian, adakah peruntukan yang lebih untuk ADN-ADN ni kita kena *employ* dua orang lagi ni? Data *entry* ini bukan senang ni, kalau nak buat. Terus kena buat. Ada, ha? Satu hari RM50.00 kata Batu Tiga. Tak cukup pun. So, saya ingat tengoklah macam mana keadaan untuk boleh ke? Kalau nak ada *successful launching of Skim* Peduli Sihat Rakyat ini, saya ingat kita kena mesti ada satu mekanisme sebab speaker B40 ini satu golongan yang besar yang dapat bantuan bukan seluruhan B40, 70% daripada B40 sahaja yang dapat. Yang 3000 dan pendapatan rumah RM3,000.00 dan *below*. Orang ini tidak ada *the facilities of internet* dengan WiFi dan sebagainya. So, itu yang saya minta UPEN buat kajian macam mana kita boleh atasi masalah ini yang kita akan hadapi. Memang semua ADUN akan hadapi masalah ini dalam pejabat mereka. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Andalas. Pihak Kerajaan Negeri akan mengambil kira pandangan daripada Andalas ini dan kita akan cuba melihat apakah yang boleh kita perbaiki dalam perkara tersebut. Seterusnya saya ingin terus kepada Program Gaya Hidup Sihat. Kinrara dan Anggerik menyentuh tentang Kerajaan Negeri supaya melaksanakan Program Gaya Hidup Sihat juga Taman Medan. Jadi inilah saya kira intervensi untuk kita agar semua rakyat Selangor sihat tak kira sama ada penyakit buah pinggang, atau kencing manis atau darah tinggi atau apa juga penyakit ianya perlu dibuat intervensi awal melalui Program Gaya Hidup Sihat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Minta penjelasan. Itu petua nak sihat. Dari segi peruntukan untuk program sihat ini sebab kalau kirakan kos untuk gaya hidup sihat ini lebih murah daripada kos bila kita sudah sakit. Jadi *prevention is better than cure*, sepatutnya kerajaan ada dana lebih besar untuk kempen menyuruh gaya hidup sihat. Umpamanya, *Staff* SUK tingkat lima tak payah naik lif, naik tangga je. Jadi.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya sokong.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Ketika saya EXCO dulu, saya naik lif sampai tingkat 6, eh saya naik tangga sampai tingkat 6 sambung naik lif. Cuma Dato' SS saya tak pastilah. Jadi maknanya kita nak kempen. Dulu-dulu ada program-program umpamanya kakitangan awam ini pada hari Jumaat dia kena aerobik tapi dah tak ada lagi. Supaya kita mulakan dengan kakitangan awam supaya kita nak kakitangan kita sihat macam Menteri Besar naik basikal 27 kilometer tak ada masalah.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ok, terima kasih Kota Anggerik. Cadangan daripada Kota Anggerik kita ambil kira. Cumanya saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa bermula tahun 2014 selama tiga tahun berturut-turut Kerajaan Negeri telah menganjurkan Program Karnival Sihat Selangor di 12 PBT dan program ini merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam memberi kesedaran awam mengenai penjagaan kesihatan serta amalan gaya hidup sihat. Yang mana ianya dilaksanakan di 12 PBT selama tiga tahun berturut-turut. Dan objektif utama pelaksanaan karnival ini adalah untuk memberi kesedaran awam mengenai kepentingan amalan gaya hidup sihat dan cergas dan memupuk amalan bersenam dan beriadah di kalangan masyarakat. Antara fokus Karnival Sihat Selangor ini adalah menggalakkan aktiviti berjalan 10,000 langkah sehari, menggalakkan aktiviti mengayuh basikal melalui Kayuhan Jantungku, ketiga mengadakan aktiviti senamrobik ataupun berzumba seterusnya mempromosikan makanan sihat, pemeriksaan kesihatan percuma, pemeriksaan mammogram oleh MAKNA, program derma darah oleh Pusat Darah Negara, program kesedaran denggi, promosi bantuan kesihatan sihat Selangor dan jualan produk-produk kesihatan. Pada tahun 2016 semua PBT telah pun melaksanakan Program Sihat Selangor dengan sambutan yang amat membanggakan. Program ini mendapat sambutan di kalangan masyarakat seluruh negeri di semua PBT dan peningkatan jumlah peserta untuk tahun 2016 juga semakin meningkat iaitu seramai 18,000 orang telah turut serta dalam program ini. Jadi saya ucap tahniah kepada PBT-PBT yang telah pun melaksanakan program ini. Kerajaan Negeri juga....

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Okey. Saya suka sangat perkara ini sebab saya nak ucapkan tahniah kepada Sementa ya, EXCO Sementa kerana pelaksanaan perkara ini. Saya nak tanya pada pihak EXCO sebab perkara ini terlalu baik dan kita tengok *penetration* ataupun tembusan ini hanya kepada 18,000 peserta keseluruhan. Apakah ada cadangan supaya Kerajaan Negeri Selangor mengumumkan hari Ahad "Hari Hidup Sihat Selangor" supaya kita semua boleh jalan 10,000 kaki, eh! 10,000 langkah. 10,000 kaki pulak! 10,000 langkah bersamaan dengan 5 kilo meter. Ya setiap hari Ahad pagi. Jadi itu membudayakan sebenarnya cara hidup sihat kepada

rakyat Selangor. Jadi secara tak langsung kita semua boleh peningkatan jumlah penyertaan itu akan bertambah. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih kepada Batu Tiga. Ya, itu adalah satu cadangan yang amat baik untuk kita memulakan di Negeri Selangor. Jadi *Insyallah* ia akan kita bawa dalam di masa yang akan datang. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi. Sebenarnya selama tiga tahun kita melaksanakan program berjalan 10,000 langkah ini, ya di setiap PBT maka kini ia telah mendapat perhatian daripada pihak Putrajaya. Dan sekarang nampaknya Putrajaya pun telah mula melaksanakan program berjalan 10,000 langkah. Jadi kita memulakan....

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tuan Speaker..

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ya?

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya nak mencelah sedikit. Sebenarnya EXCO buat silap pernyataan itu. Sebab kita dah lama memulakan langkah, 10,000 langkah itu dah lama dah dengan *cost spent* semua, 10,000 langkah itu. Jadi itu bukan perkara baru bagi kita. Bukan Putrajaya yang meniru tapi Kerajaan Negeri yang meniru.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Hulu Bernam. Kita bukan kata Putrajaya meniru tetapi selama tiga tahun ini kita melaksanakan dengan tekun di 12 PBT. Ya. Selama tiga tahun akhirnya Putrajaya melihat dan mereka juga berminat untuk melaksanakan program berjalan 10,000 langkah. Ia sebenarnya adalah program yang baik yang dimulakan oleh KKM, Kementerian Kesihatan dari tahun 2011 yang lepas tetapi tiada mana-mana agensi yang menyambut perkara tersebut. Jadi kita di Selangor yang menyambut perkara tersebut. Kerana bagi saya ia adalah satu program yang baik, dan ianya adalah murah, ia adalah mudah, dan semua orang boleh melaksanakan daripada sekecil-kecil anak kecil sehinggalah kepada orang dewasa dan warga emas. Jadi sebab itulah kita terus memperluaskan program 10,000 langkah ini. Dan juga...

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Pencerahan.

TUAN SPEAKER : Pencerahan. Kota Damansara minta..

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ya?

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Sini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Oh terima kasih...

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Ok. Tahniahlah banyak program pencegahan yang dilakukan sebelum kita mendapat sakit ni. Tapi saya juga nak minta pencerahan juga daripada Y.B. EXCO kalau dah sakit, kita di pihak Kementerian Kesihatan ni juga menyediakan Klinik 1 Malaysia di Selangor ini. So, EXCO ni yang berkenaan tau tak berapa jumlah Klinik Kesihatan yang ada di Negeri Selangor ni? Tak, Klinik 1 Malaysia yang berada di Selangor ni? Tadi saya dapat maklumat disebut hanya 17 sahaja. Tapi Y.B. EXCO tau tak berapa sebenarnya? Cuba sebut.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ok. Terima kasih Kota Damansara. Tapi saya nak selesaikan dulu jawapan saya untuk gaya hidup sihat ini kemudian baru saya menjawab. Bagi memastikan kejayaan program ini di peringkat daerah, Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua PBT untuk mewujudkan taman rekreasi yang mempunyai trek berjalan 10,000 langkah ini dengan menaikkan papan tanda untuk berjalan 10,000 langkah bagi tujuan menggalakkan lebih ramai penduduk membuat senaman dan melakukan aktiviti berjalan ini. Papan tanda tersebut juga mengandungi maklumat jumlah langkah yang telah dilaksanakan dan jumlah kalori yang dibakar dan apakah jenis makanan yang telah pun diambil dan dibakar untuk sejauh itu atau sebanyak langkah yang disebutkan. Jadi, maklumat ini dapat mendidik masyarakat untuk mengawal tabiat pemakanan mereka seharian. Oleh itu, Kerajaan Negeri sedang merangka satu Program Gaya Hidup Sihat yang meliputi segala aspek yang boleh mencegah masyarakat daripada menghadapi penyakit tidak berjangkit seperti tekanan darah tinggi, diabetes, kerosakan buah pinggang dan berlebihan berat badan ataupun obesiti.

Untuk menjawab Kota Damansara tentang Klinik 1 Malaysia yang ada di Selangor, tadi Y.A.B. Dato' Menteri Besar diberikan senarai nama, senarai *numbers* tentang Klinik 1 Malaysia ini kerana dimuat naik daripada internet. Jadi, salah internet bukan salah kita, bukan salah Dato' Menteri Besar. Dan, saya telah, kerana kita minta kepada pihak JKNS untuk memberikan maklum balas tetapi agak lambat jadi kita ambil daripada internet. Jadi, kini kita telah pun mendapat maklumat daripada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bahawa Klinik 1 Malaysia di Selangor adalah sebanyak 47 buah termasuk dua (2) buah yang dibuka pada tahun 2016 iaitu di Rawang dan Taman Mulia Jaya di Ampang. Jadi, pembetulan tentang perkara tersebut tadi.

Seterusnya, saya terus pergi kepada soalan ataupun perbahasan daripada Hulu Kelang iaitu tentang ibu tunggal. Saya ucap terima kasih pada Y.B. Hulu Kelang yang sangat prihatin tentang terhadap keperluan golongan wanita khususnya ibu tunggal dan *Alhamdulillah* melalui program-program di Pusat Wanita Berdaya (PWB) pelbagai program-program kemahiran dan latihan yang menjana ekonomi untuk rumah tangga dan pendapatan sampingan dapat dijalankan secara berterusan dan kita juga menyeru agar wanita-wanita ataupun ibu-ibu tunggal yang ingin untuk mendapatkan ilmu-ilmu kemahiran tersebut boleh bersama-sama dengan program-

program PWB di kawasan DUN masing-masing. Saya juga ingin pergi kepada pusat jagaan kanak-kanak yang diutarakan oleh Damansara Utama, Taman Medan dan Teratai. Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. atas keprihatinan isu kanak-kanak dan wanita yang mana ia perlu sistem sokongan untuk wanita muda yang berkerjaya untuk mencari ataupun mendapatkan *affordable and quality child care* untuk anak-anak mereka sementara mereka pergi bekerja ataupun berkerjaya. Jadi, pihak Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Y.B. Damansara Utama, Teratai dan Taman Medan dan kita akan melaksanakan satu sesi bengkel khas pada awal tahun hadapan yang mana kita akan membincangkan perkara ini dan saya menjemput ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat untuk turut serta dalam bengkel ini nanti untuk memberikan input-input yang baik untuk kita melaksanakan perkara tersebut bagi kebaikan ibu-ibu ataupun wanita-wanita di Negeri Selangor. Sementara ada aduan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sebelum terlewat Tuan Timbalan Speaker, saya ingin membangkitkan satu isu berkenaan dengan kesihatan mental. Saya pernah sebut tentang kes..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ini perkara baru Yang Berhormat ni.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tidak, tidak, tidak. Saya ada sebut dalam perbincangan sebab saya kira ini adalah isu yang serius. Bukan, bukan jenaka. Kerana dengan keadaan ekonomi yang semakin tertekan, kesihatan tekanan jiwa yang ditanggung oleh setiap individu, setiap warganegara Malaysia khususnya di Selangor di Lembah Klang ini semakin bertambah. Saya kira kerajaan perlu mempertimbangkan sama ada mungkin sebahagian peruntukan digunakan untuk membantu ke arah ini mungkin dalam bentuk kaunseling ataupun cara-cara perubatan yang lain. Saya mohon jawapan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Kg. Tunku. Kita menyambut baik saranan daripada Kampung Tunku tentang apakah Kerajaan Negeri, bagaimana Kerajaan Negeri dapat melaksanakan ataupun membantu para orang-orang yang mungkin mempunyai ataupun menghadapi kesihatan mental ataupun stres dalam keadaan situasi ketika ini. Jadi, berikan saya sedikit masa untuk membincangkan tentang perkara tersebut dan mungkin untuk melaksanakan perkara yang disebut oleh Kampung Tunku. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing minta pencerahan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ulasan EXCO terhadap apa yang saya bangkitkan dalam perbincangan tentang hospital awam untuk Petaling Jaya. Ini setiap tahun mesti kena tanya.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Belum lagi Bukit Gasing. Saya masih di tempat yang ni.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Sementa, panjang lagi ke?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Sikit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Mungkin sekiranya panjang boleh lanjutkan secara bertulis kepada Yang Berhormat yang bertanya.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Tapi kalau tak panjang, saya benarkanlah untuk selesaikan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Okey. Saya hanya ingin menyentuh sedikit lagi tentang bilik laktasi yang disebut oleh Taman Medan dan juga Damansara Utama yang mana ianya juga adalah satu keperluan iaitu melaksanakan ataupun mewujudkan bilik laktasi di tempat kerja. Jadi, pihak Kerajaan Negeri telah pun mempunyai cadangan untuk tujuan tersebut dan ia akan dimulakan di Bangunan SUK dan akan diperluaskan di semua PBT dan jabatan kerajaan yang lain. Seterusnya, saya pergi kepada Institut Wanita Berdaya...

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Nak minta...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan. Mencilah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ingin bertanya. Tadi Yang Berhormat sebut tentang bangunan di jabatan kerajaan. Secara spesifik saya hendak bertanya adakah ini juga termasuk bangunan Kerajaan Persekutuan? Dan sekiranya tidak, apakah cara yang mungkin kita boleh lakukan untuk memastikan sekurang-kurangnya satu bilik yang bersesuaian dapat disediakan? Mohon jawapan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Kampung Tunku. Apa yang saya sebut tadi adalah di bangunan Kerajaan Negeri. Jadi, untuk bangunan kerajaan yang lain saya mohon kepada rakan-rakan daripada pihak pembangkang untuk mengajukan kepada Kementerian Wanita agar perkara ini dilaksanakan di peringkat Persekutuan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Tuan Speaker, nak minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Adakah Y.B. EXCO akan mengkaji cadangan saya bahawa di mana kita meletakkan ini satu syarat untuk pembangunan yang akan datang? Ini adalah cadangan saya supaya *the next project, future* semua bangunan bukan sahaja bangunan kerajaan tapi bangunan biasa, bangunan swasta ada tempat tertentu untuk tujuan ini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Damansara Utama. Saya menyambut baik cadangan tersebut dan ianya adalah satu cadangan yang amat bermanfaat untuk wanita khususnya. Jadi, kita akan sama-sama bekerja ke arah itu dan kita akan cuba untuk membantu untuk melaksanakan perkara tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Sementa, saya mencadangkan untuk *point* terakhir lah.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Ok. Terakhir adalah tentang Institut Wanita Berdaya. Untuk makluman ahli, yang mana ini disentuh oleh Selat Klang, Taman Medan dan Teratai. Untuk makluman Ahli Dewan, Yang Berhormat, Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan sebuah institut yang dikenali sebagai Institut Wanita Berdaya (IWB) Negeri Selangor yang bertindak sebagai sebuah badan pemikir yang akan menyediakan dasar-dasar dan kajian berkaitan pembangunan dan pemberdayaan wanita di Negeri Selangor selain program-program berkaitan gender. Sudah sampai masanya Kerajaan Negeri mengambil langkah ke hadapan dalam menginstitusikan sebuah badan khusus bagi mengangkat isu-isu gender agar perancangan yang lebih holistik dan komprehensif dapat diwujudkan ke arah kemajuan golongan wanita, kanak-kanak dan keluarga di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Y.B. Sementa. Saya persilakan Y.B. Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : *Assalamualaikum Warahmatullah Hita'ala Hiwabarakatuh. A'uzubillah Himinash Shaiton Nirrajim. Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin memulakan penggulungan saya dengan mengambil sebahagian daripada Surah An-Hanl, An- Nah, ayat 125 yang mafhumnya “*Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa tersesat dari jalannya. Dan, Dialah yang mengetahui, yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk*”. Saya juga ingin mengambil kesempatan dalam penggulungan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Azmin Ali atas pembentangan Belanjawan 2017 Negeri Selangor yang tema ‘Membangunkan Bangsa dan Memakmurkan Negeri’. Saya juga mengambil

kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor selaku Ketua Agama Islam Negeri Selangor yang selamat diijab kabulkan dengan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, semoga Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan kekal bahagia dan terus bersemayam di atas takhta Negeri Selangor. Tahniah juga kepada D.Y.T.M. Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj yang telah dimasyhurkan sebagai Raja Muda Selangor ketujuh yang mewarisi takhta Kesultanan Selangor. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor telah membentangkan Cadangan Belanjawan 2017 yang bertujuan memberikan kesaksamaan dan kepedulian rakyat untuk membangunkan bangsa dan memakmurkan negeri. Terima kasih saya ucapkan kepada Y.A.B. Menteri Besar di atas cadangan belanjawan yang diuntukkan kepada STANDCO saya yang saya rasa akan memberikan impak yang baik dalam pembangunan dan juga rakyat terutamanya juga yang melibatkan peningkatan elaun Ketua Kampung dan Imam-Imam. Saya amat tertarik dengan strategi yang keempat meringkai pemuafakatan kerana saya kira ini adalah isu utama perkara asas membangunkan bangsa dan memakmurkan negeri. STANDCO Hal Ehwal Agama Islam melihat kepelbagaian kaum dan agama di Selangor ini sebagai asasnya. Memetik kepada ayat 13, surah Al-Hujrah yang dibacakan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang mafhumnya "*Wahai manusia sesungguhnya kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha mengenal*".

Merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 - Agama Bagi Persekutuan dan Perkara 11 - Kebebasan Beragama, saya rasa kita sebagai rakyat Malaysia mempunyai kekuatan yang tersendiri sekiranya kita berpegang bersungguh kepada Perlembagaan itu. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Dewan Negeri yang membangkitkan isu-isu berkaitan Hal Ehwal Adat Melayu dan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi . Saya ucapkan terima kasih kepada Sabak yang membawakan isu yang berkaitan dengan pemantapan Islam, pemantapan Ahli *Sunnah Wal Jama'ah* dan pemahaman silang fungsi, eh silang agama. Islam adalah sebagai Agama Persekutuan dan kita tidak mahu ianya dilihat sebagai perobek kepada perpaduan. Saya kira yang kita lihat pada hari ini yang mahu merobek perpaduan ini adalah bagi saya melihat pihak yang berada di belakang yang mencadangkan persempadanan semula itu adalah pihak yang dilihat sebagai perobek perpaduan. Islam sebagai agama damai, Islam sebagai yang bererti keselamatan atau pun mencari jalan damai secara sinergi menciptakan ketenteraman, kedamaian, keamanan dan ketenangan menurut Imam Shatibi, Islam hadir untuk menjaga Kulliyatul Khams kehidupan iaitu memelihara agama, memelihara jiwa ataupun nyawa, memelihara keturunan, memelihara harta dan akal dari pelbagai perkara yang merosakkan. Imam Hanafii, menambahkan jumlah daripada 5 menjadi 6 iaitu memelihara kehormatan diri. Selain itu Islam adalah agama yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia dan sunatullah kerana ia

mengajar tatacara yang sesuai untuk kehidupan yang damai baik di dunia baik pun di akhirat. Islam meraikan kepelbagaian beragama prasyarat memahami kepelbagaian dalam Islam dan bagaimana menguruskan dengan penuh limpah rahmat bermula dengan penerimaan fakta penting bahawa kepelbagaian adalah satu realiti dan satu kepastian dan dari sini kita dapat menghuraikan keperincian bagaimana fakta ini memberikan kesan dalam kehidupan kita dan bagaimana seharusnya kita berhadapan dengan nya dengan tenang dan menghindari segala keraguan dan kebimbangan. Satu hakikat yang sering yang seiring dengan kejadian dan kepelbagaian itu wujudnya kepelbagaian agama dan kepercayaan di dalam sejarah manusia yang panjang. Tidak ada satu masa itu manusia berada dalam satu agama kecuali lah pada saat Adam diturunkan Allah SWT ke atas muka bumi manusia. Namun dengan generasi seterusnya kepesatan keturunan generasi Adam melahirkan kepelbagaian dalam menangani untuk beragama. Hakikatnya kepelbagaian ini disebut di dalam Al-Quran dalam masing-masing dalam Surah Yunus dan Surah Hud. Islam mengiktiraf adanya di sekeliling secara *existed* ataupun wujud pelbagai agama bukannya bermakna Islam mengiktiraf skala tologinya kebenaran agama mereka secara konklusifnya kita boleh nyatakan bahawa dengan jelas bahawa kewujudan pelbagai agama adalah tentangnya wujudnya kepelbagaian bukan pengiktirafan secara etiologi ke atas agama yang kepelbagaian itu. Dalam jalin interaksi antara kepelbagaian bangsa dan agama dalam bentuk ekonomi, politik, budaya, agam dan lain-lain aspek kehidupan adalah perlu menjadi keutamaan agar membentuk hubungan yang baik dan saling menguntungkan sesama umat manusia dalam suasana penuh kedamaian kepelbagaian masyarakat yang berupa perbezaan suku, bangsa, bahasa dan istiadat merupakan fitrah manusia itu sendiri yang ditentukan oleh penciptanya. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor sentiasa menjalankan usaha-usaha meningkatkan kefahaman akidah Ahli Sunah Wal Jemaah dan silang agama melalui pelbagai bentuk program. Pada tahun 2016 program di laksanakan yang di laksanakan Seminar Eksklusif Maqashid Syariah Konsep Asas Replikasi Semasa Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, Seminar Eksklusif Isu-isu Teras Agama Bersama Pemimpin-pemimpin Kepimpinan Negeri Selangor Sementara Ahli Sunah Wal Jemaah, Dialog Antara Teras Agama, Ceramah Khas Isu-isu Akidah, Forum Penjelasan Ajaran Sesat yang telah di fatwakan yang saya kira ini menjadi kekuatan untuk mengukuhkan di antara hubungan di antara kaum dan juga antara agama. Pengerusi Jawatankuasa Akidah, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor juga mendapatkan maklumat dari panel pakar termasuklah perbandingan agama bagi memastikan kefahaman kumpulan sasar dalam akidah sentiasa di pertingkatkan dan dalam rangka menjaga kerukunan masyarakat majmuk. Program pertemuan harmoni di kalangan penganut pelbagai agama telah dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu dengan bermatlamatkan kesedaran untuk memahami amalan agama dalam kepelbagaian di negara ini. Dengan dan sambutan baik dari ketua-ketua agama melalui peluang kepada memberi peluang kepada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor untuk meneruskan dan memperbanyakkan program-program seperti ini dalam pelbagai bentuk seperti lawatan ke rumah-rumah ibadah dan pertemuan berkala. Berkaitan dengan

cadangan daripada Sabak untuk mereka meletakkan doa kepada sebagai tindak balas kepada mereka-mereka yang bertanggungjawab dalam mencemarkan air sumber air di Negeri Selangor kita itu bukan satu perkara yang sukar kerana pada hari ini juga melalui Jawatankuasa Khutbah Jumaat kita akan melihat perkara-perkara kontemporari untuk dibaca dimasukkan dalam doa terutamanya dalam Khutbah yang dua dan saya kira selagi doa itu bertujuan untuk melembutkan hati si pelaku pihak yang telah bertanggungjawab mencemarkan sumber air ini agar tidak mengulangi kesilapan tersebut dan diberi hidayah untuk melihat kemudaratan kesan daripada tindakan itu tidak lah tidak bertanggungjawab tersebut. Perkara seterusnya adalah perkara dibangkitkan oleh Hulu Kelang berkaitan wanita yang dalam proses penceraian menghadapi perkara-perkara menjadi kebuntuan Kerajaan Negeri Selangor sentiasa membantu wanita dalam menghadapi proses cerai dengan memberikan khidmat nasihat perundangan di sembilan buah Pejabat Agama Daerah di seluruh Negeri Selangor bagi tujuan pemantapan perkhidmatan tersebut Jabatan Agama Islam sedang berusaha untuk mendapatkan waran untuk lantikan Kontrak Pegawai Khidmat Nasihat bagi tahun 2017. JAIS juga menubuhkan Unit Guaman Syarie pada 5 Februari 2001 yang bertujuan untuk membantu wanita yang sedang menghadapi proses penceraian. Mulai tahun 2013 unit ini diambil alih oleh Pejabat Nasihat Undang-Undang Majlis Agama Islam Negeri Selangor bagi memberikan perkhidmatan yang lebih efisien kepada pelanggan. Perkhidmatan yang disediakan ialah untuk kes penceraian, kes pengesahan cerai, pengesahan rujuk, pengesahan tarafan anak, pengesahan poligami dan sebagainya. Pihak-pihak yang bertanggungjawab bantuan ini bolehlah menghubungi terus dengan Unit Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Selangor di Tingkat 5, Bangunan Sultan Idris Shah. Syarat kelayakan untuk mendapatkan khidmat Unit Syariah ini satu gaji di bawah 1,500 ke bawah dan melepasi tapisan keselamatan dan Warga Negara Malaysia yang bermastautin di Negeri Selangor. Perkhidmatan bantuan guaman ini terbuka kepada semua pihak yang layak tanpa mengambil kira pihak manakah yang hadir dulu ke Jabatan bantuan Guaman bagi permohonan sumber kewangan tidak melebihi 2,500 setahun, bantuan diberikan tanpa sebarang yuran namun bagi pemohon yang sumber kewangan melebihi 25,000 setahun tidak melebihi 30,000 setahun perkhidmatan diberikan dengan yuran minimum 300 ringgit sahaja. Selain daripada perkhidmatan tadi Selangor juga membantu pihak yang melalui proses cerai melalui Biro Sokongan Keluarga ataupun (BSK). Biro ini membantu daripada sudut pertama memberikan khidmat nasihat dan runding cara yang melibatkan isu penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah. Kedua penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah, ketiga memberi pendahuluan nafkah maksimum bagi tempoh 6 bulan sementara menunggu kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah diselesaikan oleh Mahkamah Syariah. Perkhidmatan BSK boleh didapati di Tingkat 5, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Jumlah penerima pendahuluan nafkah BSK, JAKESS bagi tahun 2012 sehingga 2016 adalah seramai 79 orang. Sebagai makluman jumlah kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah dalam prosiding bagi tahun ini adalah 77 kes berbanding dengan tahun-tahun sebelum itu. Selaras dengan itu BSK juga dilengkapi dengan BSK

Transit yang memberikan kemudahan rumah penginapan kepada pelanggan semua pelanggan Mahkamah Syariah yang layak yang perlu hadir ke mahkamah iaitu bagi pelanggan yang tinggal jauh daripada mahkamah Syariah Selangor. BSK Transit di Pusat Info JAKESS, Jalan Osman, Petaling Jaya, Selangor dan juga di Wisma Majlis Agama Islam, Seksyen 3, Shah Alam, Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Hulu Kelang minta penjelasan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Yang Berhormat EXCO, di Hulu Kelang kita mewujudkan satu pasukan peguam dan pembantu peguam para pasukan para *legal* adakah boleh kemungkinan diadakan pertemuan untuk melantik para *legal* khusus menangani kes-kes penceraian.

Y.B. TUAN DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Inisiatif yang dilakukan oleh pihak Hulu Kelang saya kira itu tidak menjadi masalah kita boleh berhubung dan *Insya-Allah* ini antara mungkin inisiatif-inisiatif yang bukan sahaja boleh berlaku di satu daerah ataupun satu kawasan tetapi boleh melibatkan seluruh Negeri Selangor.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya juga ingin tertarik dengan isu berkaitan bantuan guaman ini. Saya mencadangkan supaya ataupun saya ingin Pihak EXCO mengambil prihatin sikit supaya apa ini para *legal* bantuan guaman secara orang kata dia bukan kata peguam tapi dia arif fasal isu-isu guaman ini ditempatkan di setiap masjid kalau boleh dan di khususkan hari-hari tertentu dan perkhidmatan ini boleh di buat. Sebenarnya ini sebenarnya boleh mengurangkan kerja-kerja dihadapi oleh pihak Mahkamah Syariah dan saya mencadangkan supaya para *legal* ini di buat secara menyeluruh di Selangor supaya ramai lagi akan celik masalah isu-isu berkaitan dengan syariah ini ataupun berkaitan isu- isu cerai dan sebagainya. Terima kasih.

Y.B. TUAN DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Batu Tiga. Saya menyambut baik cadangan tersebut dan sebenarnya persatuan Peguam-Peguam Syarie Malaysia juga menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan untuk membantu kepada ibu-ibu ataupun mereka-mereka yang terlibat di dalam proses penceraian. Setakat ini pemohon yang memohon untuk penginapan di BSK Transit adalah sebanyak .

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tuan Speaker minta pencerahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Damansara minta pencerahan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Yang Berhormat EXCO, saya nak minta sikit penjelasan. Memang saya nampak tadi Pihak EXCO kata khidmatan nasihat ataupun guaman yang disediakan untuk nak memastikan supaya kes-kes perceraian ini dapat ditangani tapi pernah tidak Yang Berhormat EXCO memikirkan untuk mewujudkan satu khidmat nasihat kepada sang suami supaya perceraian itu tidak terjadi. Semoga Allah SWT memberi petunjuk kepada Tuan Yang Berhormat EXCO untuk menjalankan kerja-kerja supaya menyelamatkan keluarga menjadi keluarga yang bahagia daripada bercerai.

Y.B. TUAN DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Damansara, Kota Damansara. Ini adalah cadangan yang baik tapi sebenarnya di peringkat dari pihak Jabatan Kehakiman Syariah kita dah mempunyai melalui Kes Hakam kita panggil sama ada si suami ataupun si isterinya supaya mereka kalau dapat mereka dapat berbaik-baik untuk mengelakkan proses perceraian itu berlaku. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor juga turut menyediakan Khidmat Runding Cara kepada pelanggan-pelanggan mahkamah. Orang awam boleh menggunakan peluang sesi ini sebagai satu salah satu platform bagi mendapat khidmat nasihat dan mempelajari cara mengurus sesuatu tuntutan ataupun tindakan di mahkamah tanpa perlu melantik peguam yang memerlukan kos yang tinggi. Pada tahun ini sahaja serai 126 orang telah berdaftar dengan unit khidmat nasihat dan runding cara ini. Selangor juga telah memperkenalkan perkhidmatan proses kerja cerai kes cerai secara *fast track*. Perkhidmatan ini khas untuk kes perceraian Seksyen 47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 yang telah ada persetujuan dan kes diselesaikan dalam tempoh kurang daripada 6 jam. Bagi tempoh perceraian di bawah Seksyen 47 Enakmen ini terdapat perkhidmatan Hakam di sediakan iaitu bagi kes yang tidak ada persetujuan bersama dan kes mampu di selesaikan dalam tempoh kurang dari 6 bulan daripada tarikh mahkamah membuat sabitan bahawa perkahwinan telah pecah belah. Proses kerja kes perceraian melalui pelantikan Hakam ini perlu memerlukan tidak memerlukan perbincangan panjang dan ia akan dibantu oleh Hakam suami dan Hakam isteri. Kemudahan Panel Hakam yang telah terlatih disediakan untuk mewakili suami dan mewakili isteri bagi kes-kes cerai yang tidak ada persetujuan bersama. Maklumat berhubung perkhidmatan bantuan yang disebutkan ini turut disampaikan di program-program 3K ataupun Karnival Kampungku, Kesayanganku yang diadakan di setiap daerah slot-slot penceramah berkaitan perundangan perkhidmatan khidmat nasihat diberikan pada masyarakat disampaikan secara eksklusif Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor serta Pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

Kerajaan Negeri sedar mengenai sikap segelintir para suami yang terlibat dalam kes perceraian yang gagal bekerjasama dalam proses ini. Sejak tahun 2014, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor menerima 5 aduan bagi kes melanggar perintah. Meskipun jumlah aduan yang diterima adalah sedikit, wajarlah diingatkan bahawa

pihak yang melanggar perintah mahkamah boleh ditangkap dan disiasat di bawah Seksyen 15 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor Tahun 1995.

Bagi isu yang dibangkitkan oleh Klang berkaitan dengan yang merujuk kepada kadar perceraian adalah wajar untuk mengadakan program-program kefahaman kepada suami isteri dan bakal suami isteri mengenai impak perceraian dan apa yang perlu dilakukan sekiranya menghadapi perceraian selain menjelaskan mengenai kepentingan menjaga kerukunan rumah tangga. Jabatan Agama Islam telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kefahaman berkaitan tanggungjawab suami isteri melalui termasuk impak perceraian. Di antara program tersebut adalah kursus pra perkahwinan yang mengandungi modus berkaitan dengan pengurusan keluarga dan pengurusan masalah dalam keluarga. Bagi tahun 2016 sehingga September, sebanyak 152 siri kursus pra perkahwinan telah dilaksanakan di seluruh Selangor melibatkan 8,320 orang peserta lelaki dan 7,729 orang peserta wanita.

Yang kedua, modus 'Pasca Perkahwinan' untuk tahap perkahwinan kosong hingga lima tahun (baru berkahwin sehingga 5 tahun) sebanyak 3 kali pada tahun ini bagi tujuan mengukuhkan kekeluargaan. Modus 'Pasca Perkahwinan' ini akan diteruskan pada tahun hadapan dan melibatkan empat tahun perkahwinan iaitu tempoh perkahwinan sehingga di bawah 5 tahun yang kita sebutkan modus 'Bulan Madu'. Tempoh perkahwinan 6 hingga 10 tahun yang kita panggil modus 'Sehati Sejiwa' dan modus 11 hingga 20 tahun yang kita panggil modus 'Semarak Kasih' dan akhirnya yang lebih daripada 20 tahun yang kita panggil modus 'Syurga Cinta' kerana ia juga berlaku di kalangan perkahwinan yang melebihi daripada usia 30 ataupun 40 tahun.

Program keluarga sakinah yang meliputi 5 modus seperti berikut:-

- a) Syurga rumah tangga
 - amanah di dalam rumah tangga;
- b) Akidah sekeluarga
 - Keluarga terpelihara;
 - Zina - maksiat paling keji dilaknat Allah; dan
- c) Maqasid syariah membawa kebaikan kepada keluarga.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Minta penjelasan sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Anggerik minta.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Berapa lama tempoh program 'Syurga Cinta' itu untuk yang dah 20 tahun ke atas? Saya berminat.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Kota Anggerik. Saya akan bagikan secara *detailnya* nanti pada Kota Anggerik. *Insyallah*. Seterusnya:-

- d) diskusi aduan kekeluargaan
 - gangguan pihak ketiga dalam rumah tangga; dan
- e) seminar runding cara kekeluargaan
 - isu tanggungjawab dalam rumah tangga.
 -

Semua program-program di atas *Insyallah* akan kita lakukan pada tahun 2017.

Perkara yang seterusnya adalah yang dibangkitkan oleh Adun Selat Kelang berkaitan dengan peruntukan pembangunan bagi tujuan baik pulih/naik taraf jalan kampung berjumlah RM15 juta yang dicadangkan bagi tahun 2017 adalah sangat rendah. Bagi tahun 2015, sejumlah RM12juta telah diperuntukkan untuk baik pulih/naik taraf jalan kampung di Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM11,047,000.00 telah diluluskan untuk pelaksanaan 174 buah projek penyelenggaraan jalan kampung. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM10juta khas untuk menaik taraf jalan-jalan luar bandar di semua daerah Negeri Selangor. Penyelenggaraan jalan kampung sama ada daripada segi baik pulih ataupun naik taraf keadaan jalan-jalan kampung sedia ada yang tidak boleh didaftarkan di bawah MARRIS.

Sehingga Oktober 2016, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM14,319,000.00 bagi 216 buah projek melibatkan penyelenggaraan jalan kampung dan longkang di semua daerah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum keperluan untuk penyelenggaraan jalan kampung dan oleh itu pada tahun 2017 jumlah RM15juta telah diluluskan, dicadangkan untuk naik taraf dan dibaik pulih jalan-jalan kampung seperti yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Berkaitan dengan penyelenggaraan jalan awam yang berada di atas tanah hak milik telah diluluskan

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Bukit Melawati minta penjelasan.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH : Terima kasih Timbalan Speaker, terima kasih Y.B. EXCO. Apabila cerita tentang penyelenggaraan jalan-jalan kampung, saya pernah bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini kadang-kadang kita membuat sesuatu itu kita memandangi satu perkara tapi kita terlupa dengan perkara yang lain. Saya pernah bangkitkan berkaitan dengan bahu jalan. Bahu jalan itu rendah (terlalu rendah) menyebabkan selalu berlaku kemalangan pengguna-

pengguna jalan berkenaan sama ada motosikal ataupun basikal yang ditunggangi oleh masyarakat di luar bandar. Rata-rata mata saya nampaklah jalan-jalan kampung ini sebenarnya bahu-bahu jalannya rendah, membahayakan kepada pengguna jalan raya. Ada atau tidak diambil kira apabila nak selenggara balik jalan itu, nak diturap tak balik, termasuk atau tidak bahu jalan kanan dan kiri? Itu saja. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Bukit Melawati. Jadi saya ingat pun juga cadangan yang baik, yang kita boleh ambil kira. Sebenarnya kalau mengikutkan spesifikasi yang kita utukkan ia tidaklah melibatkan bahu jalan. Walau bagaimanapun, saya kira antara tujuan kita naik taraf jalan-jalan kampung adalah supaya ianya juga boleh didaftarkan di bawah MARIS pada tahun berikutnya. Tapi walau bagaimanapun, saya kira ini juga boleh diambil kira di dalam program-program yang akan kita lakukan bagi tahun 2017 yang saya kira juga kita juga kena mengambil perhatian juga bahawa kita tidak mahu jalan yang teruk tidak diambil tindakan terutamanya jalan persekutuan tapi jalan-jalan kampung sehingga ke rumah-rumah individu kita bangunkan walaupun di bawah peruntukan ICU.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Timbalan Speaker, boleh saya minta mencelah? Tadi fasal peruntukan tadi. Kalau mengikutkan YB EXCO tadi, sehingga Oktober 2016 RM14 juta diperuntukkan untuk projek menyelenggarakan jalan di kampung. Jadi kalau tahun depan hanya RM15 juta maknanya tidak banyak beza. Apa yang saya sentuhkan ialah banyak lagi jalan-jalan yang masih tidak masuk di dalam *database* pejabat daerah. Jadi, saya mencadangkan jamak qada' dan jamak penyelenggaraan jalan kampung itu.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Selat Kelang. Ini akan ada dalam jawapan saya seterusnya. Walau bagaimanapun, saya nak maklumkan bahawa dengan dua tahun peruntukan yang kita utukkan, saya kira sebahagian besar daripada jalan-jalan yang berada di luar bandar ini yang tidak termasuk jalan-jalan MARRIS dapat kita naik taraf ataupun dapat kita baik pulih. Saya akan sentuh kemudian nanti.

Berkaitan dengan penyelenggaraan jalan awam di atas hak milik yang telah yang berada di atas tanah milik yang telah lulus oleh Kerajaan Negeri tanpa perlu mendapatkan kebenaran pemilik tanah. Walau bagaimanapun, masih banyak jalan-jalan kampung yang masih tidak diselenggarakan. Umumnya Kerajaan Negeri termasuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan tidak boleh dilaksanakan di atas tanah hak milik melainkan tanah tersebut adalah milik Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keadaan jalan-jalan kampung (status tanah persendirian) yang digunakan oleh orang awam yang menjadi laluan utama penduduk setempat yang sifatnya boleh dilalui 24 jam dan itu adalah jalan yang mungkin jalan mudah ataupun jalan singkat untuk ke tempat-tempat kemudahan awam di peringkat *locality*.

Oleh yang demikian, pada tahun 2017 Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke-26 pada 10 Ogos 2016 dan disahkan dalam MMKN ke-27 pada 17 Ogos 2016 antara lain telah bersetuju dengan melaksanakan penyelenggaraan jalan-jalan kampung di atas tanah persendirian yang tidak berdaftar di bawah MARRIS menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui pejabat daerah dan pejabat tanah memulakan proses penyenaian bagi mengenal pasti jalan-jalan kampung yang dijadikan jalan awam dan terletak di atas tanah hak milik persendirian yang perlu dibaikpulih.

Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan YB Selat Kelang berhubung cadangan penubuhan *task force* bagi mengenal pasti jalan-jalan kampung yang tidak pernah di selenggara. Untuk masa itu, Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 telah memperuntukkan sejumlah RM10.2 juta termasuk GST kepada konsultan untuk tujuan membuat serapan jalan-jalan kampung untuk didaftarkan di bawah MARRIS *online*. Hasil usaha ini sejumlah 1,400km jalan kampung telah berjaya didaftarkan dan sasaran pendaftaran ditingkatkan kepada 2,500km jalan kampung dengan kos tambahan RM14.6 juta bagi tahun 2017. Hasil daripada pencerapan ini, *Insyah-Allah* Kerajaan Negeri akan mendapat tambahan MARRIS kalau dikira 14,000/kilometer jumlah lebih kurang RM21 juta akan diterima dan ini akan memberikan nilai untuk kita baik pulih ataupun kita selenggarakan jalan-jalan kampung.

Saya kira peranan Ketua-ketua Kampung yang pada hari ini mendapat dicadangkan untuk mendapat elaun tambahan ketua-ketua kampung ini juga harus ada tindakan proaktif untuk mengenal pasti jalan-jalan di kawasan kampung mereka sama ada ini jalan PBT, sama ada ini jalan JKR atau sama ada ini jalan di bawah peruntukan MARRIS ataupun tidak dan juga jalan-jalan kampung di bawah pentadbiran pejabat tanah dan daerah dan menyenaraikan mengikut prioriti ataupun *list-list* dan dihantar kepada pejabat daerah untuk dihantarkan ke Bahagian Agihan (Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor) untuk perancangan kita pada tahun 2017 dengan peruntukan yang dicadangkan untuk kita laksanakan dan kita merancang supaya pelaksanaan itu secara berstrategi (awal tahun kita boleh mulakan penyelenggaraan jalan-jalan tersebut).

Seterusnya, berkaitan dengan elaun nazir yang dibangkitkan oleh Selat Kelang dan juga disentuh oleh Tanjung Sepat dan Gombak yang mana elaun-elaun imam seperti mana yang kita sedia maklum pada hari ini melalui pembentangan belanjawan yang disebutkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar berlaku kenaikan elaun imam sejumlah RM300.00. Sebagai pemakluman, saya membuat sedikit semakan elaun jawatankuasa masjid, elaun bulanan (dia ada elaun bulanan dan juga elaun tahunan). Elaun bulanan Nazir RM200.00, Timbalan Nazir RM100.00, Setiausaha RM100.00, Bendahari RM100.00, Bilal 1 RM290.00, Bilal 2 RM200.00, Siak 1 RM240.00 dan Siak 2 RM150.00. Elaun ini adalah dibayar menggunakan peruntukan Lembaga Zakat dan pada tahun hadapan, elaun ini akan diteruskan

sehingga bulan Oktober. Elaun tahunan pula bagi jawatankuasa masjid, penolong setiausaha RM200.00, AJK Masjid RM200.00 seorang untuk 6 orang, jawatankuasa pemuda RM200.00, jawatankuasa wanita RM200.00, pemeriksa kira-kira RM200.00 dan pemeriksa kira-kira 2 juga RM200.00. Elaun ini juga dibayar melalui peruntukan Lembaga Zakat dan pada tahun hadapan Lembaga Zakat tidak akan meneruskan pembiayaan ini. Untuk makluman elaun Imam pula dibayar RM850 oleh JAKIM dan RM450 oleh Kerajaan Negeri pada tahun hadapan. Saya kira dengan kita maklum walaupun Nazir itu juga memainkan peranan yang penting di dalam pengurusan masjid, kita mengharapkan dengan penambahan elaun imam-imam ini, imam juga akan memainkan peranan yang penting untuk membawa mesej, memperkukuhkan agama Islam dan mendidik masyarakat tentang kekuatan beragama. Walau bagaimanapun

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selat Klang minta.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Saya nak mencelah sikit. Saya dengar tadi Ketua Biro Pemudanya RM200.00, Wanita RM200.00, Nazir pun RM200.00. Jadi, ketua dengan dia punya paling bawah pun sama-sama RM200.00. Adakah adil bagi seseorang yang dipertanggungjawabkan apa-apa kes saja yang berlaku dalam qariah masjid itu, ketua inilah yang jawab. Jadi, tidakkah boleh Kerajaan Negeri yang dalam negeri yang kaya ini mengambil kira dan menukarkan sedikit menambahkan sedikit peruntukan elaun?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Sebenarnya Kerajaan Negeri mengambil maklum tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, berpandukan kepada garis panduan pengurusan kewangan masjid dan surau Negeri Selangor adalah tidak menjadi halangan untuk masjid dan surau menggunakan dana sedia ada untuk juga melihat untuk menaikkan elaun mereka bersesuaian dengan tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka. Kita lihat pada hari ini secara umumnya sumber kewangan hasil daripada kutipan dan sebagainya di masjid cukup besar dan saya kira ada baiknya kalau kewangan yang ada di masjid itu juga digunakan untuk membayar elaun-elaun jawatankuasa di masjid.

Seterusnya berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar berkaitan desa atau PKK yang diluluskan peruntukan sejumlah RM3.68 juta jangan dijadikan gajah putih tak mula lagi, *Insyah-Allah* kita cuba tidak dijadikan gajah putih ya Sungai Tawar. Penubuhan PPK tidak diuruskan tidak diinsuranskan sedangkan melibatkan kerja-kerja menjaga keselamatan kampung. PPK merupakan program pemerkasaan keselamatan kampung yang telah di inisiatifkan oleh Kerajaan Negeri mulai 2013, walau bagaimanapun peruntukan yang diluluskan ada lah bersifat *one off* dan tiada peruntukan tahun tahunan yang diberikan bagi pelaksanaan program tersebut. Pada tahun 2014 peruntukan sebanyak RM1.48 juta telah diluluskan bagi

meneruskan pelaksanaan PPK. Kerajaan Negeri Selangor seterusnya meluluskan agar program keselamatan atau dikenali sebagai Ikatan Desa diteruskan pada tahun 2017 dengan peruntukan sebanyak RM3.68 juta untuk 368 kampung tradisi. Melalui peruntukan ini, setiap kampung tradisi diberikan peruntukan RM10 ribu bagi tujuan keselamatan. Antara perkara yang dicadangkan untuk pemerkasaan keselamatan kampung ini adalah tujuan pembelian peralatan. Pembelian insurans ataupun caruman insurans kepada petugas keselamatan, kursus-kursus keselamatan dan pembinaan pondok pengawal di jalan-jalan utama sekiranya diperlukan.

Seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Tanjung Sepat, berkaitan dengan buku teks PSRA. Cetakan buku teks bagi PSRA tahun 1 hingga tahun 3 diluluskan perlu diterima oleh semua pelajar. Kerajaan Negeri telah mengambil kira unjuran bilangan murid tahun 1 hingga 3 dalam tempoh lima tahun ke hadapan bagi memastikan buku teks yang dimiliki secara pinjaman, secara pinjaman kepada murid dijangka bilangan murid dalam tempoh lima tahun adalah seramai 148,886.00 orang. Ini memerlukan kenaikan 3% bagi tujuan pencetakan berjumlah satu ribu lima ratus sembilan RM1,005.950.00 untuk dicetak bagi menampung bilangan murid dan jumlah anggaran termasuk GST 6% adalah RM7,016, 638.94.

Berkaitan dengan maahad tahfiz Bagan Lalang yang dibangkitkan oleh Tanjung Sepat, sekarang ini dokumen tender sedang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Jumlah syiling yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri adalah sejumlah RM16 juta. Projek ini dijangka akan di tender pada bulan Disember tahun ini. Manakala lantikan kontrak di jalan dijangka akan dibuat pada tahun hadapan. Satu lagi Maahad Tahfiz yang akan kita bina di Pandan dan saya kira tuan-tuan juga ataupun Ahli-ahli Dewan Negeri dapat melihat model Maahad Integrasi Selangor Pandan diruang lobi SUK.

Akhirnya adalah isu yang dibangkitkan oleh Teratai berkaitan Masjid Nurul Saadah Cheras, Masjid Nurul Saadah Cheras yang dilanda banjir kilat perlu dibantu. Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor telah maklum berkaitan berkenaan kejadian banjir kilat di Masjid Nurul Saadah Cheras yang berlaku lebih kurang dalam 4 bulan yang lalu. Punca banjir adalah disebabkan kedudukan masjid yang sedikit rendah jalan utama dan limpahan air longkang di luar masjid. Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat untuk mengatasi punca banjir kilat tersebut dalam masa terdekat. Saya kira itu sahaja beberapa perkara yang dibangkitkan Ahli-Ahli Dewan Negeri diucapkan ribuan terima kasih. Assalamualaikum WBT.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Sijangkang. Saya persilakan Chempaka.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.* Salam sejahtera. Terima kasih kepada

Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu perumahan, di antaranya adalah Batang Kali, Sri Andalas, Hulu Kelang, Kampung Tunku, Damansara Utama, Selat Klang, Kota Anggerik, Teratai, Gombak Setia, Taman Medan dan Kinrara. Di dalam kesempatan ini saya ingin membetulkan beberapa perkara yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat -Yang Berhormat yang tidak tepat. Yang pertamanya adalah Batang Kali telah mendakwa Kerajaan Negeri tidak peduli tentang masalah lif sehingga Menteri Perumahan telah menjadikan ia satu isu. Sebenarnya Kerajaan Negeri telah ada skim baik pulih pangsapuri-pangsapuri sejak tahun 2010. Bukan baru-baru ini sahaja dan untuk keseluruhannya kita telah membaik pulih di 263 kawasan pangsapuri yang merangkumi sebanyak RM85.35 juta. Tuduhan kedua adalah Kerajaan Negeri hanya mahu melaksanakan skim sewa milik setelah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan. Seperti yang saya umumkan Kerajaan Negeri sejak 2014 telah memulakan kajian dan rundingan untuk mewujudkan skim sewa milik bagi mereka yang gagal mendapatkan pembiayaan bank. Akhirnya terhasillah Skim DanaSel dengan Tabung Amanah sebanyak RM10 juta. 2 projek perintis adalah di Kem Rimba Shah Alam di Sungai Sering Ukay Indah Hulu Kelang. 101 unit di Ken Rimba dan 116 unit di Sungai Sering. Tahun hadapan kita akan Kerajaan Negeri akan membuka kepada projek-projek lain sepertimana yang telah diminta oleh Taman Medan. Seterusnya Seri Andalas telah mencadangkan agar Kerajaan Negeri membeli rumah secara pukal dan kemudian menjual kepada rakyat untuk menyelesaikan masalah pembeli ataupun pemohon-pemohon yang tidak mendapat pinjaman kepada bank kerana Kerajaan Negeri memang akan membeli rumah Selangorku secara pukal untuk disewakan di bawah skim *Smart Sewa*. RM100 juta telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar pada ucap belanjawan beliau. Kerajaan Negeri walau bagaimanapun akan mengkaji cadangan ini daripada beberapa aspek iaitu dari segi pelaksanaan dari segi kewangan dan perundangan. Sudah tentu kalau kita hendak membeli secara pukal dan menjual kembali ia akan melibatkan satu jumlah yang begitu besar, sekiranya ia hendak memberi 1 impak kepada rakyat. Saya melihat bahwa jumlahnya tidak kurang daripada RM200 juta sekiranya kita benar-benar hendak melaksanakan. Jadi buat masa ini kita telah melaksanakan dari segi *Smart Sewa* dahulu. Pelaksanaannya juga perlu dikaji mengenal pasti agensi atau SPV sama ada yang lama atau yang baru untuk melaksanakannya. Buat masa ini kita ada satu SPV iaitu badan khas iaitu rumah dan Perumahan Hartanah Selangor Sdn Berhad. iaitu PHSSB yang boleh melakukan tugas tersebut. PHSSB selain menguruskan PPR juga membeli dan menyewakan hartanah di bawah kuota Bumiputera yang tidak dijual ataupun tidak terjual oleh para pemaju. Dari segi perundangan pula Kerajaan Negeri menghadapi masalah akan menghadapi masalah untuk melaksanakannya kerana beberapa program seperti itu telah menghadapi beberapa kengkangnya dari segi perundangan yang melibat kerana ia melibatkan pungutan wang. Contohnya adalah program *Smart Selangor Buyer* yang terpaksa dikaji semula oleh sebab Kerajaan Negeri tidak boleh mengeluarkan pinjaman ataupun membuat pinjaman wang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Seri Andalas minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR XAVIER A/L ARULANANDAM : Yang Berhormat EXCO saya ingin tau pinjaman sewa ini di Selangor rumah Selangorku ini berapa nilainya sewa? Sewa berapa sebuah rumah Selangorku itu negeri nak sewa berapa amaun dia?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sewa dengan kadar rumah Selangorku yang ada sekarang ini di Rimba Jaya kita sewa dengan kadar harga pasaran sebanyak RM500.00 dan ia nya yang itu adalah untuk DanaSel. DanaSel ia nya akan ditolak daripada harga rumah sehingga mereka selesai membayar akan selesai membayar nilai rumah yang mereka beli.

Y.B. TUAN DR XAVIER A/L ARULANANDAM : *Sorry* deposit ada?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Deposit tak ada, Cuma deposit air sahaja. Air dan elektrik. Hulu Kelang telah menyentuh isu-isu peneroka bandar dan projek terbengkalai di Hulu Kelang seperti di Kampung Kemensah, Kampung Fajar dan Kampung Sungai Sering. Kerajaan Negeri akan memberi perhatian kepada masalah tersebut dan kemungkinan dengan 1 *task force* akan diwujudkan untuk menyelesaikan masalah-masalah di Hulu Kelang seperti mana sebelum ini kita ada satu *task force* iaitu *task force* projek terbengkalai, projek perumahan terbengkalai dan *task force* peneroka bandar untuk menyelesaikan masalah-masalah khusus dan sebelum ini pun kita telah mengadakan ataupun Kerajaan Negeri telah mengadakan mesyuarat bersama-sama dengan keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan dan yang terlibat untuk menyelesaikan masalah-masalah contohnya di kawasan MPS, di dalam kawasan MPK. Jadi bermakna perlu satu program yang fokus untuk menyelesaikan satu program untuk menyelesaikan daripada satu kawasan ke satu kawasan. *Insyallah* ini akan dilaksanakan Hulu Kelang. Hulu Kelang juga telah menyentuh tentang cadangan pembangunan semula rumah pangsa lama Jalan Enggang Taman Keramat atau dikenali sebagai Flat Colombia. Di situ ada 688 unit rumah pangsa yang merangkumi dia atas tanah 12.4 ekar dan ia nya diuruskan oleh pemajunya ialah PKNS dengan kontraktornya Hyper Jati Sdn Bhd. Setakat ini telah mendapat persetujuan daripada 110 pemilik atau hanya 16% maknanya perlu ada rundingan agar mendapat kelulusan daripada kesemua penduduk sebelum ia nya dapat dibangunkan.

Kampung Tunku bertanya tentang rumah PRIMA yang dibina di Selangor. Kerajaan Negeri telah mengadakan pertemuan dengan PRIMA, saya telah mengadakan pertemuan dengan PRIMA dengan COO Prima dan kita tidak ada statistik hari ini yang boleh saya beri tentang berapa yang telah dibina tetapi yang cadangan Prima adalah sebanyak 51 ribu unit. Walau bagaimanapun PRIMA telah juga memohon agar beberapa projek rumah Selangorku dijadikan projek PRIMA. Mereka telah memohon telah berjumpa dengan pemaju dan meminta supaya Projek Rumah Selangorku itu dijadikan projek PRIMA mungkin kerana untuk mencapai akan dia

punya *target* atau sasaran. Kita tidak ada masalah, kita mengatakan boleh tetapi ia perlu di *rebrand* balik bagi Selangorku PRIMA dan di *brand* sebagai Selangorku PRIMA dan separuh daripada nama mereka yang nak beli itu kena datang daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor separuh lagi daripada Prima. Kita baik kita bersedia untuk bekerja sama dan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Chempaka saya minta duduk dulu. Ahli Yang Berhormat sekalian oleh sebab urusan Dewan ini masih belum selesai. Maka Dewan ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Dato' Menteri Besar membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, hendaklah dilanjutkan sehingga selesai penggulungan daripada pihak Kerajaan pada hari ini.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker saya sokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan persetujuan Ahli Berhormat bersetuju sila kata ya. Yang tidak katakan tidak. Dipersetujui. Saya silakan Chempaka.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih, tentang statistik rumah Selangorku setakat ini seperi mana yang diumumkan 22.400.94 yang telah diluluskan dan dilancarkan iaitu ia nya merangkumi 18 projek daripada 22.494.00 yang telah diluluskan itu 536 unit telah siap dibina yang ini telah diluluskan sejak kita mempunyai insentif pembinaan rumah Selangorku pada 2015. Daripada 22.494.536 atau 536 ataupun lima ratus tiga puluh enam telah siap dibina 10.659 unit telah dibina dan ditawarkan kepada para pemohon sementara 4.312 unit sedang dibina dan belum ditawarkan. Jumlah yang belum dibina adalah 6.987 unit dan kebanyakan daripada itu kita akan memberikan notis sebab kita telah mengambil keputusan bahawa mereka perlu bina dalam masa 6 bulan apabila kelulusan diberikan. Berkenaan pecahan jenis Rumah Selangorku yang dibina ia nya bergantung pada mukim atau kawasan di mana projek itu berada. Ia nya terkandung di dalam polisi Rumah Selangorku. Terdapat 3 zon iaitu dari zon di mana terdapat permintaan perumahan yang paling tinggi kepada kawasan yang sederhana sehingga ke kawasan yang permintaannya paling rendah. Kita tidak mahu mengulangi kesilapan ataupun perkara yang telah berlaku sebelum ini di mana kita telah mewajibkan pemaju membina Rumah Kos Rendah di semua kawasan di Negeri Selangor dan akhirnya terdapat kawasan-kawasan contohnya di Bukit Beruntung ataupun di Bukit Sentosa di mana mereka tidak dapat menjual rumah-rumah tersebut. Dan terdapat kawasan-kawasan yang tidak, yang tidak laku ataupun tidak ada permintaan. Jadi bermakna, itu sebab apabila kita merangka polisi Rumah

Selangorku, kita melihat, kita telah mengadakan kajian hampir 2 tahun untuk melihat kawasan-kawasan di mana ada permintaan dan di mana tidak ada permintaan. Jadi bermakna, dari segi jenis Rumah-rumah Selangorku sama ada Jenis A, B, C, D dan ianya adalah tertakluk kepada kajian-kajian kita. Itu sebab ada yang tempat yang memang kita tak cadangkan ataupun kita tak, tak wajibkan pemaju membina rumah Jenis A atau dulunya dipanggil sebagai Rumah Kos Rendah.

Damansara Utama telah mencadangkan pembinaan secara IBS iaitu *System Building* untuk mempercepatkan pembinaan rumah mampu milik. Ia, memang IBS dapat mempercepatkan pembinaan Rumah Mampu Milik. Walau bagaimanapun, kita memerlukan *volume*. Pemaju memerlukan *volume* atau memerlukan jumlah yang besar atau skala yang besar sekiranya ia hendak menjadi *economical* dengan izin. Secara amnya, IBS adalah

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN : Boleh mencelah sikit?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing minta. Sila.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tak habis lagi ni

TUAN TIMBALAN SPEAKEER : Habis kan dulu

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Tadi fasal *volume* tu, boleh bagi pencerahan butiran tu. Berapa *volume* yang diperlukan?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Lebih kurang 1,500 hingga 2,000.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : *I think there should no problem* sebab kita sasar untuk membina beribu-ribu Rumah Selangorku

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Tetapi pemaju, pemaju yang membina 200, 300 dan 400.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mungkin PKNS boleh bermula

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : PKNS boleh. PKNS dan syarikat-syarikat besar yang lain boleh. Tetapi kita bercakap tentang ada syarikat yang membina 200, 300 yang tidak *economical*. Ianya dari segi kos, ianya mungkin yang apa yang kita dapat daripada IBS adalah cepat. Kita boleh dapat cepat, kurang daripada 2 tahun. Malah ada syarikat yang boleh mendakwa, yang mendakwa bahawa mereka boleh membina dalam masa setahun atau setahun lebih. Tetapi kosnya adalah, adalah tinggi. *Its cost gaints time* lah. Tapi kalau kita ada *volume*, syarikat besar tak ada masalah bermakna bahawa kita memang menggalakkan pembinaan secara IBS. Jadi memang sekarang ini walau bagaimanapun ianya

terhad kepada pemaju yang melaksanakan projek pada skala yang besar. Dan secara amnya IBS lebih mahal jika *volume* nya kecil tetapi ianya terbukti lebih cepat. Saya juga ingin menyentuh di sini tentang pasaran Rumah Selangorku atau pasaran Rumah Selangorku sekarang ini yang terkini pemaju-pemaju sekarang mula berubah kepada membina Rumah Selangorku. Kerana terdapat market kepada rumah-rumah mampu milik sekarang ini, rumah yang lebih RM500 ribu atau RM1 juta sekarang ini kurang agak permintaannya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Minta pencerahan. Tapi apa yang kita tengok dari *report* pun ada banyak lagi yang pemaju lebih gemar untuk membina RM500 ribu ke atas sebab *half from the* pelancaran baru adalah daripada RM500 ke atas. So, apakah langkah-langkah yang kita boleh ambil? So, *thats why I* cadangkan untuk IBS dan seterusnya untuk inovasi sudah teknologi. *There need to change the technology. Currently our technology construction technology is all very conventional.* Kita kena ada teknologi yang lebih baik supaya kita gunakan lebih cepat dan juga *cost effective*. So, adakah kerajaan ada langkah-langkah sedemikian untuk mendorong pemaju-pemaju kita untuk *head to that direction*. Dengan izin.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ada 2 perkara di situ. Yang pertama adalah dari segi *market*. *Market* Rumah Selangorku sekarang ini kita mendapat ya memang, memang pemaju ada *market* lagi untuk rumah yang lebih daripada RM500 ribu atau RM1 juta. Tetapi kita ada pemaju-pemaju yang akibat daripada insentif yang kita berikan telah mula ataupun mahu membina Rumah Selangorku walaupun mereka tidak perlu. Sebabnya kenapa? Adalah sebabnya mereka dapat densiti yang tinggi. Itulah di antara insentif yang kita beri. Sebab kalau di kawasan biasa, mereka boleh membina 70 unit hingga 80 unit. Tetapi oleh kerana densiti yang kita beli itu tinggi tetapi ianya tertakluk kepada kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Sebab ada kawasan walaupun kita dalam kita punya RT ataupun dalam ketetapan kita boleh membina hingga 120 tetapi ada PBT yang tidak beri sampai 120. Ada *control* dia. Jadi akibat daripada itu, ramai ataupun pemaju yang memohon untuk membina Rumah Selangorku. Walaupun kita lihat bahawa mereka tidak perlu. Perkara yang disentuh memang betul saya akui bahawa dari segi pembinaan rumah sekarang ini, kita perlu menerokai akan teknologi-teknologi baru. Jadi, Kerajaan Negeri, apa yang kita boleh lakukan dadalah dari segi, tapi perkara-perkara yang ataupun insentif tersebut bukan berada di tangan kita. Adalah di tangan Kerajaan Persekutuan. Contohnya Kerajaan Persekutuan boleh memberi teks *break* kepada pemaju yang menggunakan IBS. Tetapi insentif untuk mereka adalah supaya mereka dapat bina cepat. Cepat dan ianya dapat dijual dengan cepat. Itulah insentif sekarang ini yang ada di tangan kita yang atau di bawah *control* Kerajaan Negeri. yang atau di bawah *control* Kerajaan Negeri. Tetapi secara lebih luas lagi ia perlu 1, ia perlu 1 usaha yang menyeluruh di peringkat Federal dan juga di peringkat bersama dengan kita.

Seterusnya adalah dari segi Taman Medan dan Selat Klang telah menyentuh tentang pengurusan pangsapuri-pangsapuri. *Insyah-Allah* dengan peruntukan tambahan sebanyak daripada RM20 kepada RM50 juta Kerajaan Negeri akan dapat memastikan pangsapuri kita lebih ceria dan harmoni dan Teratai telah menyatakan harapan agar Kerajaan Negeri memantau lif-lif di Pangsapuri Kos Rendah.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon mencelah. Tambahan peruntukan tu memang baik, hanya Taman Medan mohon supaya pembiayaan ataupun kaedah pembiayaan bersama tu dimansuhkan untuk baik pulih lif. Sebab sebelum ini dia ada *cost sharing*, 80/20 untuk baiki lif tapi sekarang ini Taman Medan mohonlah supaya sebab pembaikan lif ni menelan belanja yang besar. Jadi pengurusan bangunan di flat-flat kos rendah ni tak mampu untuk membayar bagi kos yang dikenakan.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih. Sebenarnya kenapa yang kita meletakkan, kenapa mereka perlu bayar adalah dari segi supaya mereka merasakan bahawa lif itu adalah milik mereka. Kita pernah buat projek sebelum ini. Sebelum kita ada CERIA. Kita pernah berikan bantuan untuk membaik pulih lif. Kerajaan Negeri tanggung 100%. Tetapi masalahnya, mereka tidak merasakan bahawa itu lif mereka. Dan akhirnya mereka telah merosakkan lif tersebut. Sekarang ni kalau tak silap saya masih rosak lagi mungkin. Sebab kita dah *repair* dah beberapa tahun yang lepas. Lepas tu, *repair* lagi kali kedua, baik pulih kali kedua. Tapi mereka masih merosakkan. Kenapa kita nak supaya penduduk bayar 20% ataupun 40% adalah supaya mereka rasa *ownership*, *the sense of ownership*, bahawa ini barang mereka dan sebab kita nak tetapkan

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mungkin pada awalnya boleh dikenakan syarat tersebut tapi dipulangkan dalam bentuk yang lain selepas itu. Kalau maknanya dia telah menunjukkan dari segi menjaga harta awam itu bersama. Dalam bentuk lainlah, mungkin dari segi saya tak pastilah. Tapi mungkin ada pemberian dalam bentuk lainlah. Memulangkan balik bayaran yang telah dibuat.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Selalunya kalau penduduk ataupun di kawasan-kawasan di mana mereka dapat *clear* atau langsaikan hutang mereka cepat, kita akan *consider* untuk projek-projek lainlah. Bermakna itu insentif untuk mereka dapat projek-projek lain. Cuma saya nak tekankan di sini bahawa yang kita nak *impose* ataupun kita nak minta daripada penduduk ni hanyalah, hanyalah sikit saja, sedikit sahaja iaitu hanyalah RM5.00 sebulan setiap unit. Saya rasa tak ramai yang, yang, yang tak mampu RM5.00. Sebab kita nak sebab *attitude* tu yang kita cuba nak ubah. Sikapnya yang kita nak ubah. Itu sebab kita wajibkan 20%. Bukan duit tu sebenarnya. Tetapi duit pentinglah tapi kita nak ubah sikap penduduk di situ. Tapi ialah cadangan seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa agar

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat EXCO.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mungkin saya bagi pandangan nak, nak fasal isu nak ubah sikap mereka. Saya rasa lebih senang untuk ubah sikap mereka dari peringkat awal di mana mereka tidak bayar *maintenance*, Lembaga Perumahan boleh bawa mereka ke mahkamah. Yang ini tidak dilakukan dengan cukup luas. Hanya segelintir *cases* sahaja yang, yang didakwa. Yang banyak tidak didakwa. Jadi kalau sikap nak bayar *maintenance* pun belum ada nak bayar untuk lif 20% ini dia *disconnect*. Dia takkan berlaku. Jadi we kalau kita nak *create that* sikap terhadap bangunan tersebut, untuk *take care* bangunan tersebut saya cadangkan mula dengan awal *maintenance* tu mesti bayar. Kita kena mungkin letak lebih banyak pegawai dalam bidang ini pastikan setiap pemilik membayar *maintenance* setiap bulan.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Memang, memang ada apa ni *maintenance* ni seperti mana yang dikatakan bahawa memang kita telah mula mendakwa membantu JMB mendakwa daripada tahun 2012 lagi. Tapi sekarang ini kita ada akta lain, kita ada akta yang baru iaitu Akta 757. Di dalam akta ni lain dia punya cara dia. Dia ada tribunal, dia ada perkara-perkara lainlah dan insya-Allah memang, memang perkara tersebut kita akan, kita memang serius akan perkara akan pendakwaan tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selat Klang minta Yang Berhormat.

Y.B. PUAN DRI. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Saya minta mencelah pada Y.B. EXCO. Seperti saya sebut semalam di mana yang disebutkan oleh sahabat-sahabat kita daripada Taman Medan dan Bukit Gasing. Kalau kita memang, memang niat Kerajaan Negeri itu bagus untuk ubah sikap tetapi oleh kerana mereka ini dia punya kebarangkalian untuk mengubah sikap sebab dia ada komitmen *fees* 20% ya, 20% itu adalah terlalu minima. Seperti yang saya kata macam orang sakit. Kita mewarisi 2008. Mereka ini masuk ICU ya. Takkan dia tiba-tiba jadi sihat dan dia boleh bayar *maintenance*, dia boleh bayar apa, *commitment fees* dan sebagainya. Dia boleh jaga kebersihan, dia boleh jaga apa supaya tak kena denggi, gejala sosial tak ada. So, saya setuju dengan sahabat-sahabat saya tadi di mana untuk kali ini pemulihan ini kita beri dulu yang Kerajaan Negeri boleh berikan dulu, tengah keadaan ekonomi tenat ini supaya dimansuhkan *commitment fee* ini. Kemudian dengan itu barulah kita boleh *wins the heart and the minds* barulah kita boleh *educate them* secara fasa demi fasa.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Saya berpandangan bahawa kita kena *start somewhere* lah. Bermakna bahawa kita minta supaya sokongan ataupun *support* ataupun bantuan daripada Ahli Dewan Negeri untuk *educate* atau

mengubah sikap sama-sama membantu. Itu sebab EXCO telah membuat keputusan kalau penduduk tak boleh bayar, kita akan potong daripada peruntukan Ahli Dewan Negeri *up to RM20 thousand*. Bukan, bukan potong, sabar dulu.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon mencelah.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sabar dulu, sabar dulu. Bukan potong. Kita bagi notis, kita akan bagi notis kepada ADUN. Kita akan bagi notis kepada Ahli Dewan Negeri untuk jumpa dengan penduduk. Kita tak potong terus. Kita bagi notis *up to RM20 thousand*. Tempat saya pun kena juga.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon mencelah. Saya tengok ini tidak adil bagi mereka yang terpaksa yang mempunyai banyak flat-flat kos rendah. Sedia adapun memang ada banyak masalah. Tapi ditambah lagi bebanan ini terhadap Wakil-wakil Rakyat yang mempunyai banyak flat-flat kos rendah ni. Jadi ini bukan cara penyelesaian yang wajarlah.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ini bermakna bahawa bukan kita minta kepada kita potong terus. Kita nak supaya ada *contact* di antara ADUN dengan JMB supaya kita dapat sama-sama *educate* mereka.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Saya rasa mungkin

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Cadangan Yang Berhormat EXCO boleh diterimalah tapi dengan syarat semua rumah pangsa kos rendah dipulihkan 100% dulu oleh Kerajaan Negeri. Saya rasa rakan-rakan lain boleh terimalah ya.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kita dah pulihkan 285 dah. Kita ada sekarang ni kita ada

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Pulihkan dulu baru kami terima syarat tu. Terima kasih.

Y.B. DATO' IR. ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : (ketawa) masalahnya besar. Masalahnya seperti mana kita sebenarnya bukan kalau saya tak setuju kata masuk ICU sebenarnya. Sebab lebih ICU macam orang dah nak mati dah. Tapi yang sebenarnya kita punya *the gravity of the problem* tu besar sangat tau. Bermakna memang lebih daripada ICU lah. Itu sebab kita ada, itu sebab kita ada

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon Mencelah.

Y.B. DATO' IR ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : sebab Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah mengeluarkan ataupun bersetuju kita membelanjakan 55 juta sebab masalah dia besar.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon Mencilah.

TIMBALAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Timbalan Speaker, saya Batu Tiga ingin memberi satu sudut pandang yang berbeza kalau lah kita nak kan ada *ownership* tersebut apa salah kiranya kita melantik pihak-pihak yang akan menguruskan lif ini untuk *adopt* ataupun mengambil penduduk di situ sendiri menjadi penjaga kepada lif ini ataupun menjadi apa pekerja sama ada pekerja dan sebagainya supaya mereka rasakan bahawa lif ini mereka akan jaga sebaik mungkin jadi contohnya kalau di Rimba Jaya kita ambil sepuluh ataupun lima daripada Rimba Jaya ini bertugas untuk menjaga lif ini ataupun kalau apa-apa kerosakan mereka akan perlu melalui individu ini jadi. Jadi individu ini secara tak langsung akan memastikan keadaan lif diguna pakai dengan sebaik mungkin. Sekarang ni, lembu pun naik dalam lif itu masalahnya kan. Lembu di bawa dalam lif dan naik atas rumah, hah payah tu ya terima kasih.

Y.B. DATO' IR ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : *Insyah-Allah* benda tu kita akan bincangkan dalam di mana kita merangka macam mana kita nak belanjakan RM55 juta itu. Seterusnya Teratai bersama dengan Gombak Setia mahu kuota-kuota Rumah Selangorku yang tertentu untuk beberapa kelompok masyarakat iaitu bapa tunggal, ibu tunggal dan anak muda. Ramai bapa tunggal jangan *under estimate* jadi bermakna *Insyah-Allah*, dua tadi bapa tunggal, ibu tunggal dan anak muda akan kita masukkanlah iaitu mungkin kita akan cape bawah 30 tahun sebagai anak muda.

Dan seterusnya Kota Anggerik telah bangkitkan tentang projek pembangunan semula Seksyen 16 Shah Alam, pemajunya adalah PKNS terdapat 9,626 unit merangkumi 17.32 ekar kontraktornya adalah Permai I6 Development Sdn. Bhd. sebanyak 757 penduduk atau 82% telah bersetuju dengan pembangunan semula hanya 169 pemilik masih belum memberi maklum balas. Pemaju dalam proses mengemukakan permohonan tanah untuk tapak unit gantian baru di kawasan Seksyen 15 seluas 10 ekar. *Insyah-Allah* perkara ini dalam *progress* dan saya rasa apa ni dan Kota Anggerik pun sering mengadakan mesyuarat dengan PKNS dan perkara ini akan kita teruskanlah sebab nampaknya ianya lebih kurang rumit daripada Colombia sebab Colombia baru 16% ini dah sampai Colombia bukan seperti Colombia di Hulu Kelang.

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI : Mencilah sikit ya. Untuk makluman Yang Berhormat EXCO penduduk *excited* untuk dapat rumah baru cuma halangan tanah sekarang ini tapak asal tu telah diberikan kepada MIC kemudian gantiannya

ialah sebelah tu dan cuma satu *complain* saya ialah saya minta pihak PKNS supaya segerakan menghantar dia punya permohonan ke Lembaga Perumahan tapi PKNS masih belum hantar lagi dan harap-harap tapak yang dicadangkan ini pihak kerajaan tidak ada halangan.

Y.B. DATO' IR ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih Yang Berhormat, *Insyah-Allah* kita akan aturkan mesyuarat bersama dengan PKNS dan Majlis untuk kita menyelesaikan masalah ini supaya kita dapat melihat tiga projek pembangunan semula ataupun seperti mana di Indonesia dia tak bagi pembangunan semula. Di Indonesia dia panggil peremajaan. Pembangunan semula dia jadi projek peremajaan ini dapat kita percepatkan *Insyah-Allah*.

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI : Menumpang sikit lagi.

Y.B. DATO' IR ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ok.

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI : Saya cadangkan supaya oleh kerana ini adalah *first* projek *new world* di Shah Alam satu *taskforce* yang melibatkan Pejabat Tanah, MBSA, *planning committee*, Lembaga Perumahan dan juga apa ni PKNS supaya duduk sekali dan kita selesai sekali.

Y.B. DATO' IR ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Jawatankuasa Tetap saya iaitu Jawatankuasa Tetap Perumahan kita telah merangka atau mempersiapkan satu kertas dasar tentang macam mana menguruskan akan pembangunan semula atau peremajaan di bandar-bandar kita ini. Jawatankuasa tersebut ataupun formatnya telah siap dan kita nak masukkan ataupun menunggu masa dibentangkan ke dalam EXCO untuk kelulusanlah, *Insyah-Allah* jadi Jawatankuasa tersebutlah *Insyah-Allah* yang akan menangani akan projek-projek ataupun isu-isu peremajaan ini.

Seterusnya yang terakhir adalah Kinrara telah mahu supaya pembeli Rumah Selangorku boleh memilih projek dan bukan sahaja menetapkan daerah di mana ianya berada, ya tetapi kalau kita letak daerah ianya lebih apa ni, lebih luas lagi mungkin apa yang kita boleh buat adalah memilih projek tetapi dengan *preference* iaitu nombor satu, nombor dua dan seterusnya, saya kira itu aje, *Insyah-Allah*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, ada lagi?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ada.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Satu lagi.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang mungkin Yang Berhormat EXCO tertinggal yang saya bertanya pasal rumah Selangorku mengikut gaji. So, yang kepada RM2 ribu hingga RM3 ribu pendapatan sebulan berapa sasaran rumah yang

kita nak bina untuk mereka dan untuk gaji RM3 ribu hingga RM4 ribu so tadi Yang Berhormat bagi keseluruhan dia tapi ada tak kita mengambil kira pendapatan golongan dan permintaan bilangan permintaan mengikut *bracket* pendapatan.

Y.B. DATO' IR ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kita dalam projek rumah Selangorku ini bahawa kita menetapkan apa yang perlu dibina oleh kontraktor ataupun oleh pemaju jadi bermakna mengikut mukim atau mengikut permintaan bagi setiap daerah yang ada itu dan saya tidak ada, tidak ada *detail* tersebut tetapi saya boleh bawa keluarlah kemudian secara bertulis macam mana *how we arrive onto that portion*. Macam mana *how we arrive into that ratio*. Jadi bagaimana kita sampai kepada peratusan itu hah itu ada *calculation-calculation* dia. Dari segi dia punya permintaan, dari segi jangkaan itu sebab kita dapat tentang peratusan bagi setiap mukim.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : So itu saya tunggulah jawapan bertulis dan yang kedua yang saya bangkitkan semalam ialah berkenaan *maintenance* di mana saya mencadangkan Lembaga Perumahan mengambil alih *maintenance* kos rendah yang tidak dapat membentuk JMB. So, di kawasan saya pun, Seksyen 17 Flat PKNS tidak dapat tubuhkan JMB. Kalau panggil mereka untuk jamuan hari raya beratus-ratus turun. Tapi kalau panggil untuk AGM tak nak, dia datang tengok dia tak nak sain kedatangan.

Y.B. DATO' IR ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ini perlu satu kajian yang besar sebab untuk Lembaga Perumahan mengambil alih mungkin tidak mungkin dalam keadaan sekarang. Mungkin kalau kita betul-betul serius kita perlu tubuhkan mungkin Perbadanan Pengurusan Bangunan Selangor, badan yang khas sebab ia merangkumi begitu 199,000 unit Rumah Kos Rendah yang ada.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Boleh tak kita buat satu pilot *project*? Sebab perkara ini banyak kali saya bangkitkan nampaknya selain daripada penyelesaian ini tak ada penyelesaian lain sebab flat yang tidak dapat tubuh JMB, dia *maintenance* dia, *nobody will take care*. *Maintenance company* pun tak nak masuk tempat-tempat tersebut kalau masuk pun tak nak buat kerja *proper*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok Chempaka, ini yang terakhir.

Y.B. DATO' IR ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Dari segi pengalaman memang pengalaman Lembaga Perumahan sekarang adalah melalui Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB). PHSSB sekarang ini sedang menguruskan PPR HICOM dan juga PPR Kota Damansara yang telah mendapat pujian daripada Kota Damansara saya yakin. Jadi boleh kita kembangkan *role* atau peranan PHSSB ini kepada pangsapuri-pangsapuri yang lain. *Insyallah*. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Chempaka, saya persilakan Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang membangkitkan isu tentang Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Kajang, ya tentang Pasar, Kajang. MPKj sedang mengkaji, mengenal pastilah satu lokasi yang baru untuk pemindahan kalau Yang Berhormat ada cadangan yang baru boleh kemukakan kepada pihak MPKj dan berhubung dengan pasar cantik yang di naik taraf ianya disyaratkan kepada pemaju yang membangunkan kawasan yang berhampiran iaitu PJD Regency yang membangunkan Projek UCT. Pemaju disyaratkan membina semula pasar tersebut dalam kebenaran merancang kerana pasar sedia ada dan dewan dirobuhkan kerana terlibat dalam jajaran jalan keluar masuk projek tersebut.

Dan juga soalan yang dikemukakan oleh Taman Medan, pasar lama PJ yang sedang di naik taraf adalah pasar Jalan Othman masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun hadapan dan dua lagi pasar dalam perancangan untuk di naik taraf pada tahun 2017 adalah pasar Seksyen 17 dan pasar SS2.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Jadi permohonan untuk pasar baru kawasan PJ Old Town tu tidak boleh dipertimbangkan? Sebab saya dapat laporan daripada projek penaiktarafan pasar Jalan Othman ni, sebenarnya ada bahagian-bahagian *structural* yang tertinggal daripada proses penaiktarafan pasar tersebut jadi sebenarnya penaiktarafan tersebut yang dijalankan sekarang ini belum cukup sebenarnya untuk memenuhi pasar yang ada sekarang.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Ok, terima kasih Taman Medan mungkin cadangan ini kita boleh Yang Berhormat saya akan salur kepada MPKj supaya sebahagian daripada rizab iaitu dasar yang baru daripada Kerajaan Negeri 10% perlu digunakan untuk menaik tarafkan infrastruktur tempatan ya dan Teratai telah membangkitkan isu tentang Masjid Kampung Cheras Baru.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : YB EXCO, sebelum YB EXCO masuk ke tajuk yang lain, saya juga ada bertanyakan kalau dibenarkan kami tahu berapa banyak rizab khususnya PBT yang kami berada di dalamnya supaya kami berlaku adil dalam kami memohon projek tambahan untuk digunakan 10% daripada rizab tu.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Saya akan bagi jawapan secara lisan kepada Yang Berhormat tentang *figure* tu jumlah, bertulis ya bertulis. ADUN Teratai yang bangkitkan isu longkang di Masjid Kampung Cheras Baru yang akan dilaksanakan untuk makluman ADUN Teratai dengan anggaran kos 200,000 pada tahun depan. Dan untuk menjawab Yang Berhormat Gombak Setia, tentang

enakmen, enakmen pengurusan sisa pepejal, untuk makluman Yang Berhormat Sekalian, dua sesi mesyuarat dan juga dialog telah diadakan oleh Kerajaan Negeri bersama dengan Yang Berhormat Sekalian mungkin Yang Berhormat tidak hadir pada September dan juga Oktober yang lalu, UPEN dengan Kamar Penasihat Undang-Undang telah membentangkan satu draf akhir enakmen ini dan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Yang Berhormat Sekalian dan enakmen ini secara dasarnya dipersetujui untuk proses pada peringkat berikutnya pada ketika ini UPEN bersama dengan Kamar Penasihat Undang-Undang sedang menyediakan draf akhir untuk diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris dan seterusnya dirujuk ke Jabatan Peguam Negara bagi semakan akhir sebelum diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri.

Dan sekiranya diluluskan enakmen ini perlu diwartakan terlebih dahulu dalam warta kerajaan 4 minggu sebelum Persidangan Dewan Negeri seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 79 Perlembagaan Persekutuan.

Dan untuk menjawab Yang Berhormat Hulu Klang, tentang pembaikan longkang, MPAJ mencadangkan pembaikan longkang akan dilaksanakan pada tahun 2017 menggunakan peruntukan MARRIS yang dianggarkan RM1 juta ringgit di kawasan Hulu Klang.

Dan juga untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing tentang kebajikan Ahli Majlis, Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan mengambil maklum perkara ini dan akan berbincang cadangan kadar elaun tetap baru Ahli Majlis PBT dalam masa yang terdekat. Walau bagaimanapun perkara ini sedang diperhalusi memandangkan ia akan meningkatkan kos pengurusan PBT sekiranya ia dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Speaker dan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Dewan ni yang telah pun menyentuh perihal infrastruktur kemudahan awam dan pemodenan pertanian dan industri asas tani dalam membahaskan ucapan Belanjawan Negeri Selangor bagi 2017 yang bertemakan "Membangun Bangsa Memakmur Negeri" yang saya kira belanjawan kali ini cukup mendasar memberikan kesan secara langsung kepada rakyat dan banyak menyelesaikan permasalahan rakyat dan ini bagi saya menepati kehendak dan kaedah fiqh yang disebut sebagai *tasarufful imam alaroayati manuton bilmasloha*, kebijakan pemimpin itu bila mana dia dapat menyelesaikan permasalahan rakyat dan ini bagi saya menepati kehendak dan kaedah kebijakan pemimpin itu bila dia dapat menyelesaikan permasalahan-permasalahan rakyat. Dewan saya yang muliakan sekalian saya ingin menyentuh perihal yang dibangkitkan oleh Gombak Setia yang menyentuh berkaitan dengan Jalan-jalan Persekutuan yang kurang atau pun tidak

sempurna dari sudut penyelenggaraan. Untuk pengetahuan Ahli Dewan bagi tahun 2016 Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 95,292,461 untuk tujuan penyelenggaraan permukaan jalan, cerun, longkang, jambatan serta penambahbaikan aspek keselamatan jalan raya. Walhal yang dipohon oleh JKR Selangor berdasarkan keperluan pada 2016 adalah RM 200 juta. Mana kalau kita lihat dari sini memang ketidakcukupan yang begitu besar hampir lebih daripada RM100 juta dan inilah sebenarnya antara punca menyebabkan kita lihat bagaimana Jalan-jalan Persekutuan itu tidak diselenggarakan dengan baik dan bagi tahun 2017 di pihak jabatan Kerja Raya Negeri Selangor telah memohon peruntukan sebanyak RM310 juta untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan ini dan kita mengharapkan Kerajaan Persekutuan menurunkan bajet atau pun perbelanjaan yang sewajarnya dengan permohonan yang berdasarkan kepada permasalahan semasa.

Sungai Air Tawar ada membangkitkan berkenaan dengan jalan-jalan peruntukan MARRIS digunakan untuk menurap atau pun memperbaiki jalan-jalan yang telah pun baik tetapi diturap kembali. Hasil daripada tiang saya, saya dapat beberapa projek MARRIS yang telah pun dijalankan termasuk juga bajet-bajet yang digunakan bajet pengurusan begitu juga dengan bajet pembangunan. Di Sungai Air Tawar sahaja menjumlahkan kepada RM3.484,540 untuk kawasan atau pun Mukim Sungai Air Tawar sahaja dan hasil daripada semakan saya, saya ada di sini kesemua peruntukan-peruntukan MARRIS ini di gunakan untuk menyelenggarakan jalan-jalan yang memang telah pun sedia rosak. Saya ada gambar jalan sebelum diperbaiki dan selepas diperbaiki. Saya memohon jasa baik Sg Air Tawar untuk memaklumkan kepada saya secara spesifik jalan atau pun infrastruktur yang mana satu yang diberitahu oleh Sungai Tawar telah pun diturap walaupun keadaan baik. Bangun Sg Air Tawar, bangun.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Terima kasih, saya sebenar menyata perkara ini spesifik, kalau tak percaya, *Insyah-Allah* mungkin kita ada seminggu lagi saya akan ambil kawasan-kawasan tersebut dan serahkan kepada, terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sg Air Tawar, saya *refer* kepada projek-projek yang digunakan peruntukkan MARRIS sebab Sungai Air Tawar memang menyebut perkataan belanja wang MARRIS. Teratai ada menyentuh berkenaan dengan penyelenggaraan berskala Sungai Kerayong. Sungai Kerayong untuk pengetahuan Teratai secara khususnya kerja-kerja penyelenggaraan sungai akan menggunakan peruntukan mengurus mengikut peruntukan yang diterima pada setiap tahun dan untuk makluman Teratai kerja penyelenggaraan di Sungai Kerayong akan dibuat setiap tahun di mana sungai ini diklasifikasikan sebagai Sungai Protokol dan pada tahun 2016 kerja penyelenggaraan Sungai Kerayong yang melibatkan kerja-kerja pemotongan rumput sedang dijalankan secara berkala dan kerja-kerja penyelenggaraan berkala di Sungai Kerayong dan lain-lain sungai di

daerah Hulu Langat ada dalam jadual dengan saya sekiranya Teratai perlu saya serahkan kepada Teratai untuk melihat jadual penyelenggaraan.

Sungai Air Tawar juga membangkitkan berkaitan dengan ban pecah dan yang berulang dan pembaikan kos yang tinggi, bagi penyelesaian jangka panjang Kerajaan Negeri melalui Pengairan dan Saliran Negeri Selangor akan buat kajian untuk menaiktaraf ban Sungai Air Tawar yang Tebuk Mendeleng yang akan di masukkan dalam Kajian Rancangan Tebatan Banjir RTB Sabak Bernam. RTB Sabak Bernam telah diluluskan didalam peruntukan pembangunan negeri dengan kos projek sebanyak RM7 juta. Bagi penyelesaian jangka masa pendek Jabatan Pengairan Negeri Selangor akan menggunakan U-tube pasir dan juga tanah merah untuk menambak benteng di Mendeleng Sungai Air Tawar. Sungai Air Tawar ada *mentioned* atau pun menyatakan berkenaan dengan 4 kali pecah. Untuk pengetahuan Dewan sekalian bagi pembaikan ban-ban suatu fenomena air pasang baru-baru ini di sana ada beberapa kategori kerja. Yang pertama kerja-kerja yang secara mendesak, secara pantas dan Sungai Air Tawar ada menyebut bagaimana setelah empat kali pecah ini projek-projek pembaikan ini setiap kali dilakukan adalah projek yang melebihi RM500,000.00. Sebenarnya projek-projek itu adalah digunakan untuk belanja mengurus yang kerja-kerja *indent* di bawah RM20,000.00, RM20,000.00 dan di sana ada juga kerja-kerja sederhana yang mana di peringkat Kerajaan Negeri telah meluluskan bajet RM4.3 juta yang sekarang dalam proses pelaksanaan dan di sana juga ada kerja-kerja jangka panjang yang telah pun saya nyatakan dalam jawapan soalan yang sebelum dari ini dan kalau kita lihat berkaitan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran ini kita dapat lihat bagaimana manifestasi kesungguhan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan saliran dan juga tebatan banjir kita melihat kenaikan 68.7% berbanding dengan 2016 RM80 juta kepada RM135 juta untuk 2017 ini adalah kelangsungan daripada kenaikan berbanding dengan 2015 RM45 juta dinaikkan kepada 97% kepada RM80 juta pada tahun 2016 dan untuk pengetahuan semua bagaimana kebanyakan daripada projek-projek yang akan dilaksanakan tahun 2017 ini telah pun selesai dilakukan kerja-kerja ukur dan juga lantikan perunding dan juruukur telah pun siap dan kerja-kerja atau pun reka bentuk dan sebagainya telah pun tersedia dan 2017 *Insyah-Allah* kita dapat teruskan dengan pelaksanaan tender dan sebagainya. Ada juga rakan-rakan sekiranya ramai yang menyentuh khususnya Bukit Gasing, Batang Kali, Rawang, Kuala Kubu, Semenyih yang menyentuh berkaitan dengan kejadian paip pecah dan juga pembangunan 2 loji rawatan air baru iaitu pembangunan Loji Rawatan Loji Air Semenyih 2 dan loji rawatan dagang yang telah saya kira banyak berbicarakan pada sidang pada kali ini. Walau bagaimanapun sudi saya menyatakan beberapa perkara antaranya adalah bagaimana setelah kita mengambil alih pengoperasian air di Selangor ini bagaimana Air Selangor telah membuat pemeriksaan *due religion* ke atas 29 loji rawatan air bagi meneliti aspek struktur keupayaan teknikal serta *system* pengoperasian loji yang berkenaan terutama loji-loji kecil untuk mengenal pasti keupayaan dan penambahbaikan yang boleh dibuat dalam memastikan loji-loji tersebut dapat

beroperasi tanpa sebarang gangguan dalam membekalkan air dan antara fakta yang menarik juga kita bagaimana mendapat lebih kurang 50 kolam dan 40 rumah pam yang tidak diguna pakai disebabkan pelbagai masalah seperti kebocoran pada kolam kerosakan pada peralatan dan perkakasan cerobohan, kecurian dan vandalisma. Jumlah deposit simpanan air daripada sejumlah 50 kolam ini sebanyak 239 juta liter dalam hal ini air Selangor telah memperuntukkan bajet *care pak* sebanyak RM27 juta untuk membaiki dan mengguna pakai untuk semua kolam-kolam ini. Dan begitu juga berkaitan dengan NRW disentuh dalam bajet secara jelas dan saya ingin berkaitan dengan bagaimana kaedah Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti paip-paip yang bocor yang saya kira saya juga telah sentuh dalam jawapan yang juga dicelah atau pun soalan tambahan oleh Rawang dan juga Balakong dimanau untuk pengetahuan tuan-tuan Ahli Dewan Sekalian air Selangor menyediakan pemetaan bagi jajaran paip dengan memplotkan menggunakan *System GIS* hampir 85 liputan sistem agihan air Selangor telah pun dipetakan dan air Selangor sedang berusaha gigih untuk meningkatkan peratusan dengan liputan menyediakan beberapa aktiviti dan program kursus seperti menggunakan teknologi atau GIS dalam telefon pintar. Buat masa ini air Selangor tidak mempunyai liputan khas untuk mengesan lokasi paip pecah secara automatik. GIS tidak boleh mengesan kejadian jalan paip pecah tetapi ianya digunakan untuk memplot jajaran paip ke dalam sistem pemetaan dari masa ke semasa pihak air Selangor akan kemaskini jajaran paip dan GIS. Bagi kes-kes paip air pecah pihak air Selangor bergantung kepada dua sumber iaitu seperti mana yang dinyatakan ingatan saya oleh Rawang iaitu melalui aduan pengguna dan juga melalui pemantauan *cross boundary meter CBM water balance meter WBM* yang dipasang pada jajaran paip dan pemantauan paras kolam-kolam melalui pemerhatian *flow, pressure* iaitu tekanan dan *level* yang tidak normal dan ia adalah merupakan satu indicator kepada pihak air Selangor yang berkemungkinan tidak mendapat masalah pada *system* agihan.

Apabila air Selangor dapati ada situasi tidak normal pihak air Selangor akan menghantar pasukan ke tapak membuat pemeriksaan dan melalui pemeriksaan ini akan beri petunjuk kepada pihak Air Selangor serta mendapat kejadian paip pecah atau tidak. Walau bagaimanapun, bagi kawasan-kawasan di dalam zon domestik metric zon di MZ tuan-tuan kejadian paip pecah di analisa berdasarkan pola dan tekanan sekiranya terdapat pola aliran dan tekanan yang tidak normal air Selangor akan membuat semakan lanjut di tapak untuk mengenalpasti apa masalah sebenarnya yang berlaku di tapak. Dalam rekod air Selangor mempunyai 1,327 bilangan DMZ yang meliputi kawasan liputan agihan sebanyak 70% dan pemantauan dibuat melalui Porla aliran tekanan di net base aliran di meter *pressure reducer valve PRV* dan bacaan tekanan *target point*. Pihak air Selangor juga telah mengemaskini dan menaik taraf zon-zon sedia ada bagi mengurangkan kes-kes paip pecah dalam zon termasuk mengurangkan kaedah air tidak terhasil *non revenue water*. Sedikit sebanyak berkaitan dengan air.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat, Yang Berhormat masih belum bagi ulasan terhadap cadangan saya untuk meningkatkan bilangan kilometer paip yang hendak diganti setiap tahun memandangkan masih berlaku 5 hingga 6 ribu kes pecah setiap tahun.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Bukit Gasing, kita mengambil perhatian di atas keprihatinan Bukit Gasing untuk menyelesaikan semua permasalahan paip-paip pecah. Walau bagaimana pun seperti mana yang telah kita kongsi di sana ada dalam 84 *hotspots* yang perlu di berikan perhatian terlebih dahulu dan bagaimana peruntukan RM1.6 juta itu daripada Kerajaan Negeri Selangor sendiri telah pun diperuntukkan. Walau bagaimana pun cadangan atau pun idea sudah pastilah keprihatinan di kongsi secara semua daripada kita.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat sedar tak 84 *hotspots* itu adalah angka awal tahun ini, sekarang dah sampai penghujung tahun terdapat beberapa *hotspots* baru yang telah timbun? Jadi *we are playing catch up* macam mana kita nak atas *catch up* ini dan kita juga selesai yang mungkin di luar *hotspots* supaya bilangan kes pecah tahun hadapan adalah kurang daripada 100 setiap tahun. Kita nak jadi negeri pertama bukan dunia ketiga lagi.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Bukit Gasing di atas keprihatinan. Untuk 84 *hotspots* itu adalah merupakan perancangan kita untuk *decide* sehingga tempoh 2019. Walau bagaimana pun saya memahami apa yang telah pun dibangkitkan oleh Bukit Gasing bahawa sudah pasti di luar sana lebih daripada 84 *hotspots* dan apa yang telah diajukan oleh Bukit Gasing itu akan diambil pertimbangan atas cadang tersebut.

Seterusnya saya beralih kepada pertanian dan *industry* asas tani. Saya mengucapkan tahniah kepada Y.B. Sekinchan yang menyentuh kaitan dengan Bekalan Air yang berlaku di sawah sewaktu musim El-Nino, kemarau pada tahun ini. Di mana pada tahun ini, Selangor mencatat kekurangan hujan yang ketara akibat fenomena El-Nino yang berlaku pada bulan Februari hingga Julai 2016 yang mengakibatkan kekurangan air di Sungai Tengi dan juga Sungai Bernam yang menjadi punca bekalan air di sawah. Pihak JPS telah menyediakan beberapa buah pam untuk mengepam semula air dari parit ke dalam tali air. Sebanyak 35 unit pam, 5 *que set* telah pun dibekalkan. Dan berkenaan Sekinchan untuk mengubah jadual pengagihan air mengikut *Irrigation Service Area*, (ISA), ini ISA ni, *Irrigation Service Area*, Sekinchan, ya. Pihak Kerajaan Negeri akan meneliti cadangan ini bersama-sama dengan Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Kuala Selangor, Jabatan Pengairan Saliran, IADA, Barat Laut Selangor dan Jabatan Pertanian. Saya juga mendapat permohonan daripada Sekinchan yang untuk diadakan perbincangan lanjut berkaitan dengan perkara ini. Dan berkaitan dengan tanah sawah seluas 80 ekar di hadapan kilang BERNAS, Sekinchan yang sekarang ditanam dengan kawasan padi. Seperti mana yang kita tahu bahawa tanaman padi

merupakan tanaman *security* untuk makanan negara. Sawah padi Selangor mempunyai keluasan kira-kira 18,900 hektar sahaja. Diletakkan sebagai zon pengeluar makanan strategik dan perlu dikekalkan. Maka bagi pihak saya sendiri amat menyokong sebarang usaha untuk mengekalkan kawasan-kawasan padi ini. Walau bagaimanapun dia tertakluk kepada syarat nyata tanah, *zoning* di pihak RT dan sebagainya yang boleh diperbincangkan lanjut. Berkaitan dengan *variety* padi baru yang...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya minta sikit penjelasan Yang Berhormat EXCO. Memandangkan tanah di Sekinchan, tanah kerajaan, seperti apa yang saya maklumkan oleh Tuan Speaker, tanah sudah diagihkan semua. Tanah kerajaan dah habis. Jadi ramai orang memfokuskan kawasan 84 ekar itu untuk dibangunkan. Tetapi oleh sebab Sekinchan sekarang ini adalah destinasi pelancongan, ekopelancongan saya minta Yang Berhormat EXCO dapat meneliti supaya perkara ini dapat di pertimbangkan agar bagaimana kita nak mengekalkan kelestarian kehijauan di Sekinchan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih Sekinchan. Saya memahami keprihatinan Sekinchan untuk menjamin dari segi ekopelancongan di Sekinchan dan kita tahu, kawasan-kawasan Sekinchan kalau kita lalu di kawasan jalan utama, kita lihat suasana padi yang menghijau di sebelah kanan. Perlu dikekalkan. Walau bagaimanapun perihal 84 ekar ini kita akan perhalusi secara *detail* nanti. Berkaitan dengan *variety* padi baru yang mudah diserang penyakit terutamanya *Bacteria Leaf Blight* (BLB). Atau hawar daun bakteria ini. Untuk makluman penyakit BLB ialah penyakit bawaan bakteria yang sukar dikawal. *Variety* padi baru MR284 adalah sederhana rentan *moderated*. Sederhana rentan kepada penyakit BLB yang bermakna *variety* ini agak mudah diserang penyakit ini sekiranya langkah-langkah kawalan tidak dilaksanakan pada peringkat awal. Selain daripada itu faktor cuaca yang panas dan lembap disertai dengan keadaan yang berangin memudahkan perebakan penyakit ini. Hasil tanaman yang dibuat oleh, hasil bancian yang dibuat oleh Bahagian Bio Sekuriti Jabatan Pertanian, kebanyakan *variety* yang diserang adalah MR284 dan MR220, CL2. Sehubungan dengan itu jabatan pertanian mencadangkan beberapa langkah kawalan yang melibatkan amalan pengurusan perosak secara bersepadu dan aman dan juga amalan pertanian baik yang saya kira perlu dikongsi secara bersama dengan petani atau pun pesawah. Dan saya juga mendapat surat daripada Sekinchan untuk diadakan dialog ataupun pertemuan, taklimat dan sebagainya. Saya yakin dan percaya sekiranya amalan pertanian yang baik ini dapat kita ikuti maka permasalahan BLB ini dapat kita atasi. Sabak ada mencadangkan...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tambahan sikit, ya. Yang Berhormat Tuan Speaker. Berkenaan dengan penyakit ini, dia, datang kadang-kadang tiga tahun sekali. Ini seolah-olah dia bermusim kerana dengan tiupan angin yang kuat dan sebagainya, BLB. Jadi BLB ini, saya minta bagaimana dengan bantuan kerajaan *ad-hoc*. Kerana

sekarang ini dalam keadaan memerlukan, baja ataupun racun untuk mencegah perkara daripada terus merebak. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih, Sekinchan. Antara yang drastik yang boleh kita buat, pertamanya adalah pertemuan, untuk memastikan amalan pertanian baik itu diikuti. Yang kedua saya akan merujuk kepada Jabatan Pertanian secara khususnya untuk melihat kemungkinan di sana ada bantuan-bantuan yang kita boleh berikan kepada petani atau pesawah untuk mengatasi masalah BLB yang sedang melanda itu. Sabak ada mencadangkan *One Stop Centre* bagi menggabungkan semua Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, dan Jabatan Perikanan. Ini satu idea yang baik. Dan kita akan melihat dari sudut keperluannya dari masa ke semasa. Pasar Pagi, dan Sabak juga mencadangkan mewujudkan pasar pagi bagi jualan terus hasil pertanian. Untuk pengetahuan, di bawah *STANDCO* Pemodenan Pertanian, Industri Asas Tani, kita ada menjalankan satu program yang akan kita adakan. Sudah bermula pada 2016 dan akan dilanjutkan secara lebih agresif pada 2017, iaitu mewujudkan Pasar Agro bagi setiap daerah di mana kita akan mewujudkan satu tempat membolehkan petani-petani menjual secara langsung hasil-hasil ataupun produk pertanian mereka. Berkaitan dengan cadangan sabak juga supaya bangunan terbiar di Daerah Sabak Bernam dijadikan sebagai pusat pertanian. Itu juga satu cadangan yang baik. Untuk pengetahuan Jabatan Pertanian telah mempunyai dua pusat latihan iaitu Pusat Latihan Kejenteraan Pertanian, PLKP Tanjung Karang, Pusat Latihan Pertanian PLP Kalumpang. Di mana PLP Tanjung Karang memfokuskan latihan jentera, mekanisasi dan kejuruteraan ladang, manakala PLP Kalumpang memfokuskan kepada latihan pertanian dan pengurusan ladang. Walau bagaimanapun, cadangan Sabak tadi boleh kita ambil dan melihat kemungkinan untuk kita wujudkan banyak lagi pusat-pusat latihan pertanian.

Seterusnya, Kuala Kubu Baharu ada membangkitkan berkaitan dengan penggunaan baja organik, tinja ayam. Tinja itu maksudnya tahi ayam. Untuk makluman Jabatan Pertanian hanya mengesyorkan dan membekalkan baja jenis tinja ayam yang telah diproses ataupun dikomposkan. Baja tinja ayam proses tidak mempunyai bau dan bahan-bahan berbahaya. Dan juga patogen membawa penyakit dan sekarang ini ada beberapa anak syarikat khususnya PKPS sedang membuat kajian *vability* kemungkinan untuk dibangunkan kilang memproses tinja bagi membolehkan bagaimana tinja-tinja ayam di luar sana boleh dikumpulkan dan diagihkan kembali kepada para petani.

Berkaitan dengan Dusun Tua, juga membangkitkan berkaitan agihan peruntukan pertanian yang saksama kepada semua daerah. Setakat ini Jabatan Pertanian tidak mendiskriminasikan daerah-daerah dalam pengagihan peruntukan tahunan. Walaupun begitu daerah-daerah seperti Kuala Selangor, Sabak Bernam diberikan peruntukan yang besar kerana aktiviti pertanian merupakan aktiviti ekonomi yang penting bagi penduduk di daerah-daerah ini, dan Jabatan Pertanian juga akan

memastikan petani daerah lain turut menikmati bantuan. Dan peruntukan tahunan berdasarkan pelan dan perancangan yang telah dibuat. Dusun Tua juga membangkitkan, saya kira bukan kali yang pertama berkaitan dengan isu tanah PKPS di Semunggis. Yang disebutkan oleh Dusun Tua, seluas 400 ekar, dan saya telah menyemak keluasan sebenarnya adalah 517.68 ekar. Dari sudut ringkasannya, dia ada di sini, saya boleh serahkan kepada Dusun Tua berkaitan kronologi yang ada berkaitan dengan isu mahkamah dan sebagainya, yang kira saya tak perlu bangkitkan di sini. Cuma secara ringkasnya sebanyak 42.31 hektar telah pun dibuat pengambilan sebagai hutan lipur, 126.68 ekar pengambilan tanah gantian oleh EKVE, dan 30.31 hektar disewakan kepada 8 pengusaha pertanian, dan selebihnya masih lagi kosong untuk dilihat dari sudut kemungkinan untuk dibangunkan sebagai kawasan pertanian.

Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN : Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada EXCO, apakah program-program di bawah STANCO Pertanian yang bercirikan teknologi moden dan terkini. Dan yang belum dilaksanakan untuk tahun hadapanlah, untuk dibuat.

Y.B. TUAN ZAILY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih, Morib. Jadi saya kira itulah yang berkaitan. Saya akan pergi kepada jawapan itu. Cuma saya kira itulah jawapan kepada Dusun Tua yang sering kali saya kira tidak kenal letih atau jemulah membangkitkan persoalan tanah di Semunggis ini. Dan saya kira mungkin selepas ini, dari sudut lanjutnya kita boleh mengadakan temu sua dengan pihak-pihak yang berkaitan. Seterusnya, berkaitan Gombak Setia ada membangkitkan latihan pada golongan muda kerana ia juga mampu, *Insyallah* menjawab sekali pertanyaan yang dibangkitkan oleh Morib. Untuk pengetahuan Jabatan Pertanian khususnya, ada melaksanakan latihan kepada golongan muda melalui beberapa program, yang telah dirancang. Khususnya mulai tahun hadapan, antaranya program inkubator usahawan tani bagi golongan belia selama lapan bulan. Program latihan kejenteraan pertanian selama empat bulan dan beberapa lagi program latihan melalui kursus jangka pendek. Begitu juga melalui program Agro Generasi Muda Agrogems yang telah pun masuk tahun yang kedua, yang telah pun mendapat sambutan yang hangat daripada para-para belia kita yang berumur 40 ke bawah. Dan 40 ke bawah yang kita kira masih lagi boleh kita iktiraf sebagai belia untuk terlibat dengan pertanian dan juga di sana ada bantuan-bantuan yang telah pun kita salurkan kepada mereka. Dan antara minat mereka adalah petani, pertanian yang berkonsepkan teknologi moden, seperti yang ditanyakan oleh Morib tadi, khususnya fertigasi yang sedang popular sekarang ini. Dan Selangor mempunyai kurang lebih 490 usahawan tani yang menjalankan aktiviti tanaman menggunakan teknologi fertigasi melibatkan keluasan lebih daripada 1000 hektar. Dan daripada jumlah ini 70 % lebih adalah merupakan golongan anak muda. Antara anak muda boleh dibanggakan sebagai contoh, saya rakamkan di sini ialah Saudara Khairul Izwan, yang menanam cili secara fertigasi dan mampu menjana pendapatan mencecah RM1 juta setahun. Dan telah pun mendapat anugerah dalam Agrofest baru-baru ini

di Morib. Dan bagaimana ia merupakan ikon kepada anak muda khususnya dalam bidang pertanian dan telah pun datang ke program Agrogems kita dan memberikan kursus kepada anak muda yang lain.

Kemudian, Selat Kelang ada membangkitkan berkenaan dengan bantuan kepada nelayan-nelayan. Dan saya kira ini juga soalan mulut yang telah pun di panjangkan untuk dijawab. Bagaimana nelayan Negeri Selangor menangkap ikan sepanjang tahun. Selat Kelang ada sebut bila datang musim tengkujuh dan sebagainya. Ia hanya aplikasi pada pantai timur. Di pantai barat aktiviti menangkap ikan ini sepanjang tahun dan tidak terdedah kepada musim tengkujuh atau hujan yang berpanjangan. Cuma adakala ketikanya berlaku hujan ribut dan sebagainya. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk membantu nelayan skala kecil menangkap ikan. Antara bantuan diberikan skala kecil adalah seperti bantuan jaring, bantuan sampan, bantuan enjin sangkut, bantuan peralatan pelayaran seperti GPS dan sebagainya. Untuk pengetahuan Selat Kelang, untuk bantuan peralatan nelayan sahaja bagi tahun 2016 berjumlah RM1.01 juta. Ataupun lebih tepat, RM1,014,000.00. Dan keseluruhan jumlah peruntukan kalau kita kumpulkan daripada 2014 hingga 2016 ini, menjumlahkan RM2,237,600.00. Jadi di sana sebenarnya banyak bantuan-bantuan yang telah kita berikan dari sudut pendekatan, sebelum ini kita memberikan peralatan-peralatan yang bernilai mahal seperti enjin sangkut yang menyebabkan tidak ramai di kalangan nelayan-nelayan kita di satu jeti itu dapat, maka untuk tahun 2016 kita mengubah pendekatan kita memberikan bantuan-bantuan berbentuk jaring, begitu juga dengan GPS, *vest* dan sebagainya menyebabkan memungkinkan lebih ramai lagi di kalangan nelayan kita dapat merasai dan menikmati bantuan ini.

Saya kira itu di penghujung penggulungan saya dan saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang telah pun mengambil partisipasi dalam membahaskan Belanjawan 2016, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Alam Shah.

Y.B. YUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin memberi respons kepada Yang Berhormat Teratai, Yang Berhormat Selat Klang dan Yang Berhormat Permatang. Yang sentuh tentang *STANDCO* dan juga isu-isu yang berkaitan tentang *STANDCO-STANDCO* saya. Tuan Speaker, berhubung isu yang kenaikan elaun Ketua Komuniti Kaum India yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Teratai. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri mengambil maklum akan ke bimbingan beliau berhubung ketidakpuasan yang di antara Ketua Kampung Tradisi, Ketua Kampung Baru, Ketua Kampung Bagan dan Ketua Komuniti Kaum India. Saya percaya kerajaan telah membuat penilaian dalam hal ini dengan mengambil kira semua perkara secara keseluruhan dalam membuat keputusan. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mengambil maklum akan permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Selat Klang berhubung harga pembinaan

sebuah rumah di bawah kerajaan prihatin yang baru tadi saya telah jawab dalam soal bagaimanapun saya jawab sekali lagi. Untuk makluman Selat Klang, harga bagi pembinaan sebuah rumah program kerajaan prihatin telah ditetapkan pada RM35,000.00 sebuah. Had siling ini telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2010. Walau bagaimanapun, sejak pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan GST yang sedang berkuat kuasa, Kerajaan Negeri amat prihatin dan peka terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pihak kontraktor dalam melaksanakan pembinaan rumah tersebut ekoran daripada harga barangan yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Justeru itu, untuk makluman Selat Klang, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan kajian semula terhadap kos pembinaan bagi sebuah rumah kerajaan prihatin dan telah membuat perbandingan bersama Lembaga Zakat Selangor. Berdasarkan kos bahan binaan semasa berpandukan kepada buku kadar harga kecil dan pembaikan JKR bagi tahun 2014. Kajian semula ini adalah dalam peringkat akhir sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, seterusnya untuk pertimbangan dan kelulusan selanjutnya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh minta penjelasan sikit saja, Tuan Speaker. Ok, pagi tadi pun saya cuba nak tanya mengenai masa Yang Berhormat jawab mengenai rumah prihatin. Saya Cuma nak tanya sama ada dalam kes-kes rumah terbakar ya, musnah sepenuhnya rumah miskinlah, ini apakah ini menjadi pertimbangan untuk di segerakan untuk pembinaan rumah-rumah yang terbakar. Sebab bila rumah terbakar ini maknanya tuan rumah itu hilang segala-galanya, jadi apakah dia dapat keutamaan untuk dibina rumah prihatin kepada rumah yang terbakar ini.

Y.B. YUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Permatang. Perlu disedari bahawa permohonan di bawah kerajaan prihatin tidak boleh disamakan dengan bantuan yang lain. Kita ada syarat-syarat yang khas untuk mendapat pemohon perlu melayakkan diri dalam mendapat bantuan tersebut. Walau bagaimanapun, dalam setiap kali kita bersidang membuat Jawatankuasa Kerajaan Prihatin kita memberi keutamaan rumah terbakar ini, memang keutamaan diberikan. Masalah yang dibangkitkan sekalian di hadapan saya adalah tentang pelantikan kontraktor yang mengambil kerja-kerja tersebut. Kami sedar Kerajaan Negeri sedar bahawa kos yang diperuntukkan iaitu RM35,000.00 adalah tidak wajar dan tidak sesuai pada masa kini. Itu yang dibangkitkan sekarang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Tuan Speaker, saya gembira sebab dah *final stage* untuk dibawa ke Mesyuarat EXCO. Oleh sebab tahun ini saya difahamkan oleh Pejabat Daerah Klang itu, tak ada satu lagi diluluskan, jadi dia sudah ada satu senarai yang begitu banyak, boleh tak disegerakan kelulusannya untuk tahun ini dan mulakan untuk tahun ini, terima kasih.

Y.B. YUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Selat Klang. Ada tidak benar ya, apabila dikatakan tahun ini tidak diluluskan langsung. Memang banyak

kita luluskan tapi kebanyakan ialah membaik pulih. Untuk membina baru ada luluskan namun begitu kita tangguhkan kelulusan tersebut itu saja. Ok saya kembali kepada Puan Speaker ...

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker hendak mohon mencelah. Topik yang sama juga tentang rumah prihatin yang khas untuk yang bina baru punya. Jadi adakah EXCO akan bawa dalam Mesyuarat MMKN yang akan datang lepas sidang Dewan ini untuk kelulusan supaya mempercepatkan.

Y.B. YUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, saya percaya saya telah menjelaskan sebaik-baik mungkin. Saya telah jelaskan dengan jelas bahawa kajian semula ini ada dalam peringkat akhir sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bermaksud kertas perlu disediakan. Kertas ini dalam kajian terakhir so, saya percaya UPEN akan sediakan kertas ini dalam masa terdekat supaya perkara ini dapat dibawa kepada MMKN, terima kasih Rawang.

Tuan Speaker, saya kembali kepada berhubung isu yang dibangkitkan oleh tentang isu pemberimilikan lot tanah perumahan di Kampung Sungai Yu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang. Saya ingin menyatakan di sini ada beberapa tohmahan telah dilontarkan terhadap Kerajaan Negeri dan atas beberapa individu termasuk diri saya sendiri. Tuan Speaker, beberapa pihak telah pun membuat laporan polis di mana saya difahamkan PDRM telah buka fail siasatan dan telah memanggil beberapa individu untuk mengambil keterangan. Dalam pada itu juga saya telah difahamkan ada juga laporan dibuat di SPRM. Saya juga difahamkan ada individu-individu yang tertentu akan memfailkan saman terhadap individu-individu yang membuat tohmahan. Maka adalah tidak wajar saya memberi secara terperinci berkenaan isu ini. Namun begitu saya ingin menyatakan secara ringkas bahawa untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada awal tahun 1990an Kerajaan Negeri pada masa itu telah merancang tiga penempatan di Kampung Sungai Yu untuk tiga kaum utama. Di mana kaum Cina dimajukan untuk projek pembesaran Kampung Taman Desa Mawar. Manakala penempatan untuk kaum Melayu telah diberi milik kepada syarikat Jabbar Nur Sdn Bhd dan juga kepada PNSB sebagai program perumahan Zakat. Namun begitu isu pemberimilikan kawasan India terbantut sejak 1990an. Memandangkan tiada inisiatif serius kerajaan waktu itu, waktu tersebut dalam meluluskan pemberimilikan tersebut. Dalam pada itu, dalam peredaran masa terdapat banyak permohonan daripada warga berbangsa India, Melayu dan Cina. Tetapi dia tidak dapat diselesaikan, antara sebab-sebabnya adalah terlalu banyak kumpulan yang menubuhkan jawatankuasa masing-masing dan mengemukakan senarai nama untuk mendapatkan tanah kerajaan di Kampung Sungai Yu. Dalam pada itu juga, ramai juga telah menjadikan tapak tersebut diusahakan untuk pelbagai tanaman dan membuat rumah tanpa kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Dan pengusaha-pengusaha ini juga menghalang dalam memecahkan lot tapak tersebut kepada lot perumahan. Maka untuk menyelesaikan masalah pemberimilikan tanah tersebut, satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi

menentukan dan memilih pemohon-pemohon yang layak mengikut kriteria-kriteria yang telah dipersetujui. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Pegawai Kawan daripada Pejabat Daerah Tanah dan Ahli-ahli di kalangan Ketua Masyarakat setempat, wakil daripada pejabat saya sendiri, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pengerusi JKKK, Pusat Khidmat Masyarakat, Penghulu Kawasan, Ahli Majlis, wakil peneroka dan wakil penduduk.

Beberapa syarat utama dikenakan dalam pemberian lot tersebut. Antaranya pemohon melebihi umur 30 tahun dan berkeluarga diberi keutamaan. Pendapatan pemohon tidak melebihi RM3,000 sebulan. Pemohon tidak memiliki tanah diutamakan. Walau bagaimanapun, pengusaha-pengusaha asal tapak tersebut dikecualikan dengan syarat-syarat tersebut. Pemilihan telah dibuat secara telus di mana sebanyak 4 kali Mesyuarat Jawatankuasa telah dibuat bagi menapis pemohon-pemohon secara berperingkat mengikut kriteria-kriteria yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Pemilihan nama juga mengutamakan penduduk-penduduk setempat dan diperakui oleh Jawatankuasa. Seramai 175 daripada 317 nama pemohon yang telah berjaya diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-15/2016 pada 27 April 2016 untuk diberi milik bagi tujuan bangunan kediaman. Pemohon-pemohon yang diluluskan adalah terdiri daripada 153 berbangsa India, 20 orang berbangsa Melayu dan 2 orang berbangsa Cina.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Minta penjelasan sikit boleh?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Duduklah Permatang.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Saya bermula dengan cadangan daripada Yang Berhormat Taman Medan yang telah syorkan supaya pihak Kerajaan Negeri memperbanyakkan pembinaan sistem penuaian air hujan di rumah-rumah kediaman. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Taman Medan, Kerajaan Negeri tidak membina sistem penuaian air hujan atau pun SPA. Untuk rumah-rumah yang dimiliki oleh individu tetapi Kerajaan Negeri ada membantu dari segi pembinaan atau pun pembangunan sistem SPA di tapak-tapak Kerajaan Negeri Selangor seperti dekat Dewan Jubli Perak di SUK dan juga bantuan khas kepada PBT-PBT kesemuanya di mana kita memberi satu geran khas untuk mereka melaksanakan sistem SPA. Kerajaan Negeri melalui PBT juga menggalakkan penggunaan sistem SPA dengan cara begini sebagai contohnya Majlis Bandar Raya Petaling Jaya mempunyai skim insentif khas iaitu skim rebet cukai tafsiran bagi pemilik-pemilik rumah mesra alam hijau di Petaling Jaya. Selain daripada itu, melalui Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 pindaan 2012 semua PBT Negeri Selangor telah mensyaratkan pemasangan SPA

dalam kelulusan pelan bangunan dan mewajibkan pemasangan SPA dalam semua pembangunan baru seperti kediaman sesebuah dan berkembar, bangunan kerajaan, industri, institusi dan komersial yang mempunyai keluasan bumbung melebihi 100 meter persegi. Dan perkara ini boleh disemak di peringkat PBT oleh Ahli Majlis. Saya ingin ucapkan terima kasih

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya ...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Sebelum masuk ke dalam topik baru, memandangkan

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Topik baru saya tidak akan terima kerana saya rasa kita kesuntukan masa

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : *No, no referring to what you just said on the system SPA*, berkenaan insentif-insentif ini dia bukan insentif baru, sudah lama ada dan saya telah membangkitkan dalam ucapan saya semalam supaya kita lebih agresif. Sekarang kita lihat tak sampai satu peratus rumah di Petaling Jaya mungkin tak sampai satu peratus rumah di Selangor yang telah memasang sistem *Rain Water Hours* ini. Jadi boleh tak Kerajaan Negeri lebih agresif untuk mempromosikan perkara ini demi menjaga keselamatan air di Negeri Selangor.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Bukit Gasing. Kalau hendak lebih agresif perkara ini harus dirujuk kepada PBT. Dalam kes ini maksudnya MBPJ. MBPJ boleh memperuntukkan satu peruntukan yang lebih besar yang menggunakan untuk pemilik-pemilik rumah sebagai contohnya atau pun komersial industri dan sebagainya supaya mereka lebih orang atau pun pemilik boleh menikmati skim rebet cukai tafsiran. Dan ini juga boleh di laksanakan di PBT-PBT lain kerana akhirnya cukai pintu bukan dibayar oleh Kerajaan Negeri. Cukai pintu dibayar oleh pemilik kepada PBT. Jadi PBT boleh agihkan kewangan mereka supaya lebih galakan diberikan kepada pemilik-pemilik rumah khususnya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat ada tak Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi arahan *directive* kepada PBT untuk berbuat demikian?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kita boleh mempertimbangkan tetapi pada ketika ini saya rasa Ahli-ahli Majlis yang kita lantik ada sedikit kecerdikan dan juga kebijaksanaan dan juga keprihatinan atas isu-isu alam sekitar. Jadi saya rasa melalui semua wakil ADN-ADN ataupun VIP Parti-parti boleh membangkitkan perkara ini di peringkat PBT. Walau bagaimanapun memang betul kita akan melihat semula macam mana kita boleh menggalakkan saya guna perkataan yang bagus menggalakkan Ahli-Ahli Majlis dan juga PBT-PBT untuk mengambil perkara ini

dengan lebih serius. Saya ingin sekarang Tuan Speaker mengalih ke topik pelancongan. Kali ini banyak bagus. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Kali yang saya harap masih di Dewan tetapi di luar sahaja. Memang dimaklumkan pada tahun 2017 ada dua daerah yang akan melancarkan tahun melawat daerah masing-masing iaitu tahun melawat Klang dan tahun melawat Hulu Selangor. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri akan menyokong usaha ini dengan memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti pelancongan di kedua-dua kawasan ini. Ingin saya maklumkan di sini pada tahun 2015 tahun lepas Majlis Daerah Hulu Selangor telah memohon peruntukan khas daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dalam usaha memperkenalkan tapak pusat Paragliding Batu Pahat dan ini adalah disebut oleh Yang Berhormat Batang Kali sempena Sukan SEA yang bakal kita akan menjadi hos. Bagi tahun melawat Hulu Selangor Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah merancang untuk membuat hebahan awal bagi kempen ini iaitu pada 17 Disember 2016 dengan satu program khas yang dipanggil Discover Selangor Photo Hunt 2016. Program ini akan memberi peluang untuk pengunjung-pengunjung lebih ramai dapat meneroka daerah Hulu Selangor dengan publisiti yang begitu meluas. Walaupun Taman Medan telah menyentuh tentang pelancong-pelancong dari Timur Tengah khususnya wanita dan topiknya adalah khususnya kemudahan sukan saya ingin maklumkan kepada dewan yang mulia ini kita ada satu program khas untuk wanita bertaraf antarabangsa yang dipanggil Malaysia Women Marathon yang akan dijalankan sekali lagi di Negeri Selangor pada hari ahad yang pertama bulan Mac tahun depan juga. Dan saya menggalakkan semua untuk menghebahkan aktiviti ataupun program ini. Yang Berhormat DUN Dusun Tua tadi ada di sini. Dusun Tua telah membangkitkan tentang tapak pelancongan Sungai Congkak dan juga chalet yang sedia ada. Kita di Negeri Selangor ada banyak lokasi yang ada air terjun. Jadi di Sungai Congkak yang diselaraskan oleh Tourism Selangor seramai 138,602 orang telah mengunjungi Sungai Congkak sehingga September 2016. Berbanding pada tahun 2014 hanya 102,607 dan tahun lepas 147,000 ini merupakan satu peningkatan yang sangat bagus iaitu 13% dan apa yang kita telah buat di sana adalah pada tahun 2014 kita memberi satu peruntukan khas kepada Tourism Selangor untuk menambah dua buah chalet dan juga tandas. Walau bagaimanapun kita juga harus berwaspada kerana bagi tapak-tapak pelancongan yang berunsur ataupun berasaskan eko pelancongan Kerajaan Negeri tidak menggalakkan terlalu ramai pelancong-pelancong kerana ia boleh menjejaskan ekosistem yang sedia ada. Maka walaupun kita nak pelancong yang banyak tetapi kita harus juga ada had sebagai contoh di Sungai Congkak, Kuala Selangor, Kampung Kuantan dan sebagainya. Selat Klang telah memohon pihak Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada Pulau Ketam dan juga kawasan lain di Selat Klang sebagai destinasi pelancongan. Untuk makluman Yang Berhormat Selat Klang pihak Kerajaan Negeri sentiasa membantu Pulau Ketam dalam mempromosikan Pulau Ketam sampaikan video korporat pelancongan Tourism Selangor yang dilancarkan pada tahun ini di Berlin. Ada juga Pulau Ketam di dalamnya. Tourism Selangor juga selalu menggalakkan pelancong-pelancong melawat Pulau Ketam dengan adanya *farm trip* dengan pihak media. Terdapat juga

satu filem yang dibuat di Bagan Sungai Lima. Tourism Selangor juga mengedarkan publisiti cetakan risalah dan sebagainya termasuk satu buku kecil khas yang dipanggil *Selangor Coastal Reagent Travel Guide* di mana 10,000 salinan telah dicetak yang berbahasa Mandarin di mana kita ingin fokus aktiviti promosi kepada pelancong-pelancong daripada Negara China dan pada ketika ini juga kita ada satu penggambaran program yang dipanggil Selangor travelog yang sedang membuat satu program juga untuk mempromosikan Selangor di mana Pulau Ketam juga termasuk dalam senarai tapak-tapak pelancongan yang kita harap akan diutamakan dalam Promosi Tourism Selangor. Yang Berhormat Sekinchan tidak ada banyak permintaan kali ini. Bagus. Saya ingin mengambil kesempatan ini menanya untuk membetulkan sesuatu yang saya telah sebut dalam dewan ini pada hari Selasa di mana soalan daripada Sekinchan dan juga mengulangi semasa ucapan perbahasan iaitu kehadiran pelancong di Negeri Selangor. Saya telah sebut sebelum ini bahawa seramai 660,081 pengunjung sehingga bulan Jun. Itu sebenarnya tidak betul. Jumlahnya adalah 4,035,659 sehingga bulan Jun 2016. Saya harap pihak dewan mengambil maklum. Akhirnya berkenaan tentang pelancongan Yang Berhormat Sabak telah membangkit usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan Sungai Sabak sebagai destinasi pelancongan. Untuk makluman dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor Sdn Bhd telah mengadakan lawatan teknikal produk pelancongan di beberapa lokasi di Sabak Bernam di antaranya adalah Sungai Sabak yang bertempat di Dataran Pangkalan Sabak pada 24 Mei 2016. Dan lawatan teknikal produk tersebut turut dihadiri dari wakil UPEN, Majlis Daerah Sabak Bernam, Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia cawangan Selangor, Tourism Malaysia dan Ahli-Ahli Majlis di daerah Sabak Bernam. Hasil lawatan tersebut telah mendapati bahawa ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian sebelum Sungai Sabak boleh di naik taraf sebagai sebuah produk pelancongan. Di antaranya adalah segi pengisian aktiviti dan juga kesediaan komuniti untuk menjadikan Sungai Sabak sebagai produk pelancongan. Saya harap perkara ini boleh diambil maklum oleh Yang Berhormat Sabak dan juga Majlis Daerah Sabak Bernam dan Ahli-Ahli Majlis Daerah Sabak Bernam supaya kita boleh bantu komuniti masyarakat di sekeliling sungai Sabak untuk menjadikan Sungai Sabak sebagai satu produk yang baru.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker minta sedikit penjelasan. Yang Berhormat EXCO Pelancongan tahniah kerana angka yang sebenar lebih besar 4 juta lebih pengunjung ke Negeri Selangor ini satu pencapaian yang cukup baik kita harap tahun hadapan lebih ramai. Mengenai dengan perbahasan saya meminta supaya diadakan satu karnival tahunan promosi pelancongan di Sekinchan macam mana respons daripada Pihak Tourism secara tahunan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Sekinchan. Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan pada tahun ini kita akan ada satu karnival pelancongan tapi karnival pelancongan sabak Bernam kerana Sekinchan bukan satu daerah khususnya kita juga perlu membantu dan juga menggalakkan

mempromosikan banyak kawasan khususnya di Sabak Bernam. Jadi kita mengambil kesempatan ini supaya mungkin operator-operator pelancongan daripada industri pelancongan daripada Sekinchan supaya turut bersama. Karnival saya rasa untuk Sekinchan tidak perlu kerana terlalu banyak orang sekarang dah melawat Sekinchan tapi apa yang kita perlu adalah mereka naik lagi utara sedikit pergi melawat tempat-tempat lain supaya semua boleh dapat manfaat daripada perkembangan pelancongan di daerah Sabak Bernam. Jadi tahun ini kita akan adakan program khas karnival pelancongan Sabak Bernam 2016 yang akan dianjurkan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam. Selain daripada itu kita juga akan membantu satu program pertandingan memancing di peringkat daerah Sabak Bernam. Tuan Speaker saya ada dua perkara lagi. Bagus Dengkil ada. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja apa yang dibangkit oleh khususnya oleh Yang Berhormat Semenyih. Yang Berhormat Semenyih telah sebut banyak perkara tentang pencemaran di Sungai Semenyih dan perkara ini sebenarnya telah dijawab secara panjang semalam sehingga ada banyak Yang Berhormat yang kompelin kenapa panjang sangat. Cuma ada satu perkara yang saya ingin menitikberatkan iaitu tentang kuasa di bawah enakmen LUAS. Sekali lagi ini adalah perkara yang bukan baru. Saya telah jelaskan saya rasa masa itu dua tahun yang lalu atau setahun yang lalu masa itu bersama dengan Yang Berhormat Damansara. Kita ada bidang kuasa yang berbeza. Satu, enakmen LUAS melibatkan tujuh aktiviti berjadual iaitu akuakultur udang laut, akuakultur air tawar, kawasan pembangunan ataupun kerja tanah, penternakan selain babi, penternakan babi, haiwan kesayangan dan pencucian pasir dan kuari. Jadi ini adalah di bawah enakmen LUAS. Ada undang-undang yang lebih besar di bawah Jabatan Alam Sekitar iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Apa yang saya ingin tekankan bukan isu sebelum ini tetapi isu sekarang di mana Menteri Alam Sekitar telah melawat SUK berjumpa dengan Dato Menteri Besar pada 26 Oktober dan kesimpulan daripada mesyuarat itu adalah arahan untuk semua pihak bekerjasama tidak kira Lembaga Urus Air Selangor, Air Selangor, Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya. Dari minggu lepas kalau ada operasi memantau, menyemak, menyiasat dan sebagainya ia harus dibuat sebagai satu *team*. Itu yang kita nak daripada Kerajaan Negeri dan akhirnya menteri Alam Sekitar pun faham apa yang dimaksudkan dan apa yang kita nak dari Kerajaan Negeri.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak minta penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Silakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih. Yang Berhormat Bukit Lanjan saya semalam pun sempat dengar perbincangan daripada Semenyih. Apa Yang Berhormat Semenyih sebut semalam ialah mengenai akta LUAS yang baru dijelaskan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan. Yang dibangkitkan ialah mengenai satu peristiwa yang berlaku mengenai pencemaran yang katanya dapat dikesan pada jam 1 pagi. Lebih kurang begitulah saya dimaklumkan. Oleh pihak LUAS dan sehingga esoknya boleh dikatakan pihak Jabatan Alam Sekitar respons.

Saya merujuk kepada akta Lembaga Urus Air Selangor yang ada pada saya ini. Jadi dalam akta ini juga ada menyebut dari segi perkara 12 Bahagian 12 - Penguatkuasaan. Dalam Akta Penguatkuasaan ini ada menyebut bahawa LUAS juga mempunyai kuasa sebagaimana Jabatan Alam Sekitar termasuk memeriksa, menyasat, merampas dan menahan mana-mana peralatan komputer atau loji perindustrian. Menyasat, merampas atau mana-mana rekod, buku, lesen, premis, sijil, dokumen dan sebagainya. Memeriksa, menyasat, merampas, menahan mana-mana bahan buangan atau bahan pencemar dan mana-mana kenderaan atau *vesse* yang digunakan untuk pengangkutan bahan buangan dan pencemar, dan banyak lagi. Maknanya apa yang nak dibangkitkan ialah bahawa LUAS juga mempunyai Akta dan kuasa sebagaimana pihak Jabatan Alam Sekitar. Saya langsung tidak ada niat nak melaga-lagakan sama ada LUAS ataupun Jabatan Alam Sekitar kerana kedua-duanya ialah agensi yang memang menyokong tapi isunya meletakkan kesalahan kepada Jabatan Alam Sekitar yang kononnya lewat sedangkan pada waktu yang sama LUAS sudah mendapat bahan kesan orang yang disyaki, sepatutnya waktu itu tangkapan sudah boleh dibuat oleh pihak LUAS. Mungkin esok harinya boleh berbincang dengan Alam Sekitar dan Alam Sekitar yang membuat pendakwaan. Jadi kekeliruan itu yang sebenarnya yang nak dijelaskan supaya tidak ada tuduh menuduh dan kita pun tak nak melagakan antara jabatan-jabatan ini. Itu sebenarnya apa yang Semenyih sebut dan saya ingat itu patut menjadi rekod kepada semua. Jadi yang saya dengar, perbincangan-perbincangan yang mengatakan bahawa Jabatan Alam Sekitar tidak bertindak, LUAS datang dulu, Jabatan Alam Sekitar lewat bertindak sedangkan LUAS ada Enakmen yang boleh mengambil tindakan sebagaimana juga Alam Sekitar.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Permatang. Perkara ini saya sudah terangkan dan juga jelaskan dalam Dewan ini. Kita ada Enakmen di peringkat Negeri tetapi kita ada Akta yang lebih besar daripada Negeri. Jadi kita tidak boleh ada dengan izin *conflict of jurisdiction and conflict of law*. Akta Kualiti Alam Sekitar memang bagus, satu Akta yang sangat bagus dan boleh dikatakan pada tahun 70an negara Malaysia adalah antara di seluruh dunia yang ada Akta seperti tu. Sebelum tu tidak ada. Banyak negara pun tak ada. Walau bagaimanapun, yang termaktub dalam Akta Kualiti Alam Sekitar adalah beberapa perkara yang sangat jelas merupakan tanggungjawab khas Jabatan Alam Sekitar sebagai contohnya; *Effluence Discharge*, Piawaian Bahan Kimia, *Scheduled Waste*, Sisa Berjadual, Sampah Berjadual dan sebagainya. Jadi mereka ada bidang kuasa dan juga kepakaran teknikal untuk menyelesaikan kalau ada masalah tentang perkara-perkara ini. Lembaga Urus Air Selangor melalui Enakmen LUAS juga ada tanggungjawab mereka yang tersendiri tetapi juga terhad iaitu sebagai contohnya saya telah jelaskan 7 sektor di mana Lembaga Urus Air Selangor ada dalam jadualnya. Perkara ini juga dibangkitkan oleh Kamar Pegawai Undang-undang Negeri kerana pada satu ketika kalau saya tak silap 2014 kita ada isu amonia dan masa itu kita telah mendapati bahawa ada beberapa STP (*Sewage Treatment Plant*) yang *discharged amonia* lebih tinggi daripada yang kita inginkan tetapi kita ada lihat ada undang-undang yang

sedia ada yang tidak yang membenarkan mereka *discharged* tersebut. Walaupun katakan LUAS ingin ada Enakmen tetapi kita tidak boleh menentang ataupun *overtake The Nation Law* dengan izin. Walaupun bagaimanapun, saya rasa kita ada peluang untuk bekerjasama antara semua agensi yang berkaitan khususnya agensi-agensi persekutuan. Saya rasa selama ini kita ada hubungan yang baik kadang-kadang ada komunikasi yang agak kabur tetapi niat semua pihak agensi ataupun jabatan adalah ikhlas iaitu mereka ingin membantu rakyat, mereka ingin menangkap penjenayah dan *saboteurs*.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Y.B. EXCO. Saya ingin bertanya tentang hukuman di bawah Enakmen LUAS dan hukuman di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar. Kalau setahu saya hukuman di bawah Enakmen LUAS ini dia hanya melibatkan denda RM3 – 5 ribu macam tu sahaja. Saya juga tidak pasti sama dan hukuman penjara atau tidak tetapi saya pasti semua Akta Parlimen sekiranya kesalahan di bawah Akta ini dianggap sebagai satu kesalahan jenayah dan hukuman yang dikenakan itu boleh mencecah sampai puluhan atau ratusan ribu dan melibatkan hukuman penjara. Saya memohon penjelasan daripada EXCO.

Kedua, berkenaan dengan semalam sebenarnya Semenyih tidak ada di sini tetapi semalam ada disebut bahawa seawal bulan September beliau telah mendapati pencemaran di Sungai Semenyih dan sungai-sungai, anak sungai yang menghubungkan sungai Semenyih dan beliau telah pun bersama-sama Pegawai daripada Alam Sekitar untuk meninjau keadaan persekitaran. Soalan saya adakah itu satu perbuatan yang betul atau tidak sekiranya pencemaran yang berlaku ini tidak dilaporkan kepada LUAS, tidak dilaporkan kepada Kerajaan Negeri, malahan kalau tidak dilaporkan kepada Polis untuk tindakan susulan. Adakah ini sesuatu perbuatan yang betul?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Kampung Tunku. Soalan pertama iaitu adakah Enakmen LUAS dalam penaltinya termasuk penjara. Di dalam Enakmen LUAS ada, memang ada tetapi kalau denda masa, kalau didapati bersalah dipenjarakan semuanya, Akta Kualiti Alam Sekeliling ada yang lebih komprehensif dan juga lebih tegas. Untuk isu-isu..

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Soalan?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Boleh saya habiskan dahulu? Untuk isu-isu seperti kes-kes pencemaran yang berlaku yang kononnya ditangani oleh YB Semenyih dan juga wakil Jabatan Alam Sekitar, saya memang tidak dimaklumkan cuma ada satu kes beberapa minggu yang lalu di mana kita telah mendapati ada pencemaran. Satu, daripada IWK, satu loji air IWK dan satu adalah satu kilang tapi namun begitu kita dapat menyelesaikan perkara ini, ini Lembaga Urus Air Selangor dan juga masa itu sebenarnya dilaporkan oleh NGO yang disokong oleh YB Semenyih. Ada satu NGO yang agak bagus walaupun saya tahu mereka semua

orang UMNO tetapi mereka bertungkus-lumus mereka laporkan perkara a,b,c kepada semua pihak dan kita mengambil maklum dan kita menyambut baik apa kegiatan yang dibuat oleh NGO tersebut. Jadi perkara itu tidak melibatkan penutupan Loji Rawatan Air, maka Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Air tidak perlu diaktifkan kerana LRA (Loji Rawatan Air) tidak ditutup. Silakan Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Saya nak tanya Y.B. EXCO sama ada *possibility* kemungkinan kita boleh meminda LUAS supaya kita untuk *cover more ground* Akta Alam Sekitar.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Damansara Utama. Kita boleh pinda, kita boleh tambah Enakmen LUAS asalkan *jurisdiction* nya tidak menenggelami, *there's not drown or cover* Akta Kualiti Alam Sekeliling. *You cannot have a conflict* dengan izin ya, *you cannot have conflict of State and National Law. National Law will prevail.* Sebagai contohnya, *just an example* ya. *Please don't ask any question about it.* Kita ada Enakmen Kebebasan Maklumat di Negeri Selangor tetapi kita tidak boleh berkonflik dengan Akta Rahsia Rasmi (OSA). *So we find a middle ground in between, we fill in the gaps,* kita isikan kekosongan yang berada *then that's how we will be working together.* Yes, silakan Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih. Saya sebenarnya dalam jawapan Y.B. Bukit Lanjan, saya boleh terima daripada pagi tadi pun saya ikuti dan saya boleh terima tetapi penjelasan yang saya buat tadi atau yang saya buat pencerahan tadi kerana saya rasa ada sikap, sikap-sikap yang cuba melagakan, sikap *mislead* yang dibuat oleh Sekinchan dalam ucapan beliau, saya bukan nak berkata, saya bercakap berdepan, contohnya dari segi cuba mengatakan bahawa lewat dari segi Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya sebab sepatutnya apabila LUAS ada di sana tangkapan boleh dibuat, bahan bukti boleh diambil, tak perlu tunggu pagi tapi hubungan baik antara kedua-dua jabatan, boleh menggunakan Akta Kualiti Alam Sekitar untuk membuat pendakwa, itu yang pertama. Yang kedua, saya juga nak sebut mengenai apa yang kalau boleh YB nanti saya nak minta respons, apa yang Sekinchan sebut mengenai Polis tidak bertindak. Saya baca laporan ini kalau boleh kita kongsi bersama la. Mungkin saya ambil sedikit laporan ini menyatakan bahawa laporan Polis oleh Lembaga Air Selangor tidak menyebut saya baca ya, tidak menyebut ada unsur sabotaj dalam kes pencemaran air yang menyebabkan penutupan Loji Rawatan Air Semenyih, tidak ada unsur sabotaj ya. Sebaliknya laporan yang dibuat di Balai Polis Nilai jam 9.30 malam hanya berkaitan pencemaran air, tak menyebut laporan sabotaj ya. Ini laporan daripada oleh Timbalan Ketua Polis Daerah Nilai. Dalam laporan ini juga menyebut bahawa perkara itu disebabkan oleh tumpahan minyak di km45.9 Lebuhraya ELITE Utara, arah utara. Laporan Polis itu berhubung pencemaran air dan bukan mengenai perbuatan sabotaj. Maknanya mengenai tumpahan minyak tidak ada disebutkan langsung sebab itu Polis tidak ada membuka Kertas Siasatan atau pun memanggil saksi tersebut. Hanya laporan yang menyatakan ia hanyalah tumpahan minyak. Jadi

tidak ada menyebut pun fasal mengenai sabotaj. Jadi saya ingat kita tidak boleh lah membuat kenyataan menuduh Polis tidak mengambil tindakan, tidak membuka Kertas Siasatan dan sebagainya. Jadi ini jelas.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Permatang. Sepatutnya kalau nak penjelasan, penjelasan untuk saya bukan memohon penjelasan daripada saya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bukan penjelasan Sekinchan, saya nak betulkan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : No, no. Sila duduk. Ok.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya minta penjelasan EXCO, memang saya nak minta penjelasan EXCO tapi saya nak betulkan kenyataan Sekinchan yang tak betul.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Cuma saya ingin betulkan kenyataan daripada Permatang iaitu khasnya kes yang pertama bulan September kejadian itu sebenarnya berlaku di satu premis yang di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar melalui Akta Kualiti Alam Sekitar, jadi *there is no conflict of law*. Bukan pihak LUAS ataupun Air Selangor, kita mereka sekadar membantu, jadi mereka membantu mengesan tapak-tapak yang bakal mencemar, mungkin mencemar dan sebagainya apabila mendapat bukti tersebut, yang pertamanya mereka menghubungi Pegawai Jabatan Alam Sekitar kerana jelasnya apa yang keluar ataupun *discharged* adalah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling. Keduanya kita tidak sebenarnya kita bukan tidak ada kuasa nak masuk rampas dan sebagainya, bukan senang, kita mesti dapat beberapa agensi untuk membantu jadi pada malam tersebut juga selepas pihak JAS dihubungi, satu laporan Polis juga difailkan oleh pihak LUAS masa itu. Saya tidak ingin sekarang selepas satu mesyuarat yang sangat bagus antara pihak Kementerian Alam Sekitar dan juga pihak Kerajaan Negeri telah diadakan, kita telah selesaikan mungkin isu komunikasi dan kita telah setuju bahawa dari hari ini atau pun minggu lepas kita akan adakan tindakan bersepadu pemantauan bersepadu dan juga siasatan bersepadu supaya kita tidak ada kekeliruan tersebut.

Y.B. Damansara Utama saya ingin *touch* sentuh satu perkara yang baru dibangkit oleh Permatang iaitu kononnya ada pihak Polis tidak mengambil berat laporan Polis yang difailkan oleh pihak LUAS di sebelah Nilai kerana kononnya ada *accident*. Saya ingin menjelaskan dalam Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri atau pun pihak LUAS tidak pernah menafikan ada *accident* kenderaan di lebuh raya tersebut tetapi di tapak di mana sekarang ada kanvas, ada *cordon* dan sebagainya bukan tapak kemalangan. Tapak kemalangan adalah di KM46.2 Nilai ke Shah Alam dan KM46.4 iaitu Elite Highway ke Kuala Lumpur masuk *entrance* nya di PLUS Highway. Tapak

pencemaran yang berlaku, yang terkini masuk Sungai Buah dan sebagainya atau kita panggil *ground zero* adalah di KM45.9. Bila Timbalan Menteri pergi ke sana 2 hari yang lalu, bau bahan pencemar masih kuat. Beliau pun boleh, *what we call he can even smell it them*. Jadi *it's talking again, chicken and you know you talking about apples and oranges*. Kita cakap di sini tapi mereka cakap di sana. Selain daripada itu, saya pun ada.....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Minta penjelasan sikit.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tunggu. Saya pun ada laporan awal. Bahan pencemar yang kononnya yang ada *accident*, yang tertumpah dan sebagainya, *it's glicerine*. Kalau *glicerine*, saya lihat Kampung Tunku. Kita tahu apa jawapannya, *glicerine* tidak ada bau. *It's an odourless chemical*. Jadi kita cuba bantu, kita bukan nak apa-apa. Tapi kita cuba bantu pihak Polis, Jabatan Alam Sekitar, pihak Kementerian dan sebagainya. Kita buat *test*, kajian juga. Semua kita bagi cuma kita tunggulah sekarang. Jadi untuk pihak Polis, tadi yang disebut oleh Permatang kata *accident*. *It is not an accident*. Saya juga ada gambar tapak tersebut. Tak ada kesan *accident* di sana.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasihlah Yang Berhormat EXCO. Apa yang saya bangkitkan ini ialah kalau ada Yang Berhormat menemui 2 bahan bukti sama ada di satu tempat atau pun di dua tempat. Apa yang saya nak bangkitkan penjelasan ini mengenai tuduhan bahawa Polis silap mengambil tindakan. Apa yang jelasnya apa yang dilaporkan oleh pihak LUAS kepada Polis, bukan mengenai apa Yang Berhormat sebutkan tadi ialah di kawasan berlakunya tumpahan minyak di KM45.9 Lebuhraya ELITE. Itu yang dilaporkan oleh pihak LUAS kepada Polis. Itu laporannya. Ok. Kemudian, pegawai itu mendakwa punca pencemaran di Sungai Buah akibat tumpahan minyak hitam dan cecair putih di Lebuhraya itu. LUAS memberi alasan tujuan laporan dibuat kerana agensi itu bertanggungjawab bagi pengurusan sumber air di Selangor. Laporan Polis itu berhubung pencemaran air dan bukan mengenai perbuatan sabotaj. Jadi kita sebenarnya Dewan ini nak bagi *clear* supaya tuduhan mengatakan Polis tidak mengambil tindakan itu tidak betul sebab laporan dibuat ialah mengenai tumpahan minyak di Lebuhraya ELITE. Kalau misalan kata Yang Berhormat tersebut ada di kawasan lain, ada berlaku pencemaran, Yang Berhormat ada sendiri bukti, itu tidak ada laporan Polis. Itu saya boleh terima sebagai bukti yang lain dan harus diambil tindakan atas apa-apa juga Enakmen yang ada. Saya ingat biar betul dari segi direkodkan dalam Dewan ini.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya juga.....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Bagi saya nak bercakap. Yang Berhormat Speaker, saya minta izin untuk membantu Yang Berhormat EXCO. Saya bukan nak minta penjelasan tetapi ini tentang laporan Polis ini kerana dalam konteks laporan

Polis ini saya ada banyak pengalaman hampir dua (2) dekad yang lalu. Sama ada saya buat laporan Polis atau laporan Polis dibuat terhadap saya, ya. Persoalannya ialah apabila LUAS membuat satu laporan Polis adalah menjadi tanggungjawab pihak Polis menyiasat secara keseluruhannya. Sebagai contoh kalau ada satu insiden pembunuhan berlaku, laporan Polis dibuat. Maka Polis akan menyiasat siapa yang bertanggungjawab, apa punca pembunuhan tersebut sama ada jenayah, sama ada punca-punca yang lain.

Jadi dalam konteks ini apabila LUAS membuat aduan kepada Polis tentang berlakunya pencemaran di Sungai Buah, maka tanggungjawab Polis untuk menyiasat sama ada pencemaran itu punca daripada industri, punca daripada jenayah atau ada elemen sabotaj. Tidak semestinya kalau tak ada sebut sabotaj dia tak menyiasat sabotaj. Kalau tak sebut jenayah, dia tak sebut jenayah. Itu bukan tanggungjawab Polis. Belum. Saya beri penjelasan. Saya tidak mewakili PDRM.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak saya.....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya tidak mewakili PDRM tetapi saya nak menyatakan di sini laporan yang dibuat itu sekadar melaporkan ada pencemaran yang berlaku di Sungai Buah. Maka tanggungjawab Polis untuk menyiasat secara total, secara menyeluruh. Bagaimana pencemaran itu berlaku, kalau ada unsur-unsur jenayah atau pun kecuaiian di pihak industri, maka kita boleh ambil tindakan yang selanjutnya. Dan sekarang terbukti apabila kita menyebut ada elemen sabotaj, dan sekarang semua pihak telah mengakui. Saya ingat pihak JAS, Yang Berhormat EXCO telah menyatakan semalam telah mengeluarkan kenyataan memang ada unsur sabotaj dan minta pihak Polis untuk membantu dalam penyiasatan. Jadi saya minta Yang Berhormat Permatang, jangan *limitkan* skop penyiasatan itu hanya kepada apa yang tertera dalam laporan Polis. Sebenarnya Polis ada bidang kuasa yang luas untuk menyiasat mengapa berlakunya punca sesuatu pencemaran atau pun kejadian yang dilaporkan itu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, saya bukan kata nak berdebatlah dengan Yang Amat Berhormat. Polis juga boleh siasatan kes ini ialah kes spesifik. Spesifik sebut tempat. Pegawai LUAS melaporkan berlaku tumpahan minyak di kilometer yang tersebut. Laporan Pegawai LUAS juga menyebut, dia tak menyebut itu adalah sabotaj. Tapi cuma melaporkan. Jadi bila Polis datang ke tempat yang berkenaan. Polis tak perlu nak pergi ke semua tempat. Saya nak tanya kepada Yang Amat Berhormat, apakah tujuan untuk mencari sungai tercemar itu di bawah kuasa Polis? Sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebab apabila sesuatu laporan itu dibuat, saya nak nyatakan sekali tak semestinya Polis hanya menyiasat macam Yang Berhormat hanya apa yang tertera. Ini kes khas. Dalam banyak perkara, tak ada laporan Polis, Polis membuat laporan Polis pun ada. Ya, ini berlaku.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu andaian Yang Berhormat sahaja.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Bukan andaian. Eh, banyak perkara yang kita tak buat laporan Polis. Polis membuat laporan Polis di Balai Polis, disiasat oleh Polis.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya bagi contoh lain la Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jadi kalau sekarang sudah ada kenyataan terbuka yang mengatakan ada elemen dan unsur jenayah, mengapa pihak Polis tidak mahu menyiasat perkara tersebut? Mengapa Yang Berhormat

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak tanya Yang Berhormat?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Mengapa Yang Berhormat Permatang nak mempertahankan Polis sepatutnya Yang Berhormat Permatang mempertahankan keselamatan pengguna dan rakyat di Negeri Selangor.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kita pertahankanlah sebab laporan itu berdasarkan yang itu. Yang Berhormat kena tanya sebab kalau saya buat laporan Polis fasal satu kecurian di rumah saya, apakah Polis kena siasat di rumah jiran saya? Tak perlu. Rumah saya, rumah saya. Kalau sekiranya berlaku di rumah saya, rumah saya. Tak perlulah pergi ke satu kampung ni nak pergi siasat. Jadi Yang Berhormat kena spesifik.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jadi pihak Polis akan menyiasat siapa yang mencuri, apa punca kecurian, siapa yang terlibat, secara menyeluruh.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat pun buat tuduhan umum. Dalam ucapan bajet ni pun Yang Berhormat sebut umum, tak ada sebut spesifik.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebab itu Polis kena menyiasat keseluruhannya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bagi bukti.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sekarang ada pencemaran. Bukti kita boleh bagi bukti di Mahkamah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Nak bagi bukti kepada Polis barulah Polis boleh siasat. Ini cakap umum ada pencemaran, berlaku sabotaj. Macam mana Polis nak buat penyiasatan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tanggungjawab Polis, tanggungjawab Polis menyiasat laporan yang dibuat secara menyeluruh. Polis tidak boleh mengambil sesuatu secara terpinggir atau pun terasing.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ingat Polis tidak ada buat tindakan macam itu Yang Berhormat. Itu tuduhan sahaja.

TUAN SPEAKER : Baiklah, Bukit Antarabangsa, saya minta duduk Permatang. Permatang saya rasa kita tak perlu menjawab bagi pihak IGP di dalam Dewan Negeri Selangor ini bagaimana Polis seharusnya membuat tanggungjawab mereka atau pun bagaimana mereka harus membuat siasatan. Saya rasa Menteri Dalam Negeri boleh jawab perkara ini dalam Parlimen kerana Ahli Parlimen turut ada membangkitkan kes ini di Parlimen. Jadi saya minta Bukit Lanjan terus kepada isu-isu yang telah dibangkitkan mengenai pencemaran di Sungai Semenyih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Itu sahaja Tuan Speaker, berkenaan tentang pencemaran air.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Tuan Speaker.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Silakan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Y.B. EXCO, saya ada pergi itu *ground zero*, memang pagar, jalan semua baik lagi. Adakah Y.B. EXCO bersetuju bahawa apa yang IGP berkata ialah kemalangan memang tidak munasabah. Alasan yang tidak munasabah sebab pagar baik lagi, tempat melimpah bahan-bahan pencemar adalah di *slope* tu. *There is no way, there is a truck go fly the other way.* So, adakah Y.B. EXCO bersetuju bahawa siasatan yang lebih lanjut kena dijalankan oleh IGP.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih, Damansara Utama. Saya tidak akan termakan dengan umpan Bukit Antarabangsa. Saya hanya menggunakan fakta, saya tidak mahu buat andaian. Ada kemalangan, KM46.2 Nilai ke Shah Alam dan KM46.4 Elite Highway ke Kuala Lumpur *entrynya* di PLUS. Tadi saya dah sebut, 46.2... 46.4 *very clear*. Tetapi *ground zero* adalah 45.9, 1 kilometer bezanya dan kesan bukti semua berada di situ. Kita telah dapat laporan awal minggu lepas ada kemalangan, betul. Tetapi bahan yang jatuh atau pun tumpah adalah bahan kimia yang tidak ada bau, *glicerine*. *Glicerine, the structure of glicerine is different Four Bronor Diethyl Ether. It's totally different structure*, dengan izin. *So you can not what we are saying*, dengan izin. *Is that*, pihak Polis perlu siasat dengan lebih mendalam, mula.... bukan saya nak menasihatkan IGP tetapi yang diperlukan

ialah mula dengan mengambil kenyataan dari Pegawai-pegawai LUAS, Pegawai-pegawai Air Selangor yang berada di tapak tersebut. Dari situ baru boleh buat kenyataan atau pun keputusan yang lebih mendalam.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Mohon mencelah sikit, minta penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya tak beri laluan, Tuan Speaker.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya rasalah Yang Berhormat kalau atas dasar untuk Negeri Selangor, oleh kerana ada tuduhan-tuduhan yang diberi. Saya cadangkan tamat sahaja Dewan ini atau pun pada bila-bila masa, Yang Berhormat sediakan bukti, sila buat laporan. Saya sedia mengiringi Yang Berhormat Bukit Lanjan untuk pergi ke Balai Polis yang mana Yang Berhormat pilih, kita akan mengiringi. Sediakan bahan bukti sebab ini untuk rakyat Negeri Selangor.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Yang Berhormat Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya rasa kalau Yang Berhormat betul-betul ada bukti yang kukuh, kuat, yang patut disiasat semula, kita BN bersedia untuk mengiringi Yang Berhormat atau pun Menteri Besar, pergi buat laporan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Yang Berhormat Permatang, kita telah buat laporan Polis. Kita telah buat laporan Polis.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Buat kali yang kedua sekiranya ada bukti yang baru. Kita akan mengiringi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kita bukan macam baju merah buat laporan Polis beratus-ratus. Kita buat satu laporan Polis, itu pun bukan dapat keadilan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jangan cerita lain. Itu jangan timbulkan, itu spesifik.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Buat apa nak buat laporan Polis yang kedua. Apa bezanya? Kita dah, kita dah bagi laporan Polis.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekarang ini dengan iringan Barisan Nasional. Kita bersedia. Bagi bukti. Kalau Yang Berhormat ada bukti, tunjukkan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kita dah bagi laporan Polis. Bukti itu telah diberi kepada Kementerian.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan, ada ramai yang nak mencelah. Bukit Lanjan nak beri laluan kepada siapa?

Y.B. DATO' CHENG TANG KHIM : Saya cuba memberi penerangan dari segi undang-undang macam mana. Sebab mungkin tak faham bagaimana kita buat laporan. Saya bagikan contoh. Kalau kata kita nampak ada orang mati di tepi jalan. Dia mati, kita nampak pisau. Berdarah, jadi mungkin dia bunuh diri, mungkin orang bunuh dia, mungkin kemalangan. Tapi kita tak tahu maka kita buat laporan Polis. Polis yang siasat. Tapi walaupun kita buat laporan Polis, Polis yang siasat. Tapi kita mungkin boleh ada pandangan sendiri. Ini agaknya orang yang bunuh, itu anggapan kita. Polis yang siasat, kenapa suruh kita buktikan ini yang dibunuh orang..... tidak.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat buat contoh kita faham suspek tidak payah tambah lagi dah. Kita faham apa yang Yang Berhormat sebut pun.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Sengaja tak nak faham. Nak cari hal.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya minta tadi boleh iringi

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Masalah...masalah akal

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu yang Yang Berhormat guna cakap kena elok-elok sikit.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Dah jelas

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jangan buat cakap macam itu

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ini akal pendek ini kena panjang sikit

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat boleh ke buat penghinaan macam ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Apa salahnya. Sebab sudah cakap tak nak faham.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya boleh cakap Yang Berhormat pun bila berhujah kurang ajar

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ini gagal

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ini Yang Berhormat dah mulakan

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ini siapa bahasa tu

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat tarik dulu...

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya tidak tarik

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya pun tak akan tarik

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya tidak minta tarik..siapa suruh tarik

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya..Yang Berhormat kena terima

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Itu memberikan gambaran

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kalau macam itu Yang Berhormat kena terima apa yang saya cakap. Saya tidak mahu bergaduh dengan Yang Berhormat petang-petang ini. Saya tidak faham.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ini tak nak faham. Orang tak nak faham ini susah hendak faham kan dia. Orang jahil memang jahil..hal ini susah kita hendak faham kan dia. Orang yang jahil memang jahil..

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Yang Berhormat pun suka tuduh..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Hidup dengan kejahilan itu masalahnya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Nak mesti dewan ini kita mesti betulkan..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Cakap dewan ini..saya faham..saya faham..mentaliti pembangkang

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Jangan tuduh..Sama juga Yang Berhormat pun suka juga..jangan tuduh sama saja.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Sahaja hendak cari publisiti. Besok dah keluar..saya hendak tahu...saya tahu hendak cari hal

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Publisiti sama sahaja.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Nak garang..kita lebih garang lagi..itu sahaja tak payah..duduklah..duduk..duduk. saya teruskan tak payah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Duduk..duduk

TUAN SPEAKER : Baiklah...semua duduk..Bukit Lanjan semua duduk Bukit Lanjan sila habiskan penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Perkara yang terakhir yang saya ingin jawab mengambil sedikit masa adalah perkara berkaitan tentang isu Paya Indah Wetland. Sabar...terlebih dahulu saya ini mengatakan kepada dewan yang mulia ini bahawa isu ini telah berkali-kali dijelaskan sejak bulan Julai 2016. Namun begitu pihak UNMO dan juga kunco-kunconya masih sengaja memberi maklumat palsu. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan saya hendak nyatakan dalam dewan ini sekali lagi Satu Paya Indah Wetland dengan keluasan 450.76 hektar telah digazet sejak 26 Februari 1998. Melalui No. Warta 173 dan warta tersebut masih kekal sehingga kini. Paya Indah Wetland tiada sebarang perubahan zon ini dilakukan.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan Seri Andalas hendak mencela.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya hendak habiskan dulu

Y.B. TUAN Dr. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : *Thats what your said is right.* Saya minta maaf saya ingat kalau Dengkil hendak jawapan saya ingat Permatang kena beritahu kepada Dengkil bahawa kita telah ada sesi SELCAT tertutup di mana Permatang adalah seorang ahli di dalam SELCAT dan kita telah buat siasatan kedalaman dengan semua pegawai-pegawai terutama di dalam negeri dalam siasatan itu. Telah pun keluarkan satu kenyataan. Ini telah selesailah nak dewan nak kembali balik dan hendak buat satu *experesion* yang panjang tak payahlah. Saya minta Dengkil kawan *you* Dato' *sorry* Permatang bahan-bahan itu yang kita telah bincang minta dia

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok. Tuan Speaker. Izin saya mencela. Saya mengakui perkara itu. Saya sebagai Jawatankuasa tapi saya tidak tahu apa yang Dengkil hendak cakap dalam ucapan beliau. Dia ini macam mana Dengkil..biar dia mendapat jawapan daripada Dewan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Saya minta EXCO turut serta

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kali ini saya sokong Permatang.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Semalam dalam perbahasan saya..saya minta EXCO turut serta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Baiklah..Bukit Lanjan duduk dulu. Saya hendak membetulkan fakta Seri Andalas. Bukan pendengaran tertutup itu adalah satu taklimat daripada pegawai kerajaan dan saya rasa Bukit Lanjan tak perlu buang masa tentang isu Paya Indah Wetland kerana perkara yang dibangkit oleh Dengkil perkara itu fail itu laporan itu telah dibuat MACC, jadi saya biar MACC siasat Paya Indah Wetland ataupun apa-apa salah laku Dengkil bangkitkan semalam ya sekarang Bukit Lanjan ada lagi tak penjelasan. Kalau tidak saya hendak minta Menteri Besar.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Itu sahaja Tuan Speaker. Cuma saya hendak satu perkara, walaupun ada kaitan dengan Paya Indah Wetland tetapi tiada kaitan tentang MACC yang saya belum dapat maklumat iaitu saya ingin maklumatkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Paya Indah Wetland Jawatankuasa induk Paya Indah Wetland yang terdiri daripada pihak teknikal ke agensi wakil Kerajaan Negeri wakil Kementerian Alam Sekitar dan sebagainya. Ada seorang ahli politik yang duduk dalam jawatankuasa induk tersebut Yang Berhormat Dengkil. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Saya baru tahu ni..saya dilantik apa..dalam..paya indah tak ada maklumat tak ada surat..tak ada apa-apa..ini satu penghormatan yang besar kepada Dengkil.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ia ada di dalam (MOU) Kesefahaman

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kalau saya dilantik sebagai apa..sebagai Penguasa..Penguasa Paya Indah Wetland. Oooo *power* tu..tapi ini satu perkara yang baru Tuan Speaker saya minta kalau boleh diberi saya secara bertulis dan *Insyallah* walaupun jawatan sukarela saya akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik. Lebih-lebih lagi

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Jawatankuasa Induk Paya Indah Wetland.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Lebih-lebih lagi untuk

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Disain oleh semua pihak bahawa antara anggota ataupun wakil dalam jawatankuasa tersebut adalah Adun daripada Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Terima kasih..terima kasih banyak..bagi saya apa ni secara tawaran itu secara bertulis saya tidak tahu yang ingin juga boleh juga nanti saya *fail* sebab ini kawasan saya. Kawasan pelancongan

supaya Kerajaan Negeri bersama-sama dengan jawatankuasa PERHILITAN juga boleh menaikkan kawasan tersebut tak kan nak bagi Sekinchan, Sekinchan, Sekinchan, kan Paya Indah Wetland

TUAN SPEAKER : Baiklah Dengkil..Dengkil tolong duduk.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Saya hendak tanya fasal semalam boleh tak Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Saya dah kata isu *whatApp* semua biar MACC siasat, saya tak nak buang masa kat sini. Kita bukan CI kita bukan MACC kita bukan Polis. Kita semua buang masa bahas bagaimana mereka menjalankan tugas mereka.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Jadi saya akur dengan Tuan Speaker biasa MSCC siasat.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Dengkil. Bukit Antarabangsa.

Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya tidak berhasrat untuk berdiri 2 jam lagi bagi menggulung perbahasan pada petang ini. Saya sekadar ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada 28 Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2017 Negeri Selangor. Dan saya yakin pandangan dan maklum balas daripada Y.B. Ahli-Ahli Dewan Negeri ini sama ada di sebelah kerajaan mahupun di sebelah pembangkang adalah dengan satu tujuan iaitu untuk membangunkan bangsa memakmurkan negeri. Cabaran seterusnya ialah pelaksanaan untuk menjamin pelaksanaan yang efektif dan memberi kesan langsung kepada rakyat. Pelaksanaan agenda pembangunan dalam Belanjawan 2017 akan memelihara 3 cabang utama prinsip kebertanggungjawaban. Jawapan yang telah saya kupas dengan panjang lebar dalam pembentangan Belanjawan 2016 yang lalu. Di mana prinsip kebertanggungjawaban yang pertama disebut *Ex ante Accountability* di mana perbelanjaan mesti dirancang dengan rapi mengikut keutamaan dasar dan unjuran bertanggungjawab. Inilah yang sedang kita laksana pada hari ini. Sebelum pembentangan dibuat kita rancang melalui proses temu-tembung konsultasi dengan *stakeholders*. Kemudiannya diteliti oleh pegawai-pegawai di peringkat Perbendaharaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi sebelum di bentang, di bahas dalam minggu ini. Prinsip yang kedua yang kita sebut sebelum ini sebagai *concurrent Accountability* di mana kita akan memantau proses pelaksanaan belanjawan dan prinsip yang ketiga *Ex post Accountability* di mana Dewan Negeri mempunyai peranan penting untuk memastikan eksekutif melaksanakan belanjawan dengan berhemat dengan pencapaian yang produktif. Sebagai contoh cadangan yang bernas oleh Y.B. Damansara Utama supaya aktiviti dan penyata MBI diaudit. Sukacita saya memaklumkan ia telah pun mula dilaksanakan pada 2015 oleh Jabatan Audit Negara bagi penyata kewangan MBI yang berakhir 31 Disember 2012.

Dan selain itu MBI mengambil insentif untuk melantik firma audit luar bagi tujuan yang sama. Y.B. Kajang telah mengingatkan satu perkara penting untuk Kerajaan Negeri berhubung isu *Capitation Grant*. Untuk makluman Kajang ia memang diberi mengikut bilangan penduduk sebagai contoh pada tahun 2014 RM64.3 juta telah diterima dan meningkat kepada RM72.1 juta pada tahun 2015 sejajar dengan peningkatan jumlah penduduk. Y.B. Kajang juga telah bertanya kepada Kerajaan Negeri berhubung isu peruntukan tahunan 2017 kepada LUAS sebanyak RM2 juta dan menganggap peruntukan tersebut tidak cukup untuk menangani perkara-perkara di luar jangka terutama berkaitan isu air mentah. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan sebanyak RM2 juta ini adalah bertujuan untuk melaksana projek-projek pembangunan bagi meningkat pengurusan sumber air yang mampan. Selain peruntukan tersebut, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan sejumlah RM17 juta lagi bagi tahun 2017 bagi tujuan Projek Pengepam Air Kolam Pembenihan Awam yang juga di kendali oleh pihak LUAS. Pada masa yang sama untuk peruntukan bagi kecemasan disediakan di bawah pengendalian Perbendaharaan Negeri Selangor dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan akan disalurkan kepada pihak LUAS jika ia berkaitan dengan perkara yang melibatkan dengan sumber bekalan air. Y.B. Batang Kali telah membangkitkan Rizab negeri hari ini adalah hasil usaha kerajaan Barisan Nasional terdahulu kononnya. Tuan Speaker, rekod Kerajaan Negeri membuktikan bahawa antara tahun 1999 sehingga 2007 rizab negeri telah merosot sebanyak 22.6% dari RM1.79 bilion kepada RM1.38 bilion. Ini bermakna dalam tempoh 9 tahun berkenaan rizab Kerajaan Negeri telah berkurang sebanyak RM405 juta. Ini sama sekali berbeza rekod yang dicatatkan sepanjang pentadbiran Pakatan Rakyat mulai tahun 2008. Pada tahun 2008 rizab negeri adalah sebanyak RM1.43 bilion Rizab ini terus melonjak kepada RM3.62 bilion pada 2016 atau 153.4% yakni lonjakkan sebanyak RM2.19 bilion. Inilah kejayaan tadbir urus Kerajaan Negeri yang cemerlang berpaksikan integriti, akauntabiliti, terbuka dan ketelusan. Y.B. Sekinchan membangkitkan isu pindaan *zoning* daripada pertanian (tanaman padi) kepada pembangunan bercampur di tepi Jalan Persekutuan 5 berhadapan dengan Bernas di Sekinchan. Untuk makluman, pihak Majlis Daerah Sabak Bernam telah melaksanakan pindaan *zoning* daripada pertanian kepada pembangunan bercampur melalui rancangan tempatan 2025 yang telah diwartakan melalui No. Warta 3720 tarikh pada 8 Oktober 2015. Semasa pelaksanaan pindaan *zoning* tersebut proses pendengaran awam telah diadakan selama tempoh 2 bulan. Namun tiada sebarang bantahan yang diterima. Pindaan juga telah mendapat ulasan dari semua jabatan teknikal persekutuan dan negeri serta pemimpin setempat. Pindaan *zoning* ini adalah bertujuan untuk memajukan Daerah Sabak Bernam. Melibatkan tanah berpotensi yang terletak di tepi Jalan Persekutuan 5. Walaupun *zoning* kawasan tersebut telah berubah Pihak Berkuasa Negeri masih boleh mengawal pembangunan bagi menjaga kelestarian dan kehijauan di kawasan tersebut melalui kelulusan tukar syarat tanah berdasarkan Seksyen 108 dan Seksyen 124 Kanun Tanah Negara 1965. Selain daripada itu Pihak Berkuasa Tempatan juga telah membuat kawalan perancangan dari segi keluasan lot yang hendak dibangunkan mengikut lot-lot dibenarkan sahaja bagi memastikan

penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur dapat diselaraskan melalui kelulusan pihak berkuasa perancang di bawah Akta 172. Untuk makluman Yang Berhormat Sekinchan, pihak Majlis Daerah Sabak Bernam telah menerima permohonan merancang bagi cadangan pembangunan perumahan melalui serah balik dan beri milik semula tanah di bawah Seksyen 204B di atas P.T. 4109 Pekan Sekinchan daerah Sabak Bernam oleh Tetuan Empat Segi Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun Pentadbir Tanah Sabak Bernam telah menyatakan ulasan tidak menyokong permohonan ini. Selari dengan ulasan Jabatan Pertanian Daerah Sabak Bernam kerana ia akan mengecilkan keluasan tanaman padi. Walaupun jumlah keluasan tanah ini kecil tetapi ia menyumbang kepada keperluan makanan negara.

Yang Berhormat Sekinchan juga telah bertanya tentang insentif Kerajaan Negeri berhubung pemilik bangunan kedai lama di Sekinchan untuk menyambung tempoh pajakan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa menjaga kebajikan semua rakyat di Negeri Selangor termasuk penduduk dan peniaga di kampung. Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan, mesyuarat MMKN Bil. 31/2016 pada 21 September 2016 telah meluluskan insentif khas kepada pengusaha di kawasan luar bandar yang menjalankan perniagaan di atas bangunan lama. Insentif khas ini dilaksanakan melalui Skim Lanjutan Tempoh Pajakan bagi aktiviti perniagaan yang dijalankan di atas bangunan lama di kawasan luar bandar. Insentif ini akan membantu para peniaga luar bandar yang kurang berkemampuan untuk menjelaskan premium yang ditetapkan semasa kelulusan melanjutkan tempoh pajakan menerusi pengubahsuaian kepada kaedah pembayaran premium. Untuk makluman, 3 kaedah pembayaran premium yang akan dilaksanakan di bawah skim khas ini berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 3/2016 yang berkuat kuasa 25 Oktober 2016 seperti berikut, kaedah pertama – Bayaran premium nominal RM10,000.00 per hak milik dan sekatan khas akan dikenakan iaitu hartanah tidak boleh dijual selagi bayaran khas tidak dijelaskan mengikut pengiraan premium biasa. Cadangan bayaran RM10,000.00 ini adalah 10 kali lebih tinggi daripada skim kediaman iaitu RM1,000.00 mengambil kira status perniagaan yang dijalankan berbanding kediaman. Pengenaan 10 kali lebih tinggi juga selaras dengan kadar perbezaan purata di antara cukai kediaman dan perniagaan mengikut kaedah tanah Selangor. Kaedah yang kedua, pemberian diskaun 30% jika dibayar sekali gus dalam tempoh 6 bulan yang bertujuan memberi galakan kepada pemohon supaya menyelesaikan bayaran premium dengan kadar segera seperti mana insentif yang diberikan dalam skim pemberimilikan bagi tujuan bangunan kediaman. Dan kaedah yang ketiga, pengurangan tempoh pajakan daripada 99 tahun kepada 60 tahun di mana pengurangan ini, menyebabkan jumlah premium yang perlu dibayar berkurang sebanyak lebih kurang 40%. Pengurangan tempoh pajakan ini boleh diluluskan oleh Pentadbir Tanah melalui Pekeliling PTGS Bil. 4 Tahun 2003. Maka, masalah pengusaha yang menjalankan perniagaan di atas bangunan lama ini telah diselesaikan atas saranan yang cukup baik dari Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih.

Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI : Yang Berhormat Morib. .Ya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, saya nampak 3 pilihan yang diberi kepada lot komersial ini adalah amat baik. Adakah ia juga akan diberi kepada pemilik di kawasan bandar seperti Petaling Jaya. Maklumlah di kawasan Petaling Jaya Old Town, ramai pengusaha menghadapi situasi yang perlu memperbaharui tanah pajakan mereka?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Oleh sebab Yang Berhormat Bukit Gasing tidak memohon, maka kita tidak pertimbangkan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Amat Berhormat, saya ada beberapa surat yang telah ditulis kepada Yang Amat Berhormat dan juga perkara ini telah saya bangkitkan di dewan beberapa kali.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ya, betul. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Sebenarnya, seperti yang saya sebut tadi, skim ini *applicable* kepada semua pengusaha di bangunan lama yang akan dikenal pasti oleh pihak berkuasa masing-masing. Yang Berhormat Morib telah membangkitkan isu pemberimilikan tanah. Untuk makluman Yang Berhormat Morib, pada 18 November 2015, Pentadbir Tanah Kuala Langat telah menerima permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah kerajaan ke atas Lot 362 P.T. 1 di kawasan pekan Banting, bandar Banting, seluas lebih kurang 339 meter persegi daripada Rozana Bt Haji Kamaruzaman dan 4 pemohon yang lain iaitu Mohd Shariff Bin Mohd Ali, Siti Sa'adah Bt Kassah, Soherny Bin Sabri dan Mohd Amrion Bin Junaidi. Untuk makluman Yang Berhormat, MMKN Bil. 32/2016 bertarikh 28 September 2016 telah pun menimbangkan permohonan ini dan meluluskan permohonan kepada kesemua 5 pemohon tersebut. Pejabat Pentadbir Tanah Kuala Langat akan mengeluarkan Borang 5A kepada kelima-lima pemohon tersebut setelah penilaian daripada JPPH diterima. Yang Berhormat Kinrara ada membangkitkan isu pemberian lesen pendudukan sementara kepada satu syarikat bagi bertujuan menara telekomunikasi. Untuk makluman Yang Berhormat, Pentadbir Tanah Petaling telah menerima sebanyak 227 tapak permohonan LPS bagi tujuan menara telekomunikasi bagi tahun 2016. Daripada jumlah ini sebanyak 199 tapak permohonan sedang diproses dan sebanyak 28 tapak permohonan telah ditolak memandangkan permohonan tidak lengkap dan tidak mendapat sokongan dari jabatan teknikal. Kelulusan LPS untuk Stealth Solutions Sdn. Bhd. telah dibuat dalam mesyuarat MTES Bil. 21/1/2016 yang telah disahkan oleh MMKN Bil. 3/2016 pada 20 Januari 2016. Permohonan ini melibatkan 18 tapak yang dipohon untuk tujuan pendirian menara estetik dwi-fungsi iaitu menara telekomunikasi dan lampu limpah di dalam kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya. Pentadbir Tanah Petaling mengangkat permohonan ini ke mesyuarat EXCO MTES memandangkan kesemua jabatan teknikal menyokong permohonan ini dan

mematuhi prosedur yang ditetapkan melalui Pekeliling PTGS Bil. 4/2015. Permohonan ini turut mendapat sokongan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia setelah pemohon mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya tersebut. Pentadbir Tanah masih memproses permohonan yang diterima dan permohonan akan diangkat kepada Mesyuarat EXCO-MTES setelah permohonan lengkap dan mendapat sokongan daripada jabatan teknikal.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Mohon menceleh. Saya ingin tanya Kerajaan Negeri adakah pandangan daripada atau cadangan daripada penduduk akan diambil kira. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Kinrara. Dalam keadaan dan amalan yang biasa dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini, *engagement* ataupun temu tembung untuk semua agenda pembangunan perlu mengambil pandangan dan maklum balas daripada penduduk sebab itu, dalam konteks permohonan LPS bagi tujuan menara telekomunikasi ini ada kemungkinan ia akan memberi kesan kepada kesejahteraan penduduk di kawasan yang terlibat, maka saya ingin mengingatkan pihak PBT supaya pandangan dan maklum balas daripada penduduk dan juga wakil penduduk melalui RS itu perlu diambil kira dalam menimbang permohonan yang diterima. Yang Berhormat Kampung Tunku telah membangkitkan isu tunggakan cukai tanah sehingga 30 September 2016 berjumlah RM356 juta dan mengatakan ada tunggakan yang telah melebihi tempoh 20 tahun. Yang Berhormat meminta Kerajaan Negeri untuk menangani penunggak tegar dan mencadangkan tindakan rampasan tanah ke atas penunggak yang tidak mahu membayar cukai tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri memandang serius isu tunggakan cukai tanah dan khususnya bagi tunggakan cukai tanah yang melebihi tempoh 5 tahun. Kerajaan Negeri sentiasa merancang strategi bagi menangani isu tunggakan cukai tanah dan memantau isu ini secara *collective efforts* melalui Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil Dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di peringkat negeri yang dianggotai oleh Bahagian Pengurusan Hasil Perbendaharaan Selangor, Unit Hasil semua Pejabat Daerah dan Tanah dan PTG Selangor dan Bahagian Pendaftaran PTG Selangor serta Bahagian Teknologi Maklumat.

Di antara usaha yang telah dilaksanakan untuk menggempur penunggak tegar ini, adalah pertama, Operasi Kutip Cukai Tanah Tahunan dengan kaedah menjejaki pemilik tanah yang berkenaan, menasihati dan memberi amaran melalui surat peringatan kepada mereka untuk melaksanakan tanggungjawab menyelesaikan tunggakan cukai tanah. Kedua, menerima bayaran cukai tanah secara ansuran. Ketiga, memberikan pengurangan fi tunggakan atau denda lewat bagi yang layak. Keempat, tindakan perampasan jika pemilik tanah gagal menjelaskan cukai tanah tertunggak. Kelima, membuka kaunter kutipan luar dengan menambah saluran kutipan cukai tanah melalui van kaunter hasil bergerak dan keenam, menambahkan saluran dan kaedah pembayaran secara atas talian, (*online*), dan menerima bayaran

cukai tanah di kaunter PBT. Pentadbir Tanah melalui Seksyen 97 KTN boleh mengeluarkan notis tuntutan melalui Borang 6A dan diserahkan kepada pemilik tanah atau pihak yang berkepentingan terhadap tanah tersebut. Notis 8A iaitu perampasan tanah akan dikeluarkan selepas tamat tempoh Notis 6A. Pelaksanaan kesemua prosedur ini perlu dibuat dengan teliti dan rapi bagi memastikan bahawa tindakan perampasan ini adalah mengikut undang-undang. Proses undang-undang ini mengambil masa yang menyebabkan berlakunya kelambatan dalam proses perampasan tanah kepada penunggak tegar. Selain membuat tuntutan ke atas penunggak tegar, tunggakan cukai tanah juga berpunca daripada isu-isu hak milik bermasalah. Ia diatasi dengan melaksanakan perkara-perkara berikut. Pertama, mengenal pasti hak milik bermasalah yang menjadi punca tunggakan cukai tanah agar tindakan susulan dapat diambil. Antara punca tunggakan cukai tanah adalah pindah milik belum disempurnakan. Syarikat atau pemaju telah digulung dan dibubarkan, bangunan berbilang tingkat bermasalah dan tiada permohonan hak milik strata, hak milik dalam proses pembatalan geran kerana telah diserahkan atau bertindih, hak milik projek terbengkalai dan sebagainya.

PTG Selangor telah mewujudkan *focus group* yang membuat semakan dan membuat proses pembatalan geran ke atas hak milik yang bermasalah yang telah diserahkan atau bertindih dan menyebabkan tunggakan cukai tanah. Perbendaharaan dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah dan PTGS telah mengadakan bengkel penyelesaian hak milik bermasalah dan syarikat digulung dan dibubarkan dengan menyediakan Prosedur Kerja atau SOP yang seragam bersama Jabatan Insolvency Selangor dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. PTG Selangor akan menyediakan Kertas Cadangan Pelaksanaan Kadar Cukai Petak dan Pengenaan Fi Cukai Petak bagi pembangunan berstrata ke atas Kaedah-kaedah Hak milik Strata Negeri Selangor selaras dengan pindaan Akta Hak milik Strata Pindaan 2016 bagi semua daerah di Negeri Selangor dijangka diangkat di Mesyuarat MMKN pada penghujung tahun 2016. Ia dijangka berkuatkuasa pada 1 Januari 2018 bagi memberi ruang kepada Negeri Selangor membuat persediaan pungutan data.

Yang Berhormat Kampung Tunku juga membangkitkan berlakunya penurunan jumlah wang tunai dari RM733.64 juta pada tahun 2008 kepada RM234.95 juta pada tahun 2015. Untuk makluman Yang Berhormat penurunan jumlah wang tunai tersebut adalah selaras dengan peningkatan pelaburan ataupun deposit dalam negeri iaitu RM90 juta pada tahun 2008 kepada RM2.217 bilion pada tahun 2015. Pelaburan ke atas lebih tunai Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor dilaksanakan berdasarkan Peruntukan-peruntukan Seksyen 8 (1), Seksyen 8(3)(b) dan Seksyen 8 (4) Akta Tatacara Kewangan 1957 Kerajaan Negeri juga mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri bagi menguruskan lebih tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum. Rizab Tunai Negeri dilabur dan disimpan dalam instrumen kewangan yang memberi pulangan tetap di bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Yang Berhormat daripada Selat

Klang mencadangkan supaya peruntukan MARRIS berjumlah RM372 juta bagi memperbaiki jalan perbandaran dapat digunakan juga untuk memperbaiki jalan industri. Yang Berhormat Selat Kelang menarik perhatian Dewan bagi kerosakan jalan Pelabuhan Kelang North Port yang perlu dibaiki segera. Untuk makluman Yang Berhormat Selat Klang peruntukan MARRIS berjumlah RM372 juta yang diperuntukkan kepada 12 PBT boleh juga digunakan untuk memperbaiki jalan di kawasan industri yang didaftarkan sebagai Jalan Perbandaran dalam Sistem MARRIS Online. Namun Jalan Pelabuhan Klang North-Port yang dimaksudkan Yang Berhormat didapati bukan jalan negeri sebaliknya jalan tersebut merupakan Jalan Persekutuan (FT3103) yang berada di bawah tanggungjawab Persekutuan. Yang Berhormat Bukit Gasing mencadangkan kontraktor *standby* untuk pembaikan MARRIS bagi kerosakan yang memerlukan pembaikan segera agar kerja-kerja dapat di buat dalam tempoh satu minggu. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan kaedah penyelenggaraan secara kontrak jangka panjang atau konsesi bagi sebahagian kerja pembaikan di bawah JKR Selangor khususnya untuk jalan-jalan Negeri. Cadangan ini akan dikaji kesesuaian pelaksanaan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan khusus untuk Jalan-jalan Perbandaran. Yang Berhormat daripada Damansara Utama dan Yang Berhormat Sekinchan telah bertanya kepada Kerajaan Negeri berhubung isu status pembayaran hutang KDEB kepada Kerajaan Negeri. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, MMKN telah beberapa kali membincangkan perkara ini dan bersetuju untuk memberikan lanjutan untuk penyelesaian pembayaran hutang KDEB kepada Kerajaan Negeri dilanjutkan sehingga 15 Disember 2016. Lanjutan ini di perlukan kerana pihak Kerajaan Negeri perlu memperoleh satu nilai semula ke atas Nilai Aset Kumpulan Hartanah Selangor Berhad di Pulau Indah supaya mendapat nilai terbaik terhadap aset berkenaan. Penilaian daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) telah pun dilaksanakan dan Kerajaan Negeri yakin transaksi ini akan dapat diselesaikan pada bulan Disember 2016 ini. Yang Berhormat daripada Pelabuhan Klang telah membangkitkan sekali lagi isu air dan Perkhidmatan Industri Air di Negeri Selangor. Sekali lagi saya ingin menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini pentadbiran hari ini tidak mahu mengulangi amalan yang lalu. Pentadbiran sebelum ini menyatakan bahawa nilai tawaran pengambilalihan ke atas SPLASH adalah sebanyak 250 juta ringgit. Inilah angka yang di war- warkan seantero dunia. Namun orang yang sama tidak pernah memaklumkan kepada Dewan ini berkenaan tawaran yang dibuat kepada SPLASH melalui surat bertarikh 25 Jun 2009 dan seterusnya surat bertarikh 19 Julai 2009 yang menawarkan RM2.975 bilion kepada SPLASH dengan pecahan seperti berikut. Nilai ekuiti sebanyak RM1.579 bilion ringgit dan nilai liabiliti sebanyak RM1.396 bilion. Ini adalah tawaran yang di buat oleh pentadbiran ketika itu kepada SPLASH yang berjumlah RM2.975 bilion secara bertulis.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Yang Berhormat, saya nak minta ulangkan sikit angka tadi. Saya tidak sempat ambil catitan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tawaran yang dibuat kepada SPLASH melalui surat bertarikh 25 Jun 2009 dan seterusnya surat bertarikh 19 Julai 2009 yang menawarkan 2.975 bilion ringgit kepada SPLASH dengan pecahan seperti berikut. Nilai ekuiti sebanyak RM1.579 bilion dan nilai liabiliti sebanyak RM1.396 bilion. Ini adalah tawaran yang di buat oleh pentadbiran ketika itu kepada SPLASH yang berjumlah RM2.975 bilion secara bertulis. Berdasarkan tawaran pentadbiran 2009 ketika itu pihak SPLASH telah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri untuk menerima tawaran bernilai RM2.975 bilion. Apabila Kerajaan Negeri menawarkan sejumlah RM2.975 bilion kepada SPLASH, SPLASH telah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri menerima tawaran tersebut. Persetujuan SPLASH untuk menerima tawaran Kerajaan Negeri pada 2009 juga telah dimaklumkan kepada KETTHA melalui surat bertarikh 15 Oktober 2009. Pentadbiran sebelum ini juga mewawarkan kepada bahawa tawaran kepada semua pemegang konsesi dibuat berdasarkan kepada kaedah *Return On Equity* (ROE) sebanyak 12%. Inilah peratusan yang dipamerkan di seluruh dunia bahawa pentadbiran ketika itu boleh membayar hanya ROE pada kadar 12% namun.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya ada satu sebab saya ingat itu semua itu terlibat dalam isu ini kalau katakan tahun 2009 saya nak minta Dato' Menteri Besar adakah rekod mana-mana di MMKN ini telah pun di bincang ataupun telah diberi tahu kepada MMKN pada waktu itu tentang surat ataupun harga yang di tawarkan kepada SPLASH pada waktu itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Mengikut rekod kita pada tahun 2009 Yang Berhormat Sri Andalas adalahlah salah seorang EXCO pada ketika itu jadi apakah Yang Berhormat sebagai Ahli MMKN telah meneliti kertas tersebut dan bersetuju dengan angka yang saya sebut tadi.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Apa yang saya katakan sebagai Exco pada waktu itu tawaran itu tidak diberi tahu pada MMKN. Tidak dibentangkan dalam MMKN yang kita tahu sahaja yang anggaran yang RM2.975 bilion.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebab itu saya nak letakkan rekod ini secara terang dan jelas dalam Dewan ini supaya kita dapat meneliti perkara ini secara jujur dan tidak diselindungi dengan perkara-perkara yang lain. Pentadbiran sebelum ini juga seperti saya kata menawarkan tawaran kepada semua pemegang konsesi di buat berdasarkan kaedah *Return On Equity* sebanyak.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya minta penjelasan sikit ya Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak rujuk kepada soalan yang ditimbul oleh Andalus tadi. Sekiranya tawaran itu mungkin dikeluarkan sebagai sifat sebagai jawatan dan tidak ada rujukan di MMKN apakah itu boleh di anggap sebagai satu tawaran yang sah yang boleh diterima oleh kerajaan sebagai satu *evidence* lah menunjukkan perkara itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Permatang saya bangkitkan perkara ini kerana saya menekuni dan meneliti perbincangan Yang terhormat Pelabuhan Klang semalam. Yang memulakan perbincangannya dengan mengatakan kita perlu jujur dan ikhlas.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Telus.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kita kena telus. Kita kena memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Apa yang saya nak tegaskan sini bahawa semua tawaran yang dibuat ini tidak melalui MMKN dan tidak dimaklumkan kepada MMKN jauh sekali dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Secara sulit tawaran telah dibuat secara bertulis kepada pihak SPLASH dengan jumlah tawaran RM2.975 bilion. SPLASH telah menjawab dan menerima tawaran tersebut dan SPLASH juga memaklumkan kepada KeTTTHA tentang persetujuan penerimaan tawaran tersebut sama ada perkara ini menepati peruntukan undang- undang. Bagi saya yang saya nak jawab perbincangan Pelabuhan Klang adalah soal ketelusan. Soal *our moral obligation* sebagai seorang Ketua Negeri yang harus menggunakan Dewan ini untuk melaporkan tentang tindakan-tindakan yang perlu diambil. Sebab itu lanjutan daripada itu semua perbincangan dan cadangan untuk pengambilalihan Syarikat SPLASH ini saya bawa dalam semua perbincangan di peringkat MMKN kerana saya sebut tadi saya tidak mahu mengulangi amalan yang lalu. Perkara yang kedua.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya minta penjelasan sikit. Memandangkan saya tidak reti satu tuduhan Yang Berhormat buktikan dengan surat saya ada dua persoalan sama ada yang pertama apakah Pelabuhan Klang boleh dirujuk atau sedia dirujuk kepada Jawatankuasa SELCAT untuk memberi penjelasan dan yang kedua saya nak tanya kepada Yang Amat Berhormat sama ada untuk tawaran yang akan datang kepada SPLASH Yang Amat Berhormat akan sedia bantangan dalam Dewan ini untuk tujuan perbincangan dalam Dewan ini sebelum apa-apa di buat oleh MMKN.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sama ada Yang Berhormat Pelabuan Klang akan dirujuk atau tidak itu bidang kuasa Dewan yang saya tidak akan *encroach* ataupun mencerooboh tetapi.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tetapi pihak kerajaan boleh cadangkan sekiranya mahu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya tidak ada cadangan pada ketika ini untuk mencadangkan kepada Dewan kerana bagi saya ruang ini adalah untuk menjelaskan memberikan fakta sahaja untuk pertimbangan Dewan. Yang kedua saya telah nyatakan tadi semua cadangan dan perbincangan tentang pengambilalihan Syarikat SPLASH ini saya bawak dalam MMKN dan Ahli-Ahli MMKN ada di sini kita telah saya ingat berkali-kali untuk meneliti perkara tersebut dan apabila perkara ini telah di cadangkan oleh MMKN saya bersedia untuk membahaskan perkara ini di dalam Dewan Negeri. Yang Berhormat Speaker saya juga nak menyentuh perkara ROE tadi saya belum habis. Kerana pentadbiran sebelum ini menjanjikan Syarikat-syarikat Pemegang Konsesi ini akan dibayar ROE 12%. 12% tetapi orang yang sama gagal untuk menyatakan bahawa Puncak Niaga Sendirian Berhad menerima tawaran tambahan sebanyak RM577 juta selain 12% ROE yang meliputi pertama, kesemua hartanah Puncak Niaga Sendirian Berhad dipindah milik semula kepada Puncak Niaga Holdings Berhad tanpa sebarang kos termasuk Ibu Pejabat SYABAS dan tanah-tanah semua diserahkan *all non water assets* di serahkan balik kepada Puncak Niaga Holdings Berhad. Ini satu perkara yang tidak dibincangkan. Kedua segala urusan niaga bukan air seperti *Oil and Gas* dipulangkan kepada Puncak Niaga Holdings Berhad tanpa sebarang kos dan yang ketiga *sittercompany balances* yang Puncak Niaga Sendirian Berhad dan Puncak Niaga Holdings Berhad dilupuskan dan ini menjadikan jumlah tambahan sebanyak RM577 juta ringgit di serahkan balik kepada Puncak Niaga.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih. Yang Berhormat saya nak tanya mengenai tentang *non water asset* sama ada sewaktu pengambilan di buat sama ada itu termaktub di dalam perjanjian konsesi atau dia memang aset yang dibina diperolehi oleh Puncak Niaga sendiri sewaktu urusan niaga beliau urusan niaga yang di jalankan sebab itu perlu dijelaskan supaya kalau dia adalah aset syarikat dia bukannya aset bukan dalam perjanjian saya rasa memang berhak syarikat berkenaan untuk menerima *non water asset* ini untuk dikekalkan kepada syarikat asal jadi saya nak penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Permatang, kaedah yang diguna pakai untuk mengambil alih Syarikat Puncak Niaga Sendirian Berhad dan juga SYABAS ketika itu menggunakan kaedah pengambilan Ekuiti. Apabila kita mengambil ekuiti syarikat tersebut membeli syarikat tersebut, kita akan *absorb liability* dan semua aset-aset syarikat yang berkenaan. Sebab itu tadi dalam pembentangan saya, saya memecah kepada dua komponen. Nilai ekuiti saja

RM1.579 bilion dan liabiliti syarikat ini sebanyak RM1.396 bilion. Maknanya kita kena ambil semua aset dan juga liabiliti syarikat yang berkenaan. Tapi mengapa sebahagian daripada aset itu dipulangkan kepada syarikat yang berkenaan menyebabkan syarikat berkenaan mendapat tawaran tambahan sebanyak RM577 juta. Sehubungan dengan itu, nilai sebenar pengambilalihan Puncak Niaga Sdn Bhd pada hakikatnya adalah sebanyak RM1.7 bilion dan sekiranya jumlah tersebut diterjemahkan kepada *return on equity* maka ROE yang dinikmati oleh Puncak Niaga Holdings Berhad adalah 33% dan bukannya 12% seperti yang diwar-warkan oleh Yang Berhormat Pelabuan Klang. Berdasarkan kepada nilai tawaran tambahan yang diterima oleh Puncak Niaga Holdings Berhad, jumlah tawaran sebenar kepada Puncak Niaga Holdings Berhad untuk pengambilalihan Puncak Niaga Sdn Bhd adalah 1.3 kali lebih tinggi dari Nilai Buku atau pun *booked value* dan bukan 0.86 kali Nilai Buku.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak rumuskan penentuan pembayaran pengambilalihan SPLASH melibatkan rundingan antara 3 pihak iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga SPLASH. Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui surat bertarikh 17 Oktober, surat yang terbaru 17 Oktober 2016 telah menyampaikan keputusan Jemaah Menteri Berkaitan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang antara lainnya bersetuju supaya pihak Penilai Bebas Antarabangsa dilantik bagi menilai dan mencadangkan nilai pengambilalihan SPLASH yang adil. KeTTHA juga mencadangkan supaya lanjutan selama enam bulan lagi bagi memuktamadkan perjanjian-perjanjian berkaitan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor. Kerajaan Negeri menghormati keputusan Kerajaan Persekutuan selagi mana keputusan tersebut tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip ketelusan dan akauntabiliti.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Yang Berhormat Menteri Besar, adakah ini satu pembaharuan oleh Jemaah Menteri atau pun negeri pun telah buat satu kajian dan juga telah dapatkan satu *figure nation* yang kita telah pun lakukan. Ini *additional* lagi nak buat dalam enam bulan ini, dia tak terima *figure calculation* dengan yang negeri pun sudah ada pada waktu sekarang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Seri Andalas, saya bersetuju di mana daripada awal lagi saya ingat setahun yang lalu Kerajaan Negeri mengambil pendirian kita tidak menentukan apakah harga yang adil yang perlu dibayar kepada SPLASH. Maka kita sendiri di peringkat negeri telah melantik penilai bebas bagi menilai dan mencadangkan nilai pengambilalihan SPLASH. Setelah kita lakukan penilaian bebas ini selama hampir setahun sekarang kabinet baru nak mengambil langkah yang sama. Sebab itulah saya menyatakan tadi kita menghormati keputusan tersebut selagi ianya berpegang kepada prinsip ketelusan dan akauntabiliti. Dan kita mendukung usaha tersebut dan kita serahkan kepada penilai bebas untuk menentukan apakah nilai yang sebenarnya yang perlu dibayar

oleh PAAB kepada pihak SPLASH dan akan sebahagiannya ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Jadi kita membenarkan proses ini diteruskan dan sebab itu Kerajaan Persekutuan mencadangkan ada lanjutan selama 6 bulan lagi dan kita tunggu kajian ini dimuktamadkan sebelum kita menandatangani perjanjian seterusnya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Minta penjelasan sedikit. Terima kasihlah Yang Berhormat sebut di hujung ucapan tadi bahawa pembiayaan saya jangkakan datang daripada pihak PAAB ya, PAAB sebagai mana pengambilan oleh ABBAS dan juga PNSB, Puncak Niaga. Jadi dalam ucapan Yang Berhormat saya dapat lihat bahawa Kerajaan Negeri juga akan menanggung sebahagian, jadi bagaimana keadaan ini boleh berlaku sedangkan dalam dua syarikat yang sebelum ini ditanggung sepenuhnya oleh PAAB. Jadi berapa sebenarnya jumlah yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk pengambilan ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Permatang dalam konteks ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat Permatang. Tidak adil dipaksa untuk Kerajaan Negeri membayar sebahagian daripada pembiayaan pengambilalihan syarikat SPLASH kerana seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang, tiga syarikat sebelum ini dibiayai sepenuhnya oleh PAAB sama ada Puncak Niaga, sama juga dengan SYABAS dan ABBAS. Tetapi dalam konteks SPLASH ini saya tidak bersedia untuk memberikan pecahan itu kerana masih dalam rundingan. Ada cadangan daripada Kerajaan Persekutuan yang mendesak Kerajaan Negeri membiayai sebahagian dan Kerajaan Persekutuan membiayai sebahagian. Sudah tentulah saya mengambil pendirian yang sama dengan Yang Berhormat Permatang sepatutnya mereka harus melihat ini sebagai satu entiti sebagai satu proses dan mereka tidak boleh *double standard* dan menggunakan kaedah pembiayaan yang berbeza dengan apa yang telah dibuat sebelum ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jadi balik kepada pernyataan Yang Berhormat sebelum ini maknanya Yang Berhormat kalau memandangkan PAAB dia minta untuk menanggung semua perbelanjaan pembayaran untuk SPLASH yang dicadangkan nanti atau pun yang diputuskan, jadi memanglah saya rasa keputusan Kabinet sebab yang akan membiayai ini oleh pihak PAAB, MOF jadi saya fikir memang wajarlah kalau Kabinet mengarahkan penilaian pihak kedua sama ada pihak antarabangsa dan sebagainya untuk diterima. Dan memang apakah ada arahan bertulis daripada Kabinet yang meminta Kerajaan Negeri membayar sebahagian daripada untuk peruntukan ini. Sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi, adakah arahan bertulis daripada Kabinet, bukan arahanlah maknanya surat daripada bertulis.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sepatutnya Yang Berhormat boleh bertanya Yang Berhormat Tanjung Karang sahabat baik Yang Berhormat Permatang ya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang menjawab sekarang Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Cuma saya hendak nyatakan di sini memang ada cadangan tersebut. Malahan dibuat secara bertulis tetapi kita menyatakan dalam rundingan tersebut saya telah bertemu dengan Yang Berhormat Menteri menyatakan seperti pendirian Yang Berhormat Permatang sepatutnya proses yang sama diteruskan untuk pengambilalihan SPLASH. Tetapi ini masih dalam rundingan malahan mereka juga ingin menaikkan kadar sewa pajakan kepada PAAB daripada 5.5% kepada 5.75%. Ini juga Kerajaan Negeri mengambil pendirian menentang cadangan tersebut kerana tidak adil mereka menaikkan kadar sewa pajakan dalam suasana di mana ini merupakan satu proses yang membenarkan supaya pengambilalihan SPLASH ini dibuat setahun kemudian, itu juga di dalam *Master Agreement*. Dan sekarang kabinet sendiri di dalam surat bertarikh 17 Oktober mencadangkan dilanjutkan selama enam bulan lagi supaya mereka boleh membuat penilaian bebas peringkat antarabangsa dan kita bersetuju untuk menunggu kajian tersebut dan kita akan teruskan perbincangan.

Untuk makluman Yang Berhormat ada satu lagi perkara penting yang ingin saya kongsi Kerajaan Persekutuan melalui surat yang sama bertarikh 17 Oktober telah meminta Kerajaan Negeri Selangor untuk mengemukakan komitmen secara bertulis untuk menaikkan tarif air, sebelum perjanjian tambahan berkaitan penstrukturan semula industri bekalan air Selangor ini ditandatangani. Maknanya sebelum mereka tandatangani perjanjian penstrukturan dengan Kerajaan Negeri, kabinet mahu Kerajaan Negeri buat secara bertulis bahawa kita akan naikkan kadar tarif air di Selangor. Saya ingin menyatakan di sini bagi pihak Kerajaan Negeri di mana kita telah bincang dalam MMKN bahawa isu tarif tidak boleh dibangkitkan di dalam memuktamadkan penstrukturan semula ini kerana perbincangan mengenai tarif adalah melibatkan Air Selangor, SPAN dan PAAB sebagai sebahagian daripada proses kelulusan Pelan Perniagaan Air Selangor. Kerajaan Negeri telah pun memberi jaminan secara bertulis kepada KeTTHA bahawa nilai pengambilalihan tidak boleh membebankan rakyat dan Kerajaan Negeri Selangor juga memberi jaminan kita mempunyai keupayaan bagi memastikan Air Selangor membayar sewa pajakan kepada PAAB tanpa perlu memberikan komitmen kita akan naikkan tarif air.

Pelabuhan Klang juga membangkitkan isu pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang dan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dengan anggaran sebanyak RM800 juta. Sebenarnya cadangan ini telah diluluskan dalam sidang Dewan 2015 yang lalu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor membuat keputusan mengenai dua pembangunan loji baru tersebut berdasarkan kepada asas berikut. Kerajaan Negeri telah meneliti unjuran permintaan dan pembekalan air sehingga tahun 2027. Dan berusaha untuk mencapai sasaran meningkatkan rizab bekalan air kepada 15% sebagai satu inisiatif *water demand planning* yang berjangka panjang. Pada masa

yang sama, perancangan awal pelaksanaan Projek Langat 2 yang dijangkakan siap pada suku tahun 2017 telah berubah dan dijadualkan siap hanya pada akhir tahun 2019. Manakala projek pembangunan yang masih ditangguhkan kelulusannya oleh SPAN mengikut rekod sehingga 14 Oktober 2016 adalah sejumlah 847 permohonan yang masih ditangguhkan di mana jumlah air yang diperlukan adalah sebanyak 523 juta liter sehari. Pembinaan Labuhan Dagang di Kuala Langat juga merupakan pelengkap kepada sistem agihan air yang menyeluruh bagi Negeri Selangor. Di mana SSP 1 bagi kawasan utara Sungai Langat dan Semenyih bagi kawasan tengah dan Labuhan Dagang bagi kawasan Selatan. Manakala bagi Langat 2 akan menumpukan perkhidmatan di Kuala Lumpur, Cheras, AU3, Ampang dan Bukit Jalil. Rangkaian ini adalah sebagai usaha untuk memastikan hubungan sistem air yang dapat membantu mana-mana kawasan yang mengalami masalah gangguan bekalan air. Berdasarkan kepada asas-asas atas pembangunan dua loji baru ini akan membawa kebaikan kepada pembangunan Negeri Selangor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu peruntukan Ahli Dewan Negeri Pembangkang ya, mulai tahun 2015, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM200,000.00 kepada setiap Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan atau RM2.6 juta bagi tiga belas Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan di Negeri Selangor untuk digunakan bagi tujuan meningkatkan infrastruktur asas dan kemudahan awam serta menjalankan aktiviti mesra rakyat di kawasan Dewan Negeri masing-masing. Pada tahun 2016, peruntukan yang sama disediakan oleh Kerajaan Negeri namun ada desakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya peruntukan ini ditarik semula. Memandangkan kenyataan umum yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Dewan Negeri Pembangkang, mereka tidak mahu menggunakan peruntukan tersebut. Sebenarnya saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini perkara ini tidak berlaku. Sejumlah hampir RM500,000.00 telah pun dibelanjakan oleh Ahli-ahli Dewan Negeri Pembangkang sehingga 30 September 2016. Perbelanjaan tersebut meliputi kos pengurusan pejabat Ahli Dewan Negeri sebanyak RM6,000.00 setiap bulan. Prestasi perbelanjaan Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan sehingga 30 September 2016 adalah seperti berikut. Kota Damansara telah mengambil RM42,000.00. Kuang RM42,000.00. Semenyih RM36,000.00. Dengkil RM42,000.00. Sungai Burong RM42,000.00. Permatang RM42,000.00. Bukit Melawati RM42,000.00. Jeram RM42,000.00. Hulu Bernam RM42,000.00. Batang Kali RM42,000.00. Sungai Air Tawar RM36,000.00. Sungai Panjang RM36,000.00. Menjadikan jumlah keseluruhan RM492,906.50 sehingga bulan September 2016. Ini membuktikan bahawa sebenarnya peruntukan yang diberikan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri Pembangkang telah pun digunakan dan oleh itu saya tidak berhasrat untuk menarik balik kerana kita telah memberikan peruntukan ini kepada mereka. Cuma nasihat saya kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri Pembangkang...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bagilah saya minta penjelasan sikit...

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Nanti-nantilah saya habiskan satu ayat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya nasihatkan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri Pembangkang supaya peruntukan ini juga digunakan untuk rakyat. Jangan hanya untuk kepentingan diri sendiri sahaja. RM200,000 ini adalah untuk rakyat di kawasan masing-masing. Tetapi Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang ambil hanya untuk kepentingan diri dan kemudahan pejabat sedangkan peruntukan yang kita siapkan untuk rakyat mereka sengaja tidak ambil. Bagi saya ini satu perkara yang tidak seharusnya berlaku, peruntukan ini wajarlah diambil. Jangan dengar gertakan daripada Yang Berhormat Tanjung Karang tetapi secara sulit untuk pejabat ambil, untuk rakyat tidak diambil. Ini suatu pengkhianatan kepada rakyat di negeri dan kawasan masing-masing. Silakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bagi dulu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Speaker.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa nak bagi siapa laluan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dengkil. Sebab dia yang ambil dulu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ok. Terima kasih, Bukit Antarabangsa. Dato' Menteri Besar, saya nak minta penjelasan sikit. Kami dapat surat daripada Pejabat Dewan yang mengatakan perbelanjaan pejabat pengurusan diberikan kepada semua adun-adun termasuklah adun bukan kerajaan. Malah diberikan sama semuanya lebih kurang RM6,000 sebulan. Jadi ini atas arahan daripada Pejabat Dewan dan atas dasar itu atas dasar keadilan kami mengambil tawaran tersebut sebab semuanya dapat tawaran yang sama tetapi kalau dari segi peruntukan untuk membantu di kawasan Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa tak berlaku adil. Walaupun parti keadilan rakyat tetapi ADN-ADN di sebelah sana mendapat RM700,000. Kami diberikan RM200,000. Kami juga dipilih oleh rakyat. Di manakah letaknya keadilan. Tolong Menteri Besar jelaskan. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Yang Berhormat Dengkil. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Dengkil yang kali pertama memahami prinsip keadilan. Tetapi jangan kita bicara prinsip keadilan untuk diri kita. Bagaimana keadilan untuk rakyat? Ya. Kita memang memberikan peruntukan ini memang kita sebut sebahagiannya iaitu RM6,000 sebulan untuk tujuan pengurusan pejabat. Tetapi kita juga memang betul kita beri pada ADUN Pembangkang kita beri kepada Ahli Dewan Negeri Kerajaan. Yang ini Yang Berhormat Dengkil ambil, Sekinchan pun ambil. Tetapi kita juga telah mengeluarkan surat pekeliling dan diumumkan dalam dewan ini setiap Ahli Dewan Negeri mendapat RM700,000. Di Dengkil pun

secara total memang RM700,00. Tetapi diuruskan oleh Yang Berhormat Dengkil RM200,00 diuruskan oleh penyelaras DUN RM 500,000. Itu hakikatnya tapi jumlahnya sama. Sebab ini satu permulaan yang baik. Kami di Parlimen tidak dapat apa langsung. Ya. Maka gunalah RM200,000 ini terlebih dahulu. Kalau Yang Berhormat Dengkil tolak sepenuhnya RM200,00 saya boleh terima lagi. Tetapi ini untuk diri sendiri ambil senyap-senyap untuk rakyat tak digunakan dan tidak dibelanjakan. Jadi saya rasa ini satu kesalahan yang merugikan rakyat di kawasan Dengkil.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat, saya rasa memang tidak adillah Yang Berhormat membuat kenyataan di dalam Dewan. Pekeliling menyebut untuk peruntukan pejabat dan tidak pun menyebutkan diambil daripada sebahagian daripada peruntukan RM200,000. Tak ada menyebut pun. Jadi kita tak ada pengalaman dan pengetahuan pun tentang perkara ini. Sebab pada kita sebagaimana juga... Saya ingat Sungai Pinang kena dengarlah saya cakap. Jangan macam langau. Jadi saya rasa kena adilkah. Jadi kena adillah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Langau eh.. Langau tu.. haa ni langau..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kemudian peruntukan yang kedua, peruntukan RM6000 itu jelas untuk pembiayaan pejabat. Memanglah kita guna sebahagiannya untuk membayar kakitangan, yang datang ke pejabat yang memohon peruntukan yang memohon sokongan kecil-kecil RM100, RM200. Memang kita gunakan untuk tujuan berkenaan. Untuk rakyatlah. Jadi kita ikut apa pekelliling yang dikeluarkan. Jadi soal daripada mana diambil peruntukan itu, itu sekarang ini Yang Berhormat nak ungukit dalam itu mengambil sebahagian dan mengatakan kita mengambil peruntukan itu. Jadi ini kena jelaslah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Permatang, isunya bukan ambil dari sumber mana. Isunya Kerajaan Negeri berlapang dada di dalam Dewan yang mulia ini kita luluskan, sejumlah RM200,000 untuk Ahli-Ahli Dewan Negeri Pembangkang menggunakan dan mengikut surat pekelliling sebahagiannya untuk pengurusan pejabat dan sebahagiannya untuk pembangunan di kawasan masing-masing. Mengapa hanya digunakan untuk pejabat dan tidak diambil dibelanjakan bagi kepentingan rakyat. Itu persoalannya. Sama juga dengan Ahli-Ahli Dewan Negeri Kerajaan, kita berikan RM700,000 guna surat pekelliling yang sama di mana RM6000 setiap bulan untuk pengurusan pejabat dan selebihnya mesti digunakan dengan terancang bagi kepentingan rakyat. Jadi saya nak tanya dalam Dewan ini, bukan saya nak tanyalah. Saya tidak mahu penjelasan. Cuma saya nak nyatakan di sini gambaran yang diberikan di luar oleh Yang Berhormat Tanjung Karang seolah-olah tawaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri ini ditolak bulat-bulat oleh pembangkang. Tapi sebenarnya sebahagiannya diambil juga bagi kepentingan diri dan pejabat masing-masing. Itu yang harus diketahui oleh rakyat. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya minta maksudkan dengan kepentingan diri. Saya ingat satu tuduhan juga Yang Berhormat Menteri Besar. Kepentingan diri itu apa dia. Ini Dewan, dia rekod Yang Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya... tidaklah tuduhan.. Pejabat sendiri, ya pegawai sendiri..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Pegawai itu berkhidmat kan untuk masyarakat di situ.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ok. Kalau pegawai itu berkhidmat untuk rakyat di kawasan Permatang mengapa pembangunan untuk Permatang itu tidak diberi digunakan untuk rakyat Permatang?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kita dah beritahu dah... Kalau yang...

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kita ada daripada RM42,000, ada RM158,000 lagi. Banyak manfaat untuk rakyat Permatang. Ini untuk.....

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat pun putar belit lah saya ingat... tak bersetuju. Saya tetap tak boleh terima untuk kepentingan diri sendiri, saya ingat yang terhormat memang....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya nak tegaskan sekali lagi ini kepentingan diri sendiri, pejabat sendiri, pegawai sendiri tetapi untuk pembangunan rakyat di Permatang wakil rakyat Permatang menafikan hak mereka untuk mendapatkan peruntukan ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kalau macam tu.....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang terhormat Tuan Speaker saya nak teruskan yang akhirnya saya nak rumus penggulungan pada petang ini berhubung ada pihak yang menyindir mengapa kita mendukung gerakan bersih. Saya nak nyatakan di sini adalah tidak adil untuk pembangkang menuduh bersih ini didalangi oleh pimpinan pembangkang. Kita hanya mendukung inisiatif yang dilakukan oleh bersih, ada lima perkara sahaja. Tak timbul soal BERSIH nak jatuhkan kerajaan, tidak timbul soal BERSIH nak gulingkan kerajaan. Kalau kita lihat matlamat BERSIH yang pertama, untuk pilihan raya yang bebas dan adil. Apakah itu satu kesalahan? Kedua, untuk membentuk kerajaan yang bersih. Apakah itu satu kesalahan? Yang ketiga, untuk menuntut hak membantah *the right to the dissent*. Itu hak kita sebagai rakyat. Yang keempat, untuk mempertahankan demokrasi berparlimen. Yang kelima, untuk memperkukuhkan federalisme termasuk Sabah dan Sarawak. Jadi lima agenda bersih ini menuntut kita untuk bersama-sama dan insya-Allah dengan

kebangkitan rakyat kita akan melihat sebuah kerajaan yang lebih kuat dan kukuh di Putrajaya dalam pilihan raya umum yang akan datang. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah membantu menyertai perbahasan dalam sesi kali ini.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ini ialah rang undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT : Ya.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

DIPERSETUJUI.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang kedua rang undang-undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya tangguhkan Dewan hingga hari esok 4 November 2016 (Jumaat), jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 petang)